

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dunia hari ini tidak lagi hanya dipisahkan atas perbezaan ideologi, kekuatan ataupun kekayaan sesebuah negara. Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) telah memperluaskan jurang digital antara negara miskin dan negara maju. Secara umumnya, globalisasi adalah satu proses politik, ekonomi, sosial dan budaya yang telah menghilangkan sempadan geopolitik antara negara (Utusan Melayu, 12 Mei 2001).

Bermula dengan weblog yang hanya digunakan sebelum ini untuk mencari rakan dalam kalangan generasi muda, kini ia telah berubah kepada tempat yang digunakan oleh mereka yang tidak berpuas hati terhadap polisi kerajaan untuk meluahkan perasaan mereka (Hizal, 2008 : 1).

Pilihan Raya Umum ke-12 pada 8 Mac 2008 menyaksikan kebangkitan media alternatif seperti internet, weblog dan khidmat sistem pesanan ringkas (*Short Message Service*) sebagai saluran kepada pembangkang untuk menyalurkan mesej mereka kepada pengundi. Di sebalik “Tsunami Politik” yang meragut kelebihan majoriti dua pertiga Barisan Nasional (BN) di Parlimen Malaysia, teknologi maklumat dan komunikasi ICT memainkan peranan yang penting (Hizal, 2008 : 1).

Abu Hassan (2008) menyatakan bahawa sesuai dengan penyelidikan yang diadakan oleh UM, “70 peratus hasil pilihan raya dipengaruhi maklumat di weblog”. Menurutnya, hal ini menunjukkan kehebatan blog dalam mempengaruhi cara pemikiran rakyat terutama mengenai masalah politik (Utusan Malaysia, 3 April, 2008).

Dunia siber yang selama ini hanya menjadi tumpuan anak muda untuk bertukar mesej menerusi aplikasi sembang, kini ia telah menjadi gelanggang bagi pembangkang dan orang ramai untuk mengkritik kerajaan. Segala perasaan yang terbuku di dalam hati terhadap dasar kerajaan yang sebelum ini tidak dapat diutarakan menerusi media massa utama seperti surat khabar, radio mahupun televisyen, kini dapat diluahkan menerusi ruang siber (Hizal, 2008 : 1).

Penggunaan semua media elektronik seperti mel elektronik, weblog, SMS, *online chat*, *online forum* dan *YouTube* kini ia telah dijadikan sebagai media alternatif sebagai wadah baru bagi ahli-ahli politik untuk menyalurkan pandangan mereka. Kenyataan ini disetujui oleh Dato' Sri Liow Tiong Lai, Pengurus Pemuda MCA bahawa kepentingan weblog merupakan sejenis media baru yang memainkan peranan penting dalam penyampaian mesej kepada generasi muda sekarang (Liow, 2008).

Ekoran dari gelombang ICT dalam arena politik, jelasnya ahli-ahli politik masing-masing membina weblog sendiri untuk menyebarluaskan idea mereka dan juga pendirian mereka dalam sesuatu isu semasa. Misalnya, Blog Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia, kini telah menjadi salah satu blog politik yang menarik ramai orang untuk melayarinya setiap hari (<http://blognajib.blogspot.com/>). Walaupun Tun Mahathir Mohamad telah bersara, tetapi weblog masih menjadi lidah utamanya untuk menyampaikan pandangannya mengenai isu-isu semasa yang berlaku di negara kita mahupun di peringkat antarabangsa (<http://www.blogcatalog.com/blog/tun-dr-mahathir-mohamad>).

Daripada kenyataan di atas, jelas membuktikan bahawa kesan komunikasi ICT semakin penting, kemungkinan besar suatu hari nanti ia dapat memainkan peranan yang

lebih besar daripada media cetak. Oleh itu, pendedahan generasi muda terhadap media komunikasi baru ini tidak boleh dipandang rendah. Jika selama ini media arus perdana seperti surat khabar, televisyen dan radio digunakan untuk menyampaikan mesej, namun keupayaan media dunia siber ini tidak boleh diabaikan. Oleh itu, satu perancangan strategik perlu dilakukan untuk menyampaikan mesej dalam kalangan generasi muda yang menggunakan internet sebagai medium mereka.

Menurut statistik Internet Sedunia, sehingga Jun 2009, pengguna internet di Malaysia mencecah angka 16,902,600 orang yang mewakili 58.8% daripada populasi penduduk (Internetworldstats.com, 6 Jan 2012). Peratusan ini menunjukkan bahawa peningkatan yang amat cepat jika dibandingkan dengan bulan Disember tahun 2005, pengguna internet di Malaysia hanya 10,040,000 orang iaitu 30% sahaja.

Peningkatan yang amat merangsangkan ini membuktikan bahawa ruang siber ini semakin popular dalam kalangan rakyat di Malaysia. Ekoran daripada peningkatan jumlah pengguna internet di Malaysia, weblog yang bersifat dairi persendirian ini kini telah menjadi suatu pentas yang penting dalam dunia internet sebagai media atas talian yang paling popular dalam kalangan generasi muda di negara kita.

Weblog merupakan media elektronik kegemaran golongan belia kini di seluruh dunia. Sebanyak 12% pengguna internet di Amerika Syarikat melibatkan diri mereka dengan weblog. Statistik terbaru menunjukkan dalam kalangan belia, seramai 64% pengguna muda internet yang berumur di antara 12 hingga 17 tahun melibatkan sekurang-kurangnya sejenis penghasilan pendapatnya secara “*online*” menerusi internet (Smith Aaron, 2008). Lebih-lebih lagi, di Malaysia ada lebih kurang 500,000 pengguna weblog yang aktif, bilangan ini telah menempatkan negara kita menjadi salah

sebuah negara antara pengguna internet yang terbanyak di dunia ini (*The Star*, 03 April 2008).

Sehubungan dengan perkembangan dalam penghasilan weblog, bahasa internet telah diperdebatkan akibat pertembungannya dengan bahasa baku. Penggunaan bahasa internet yang merangkumi bahasa slanga, emotikon, singkatan, akronim dan sebagainya turut menjadikan topik perdebatan oleh ahli-ahli bahasa pada masa ini. Oleh itu, kajian terhadap bahasa internet tidak boleh ditangguhkan lagi.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Wilbur (2000:50), dunia siber merupakan ruang yang menghubungkan jaringan teknologi komunikasi menerusi komputer. Dengan itu, terdapat satu komuniti maya yang cuba menggulingkan bahasa komunikasi di dunia kini dengan menggunakan ideologi dan estetik mereka untuk menghasilkan suatu variasi bahasa yang tersendiri.

Penghasilan variasi bahasa yang berbeza wujud dalam dunia siber adalah disebabkan pengguna komunikasi sekarang lebih gemar menggunakan mode tulisan daripada mode lisan maka sudah pasti ada perbezaannya dengan penggunaan bahasa lisan dalam komunikasi bersemuka (Ryan, 1999). Pengkaji mendapati bahawa dalam komunikasi ruang siber, pengguna gemar menggunakan mode tulisan dengan kaedah menaip pada papan kunci. Dengan itu, mereka dapat berkomunikasi dengan rakan-rakannya menerusi mode tulisan sahaja. Penggunaan sebegini mewujudkan sejenis mode kacukan lisan dan tulisan.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Budaya Malaysia, Dato' Seri Utama Rais Yatim telah mengatakan bahawa penggunaan bahasa kini semakin luntur disebabkan sikap tidak peka masyarakat yang merosakkannya dengan penggunaan bahasa rojak. Beliau telah menyifatkan bahasa rojak sebagai “sekerat ular sekerat belut”, iaitu sekerat bahasa Melayu sekerat bahasa Inggeris. Beliau menyarankan kebimbangannya kerana mengikut beliau, bahasa kebangsaan kini didapati luntur terutamanya dalam pertuturan kerana ia dicampur aduk dengan unsur-unsur bahasa rojak dan kini tidak ramai orang yang boleh bertutur dalam bahasa kebangsaan yang utuh (Utusan Melayu, 4 Julai 1998). Puncanya berlakunya bahasa rojak adalah mode kacukan lisan dan tulisan.

Menurut Wang (2004), bahasa kacukan lisan dan tulisan ini turut mengalami perubahan yang besar dari segi retorik dan strukturnya di China. Dalam laporan beliau, setelah mengkaji bahasa internet di China dari tahun 1998 hingga 2007, beliau berpendapat bahawa bahasa internet terpengaruh oleh faktor sosial, budaya ataupun latar belakang pendidikan seseorang. Oleh itu, kewujudan bahasa percampuran seperti bahasa internet ini menjadi sesuatu subjek yang penting bagi kajian (Wang, 2004: 227-231).

Percampuran bahasa mungkin dianggap sebagai hasil kreativiti dalam penggunaan bahasa. Pada pragmatiknya, situasi ini merupakan satu cabaran yang menarik dalam revolusi bahasa Cina. Sekiranya kita membiarkan keadaan ini berterusan, kemungkinan besar ia akan menjadi suatu kecenderungan. Amalan seperti ini akan menghasilkan ayat-ayat yang tidak mengikut nahu kerana ia terpesong daripada hukum-hukum tatabahasa. Hal ini pasti dikhuatiri kerana ia akan mencemarkan bahasa standard dan semakin memberi kesan yang buruk kepada perkembangan bahasa. Oleh

itu, kreativiti golongan belia ini perlu lebih diperhatikan dan dibimbing kerana sukar dibayangkan tentang bentuk bahasa yang bakal terhasil daripada kecenderungan ini.

Fenomena percampuran bahasa turut berlaku pada bahasa Cina. Sekerat bahasa Cina bercampur dengan bahasa Inggeris ataupun bahasa lain, penggunaan angka-angka serta simbol-simbol menjadikan bahasa Cina internet terpesong jauh daripada hukum-hukum tatabahasa semakin kerap berlaku dalam ruang siber pada masa ini (Zhao, 2008).

Bagi ahli linguistik, variasi campuran bahasa lisan dan tulisan ini dianggap aneh dan boleh mencemarkan bentuk tulisan bahasa standard tetapi bagi golongan yang menggunakan variasi bahasa sebegini di dalam ruang siber, mereka pula berpendapat bahawa variasi ini memperlihatkan keunikan, kelainan stilistik dan perasaan santai dalam komunikasi walaupun komunikasi tersebut muncul dalam bentuk bertulis (Noriah, 2006).

Weblog adalah merupakan aplikasi web yang mengandungi tulisan-tulisan pemilik laman sesawang atau dikenali sebagai pemblog (*penulis weblog*). Belia seluruh dunia menerima penggunaan weblog dengan hati yang terbuka. Kini, weblog telah dianggap sebagai warkah elektronik yang memudahkan golongan belia untuk berhubung secara berterusan dengan komunitinya dengan sekilip butang (Jyh, 2008:1).

Berdasarkan pandangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kajian terhadap variasi bahasa yang begitu unik ini terutamanya dalam bahasa yang digunakan dalam weblog bahasa Cina dalam kalangan belia menjadi suatu tugas yang amat berat. Pengkaji bukan sahaja mengkaji secara mendalam mengenai semantik

perkataan-perkataan dan juga emotikon-emotikon dalam weblog bahasa Cina golongan belia. Pada masa yang sama, pengkaji juga dapat mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ini.

1.3 Latar Belakang Kajian

Penggunaan bahasa dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi suatu ruang yang baru untuk penulis-penulis menyampaikan pendapat mereka. Ekoran daripada pengguna internet yang semakin banyak, telekomunikasi menerusi internet merupakan suatu alat elektronik yang digemari ramai. Ini adalah disebabkan oleh manusia dapat berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain tanpa batas sempadan dan tanpa kekangan masa (Sulaiman,1996).

Golongan belia yang menggunakan bahasa Cina turut mengeksplorasi kemudahan unsur komunikasi tersebut menyebabkan banyak leksikal baharu terhasil dalam dunia siber. Kenyataan di atas dapat dibuktikan menerusi laman-laman weblog bahasa Cina internet Malaysia, Singapura, China, Hong Kong dan Taiwan. Fenomena ini juga jelas ditemui dalam kemudahan *e-mail*, *chat room*, weblog, perbincangan forum internet dalam bahasa Cina. Keadaan ini secara tidak langsung telah membantu melestarikan bahasa Cina internet (*China Internet Network Information Centre*, 2004).

Bahasa Cina merupakan salah satu media bahasa komunikasi yang penting dalam internet pasti mengalami beberapa penyesuaian akibat pengguna-penggunanya datang dari latar belakang yang menguasai dwibahasa. Kebelakangan ini, isu yang hangat diperdebatkan oleh ahli-ahli linguistik adalah penggunaan bahasa percampuran yang semakin berleluasa di seluruh dunia, khasnya dalam komuniksi berantarkan komputer (*Computer-Mediated Communication – CMC*) (Teo, 2003).

Weblog merupakan suatu tempat yang sesuai untuk mengutarakan pendapat atau idea penulis weblog tanpa sempadan dan kekangan masa di dalam dunia siber. Weblog merupakan catatan yang dikemaskinikan setiap hari. Weblog atau diari individu digemari ramai pada zaman ini terutamanya dalam kalangan belia (Luo, 2005:1). Oleh itu, kajian tentang weblog merupakan suatu kajian yang berat kerana pengkaji perlu mengumpulkan data-data setiap hari serta penggunaan bahasa yang terkini.

Pada lazimnya, weblog mempunyai dua kegunaan. Pertama, ia merupakan catatan harian atau digelar sebagai “*journal diary*”. Penulis-penulis dapat menulis catatan harian dan pengalaman mereka tanpa dikawal menerusi weblog. Kedua, penulis weblog atau digelar “*blogger*” juga dapat mengemukakan pendapat mereka menerusi rangkaian internet yang tersebar luas dan menerima maklum balas daripada pengguna-pengguna weblog yang lain (Luo, 2005:1).

Bahasa internet telah wujud sebagai satu alat komunikasi yang baru selain daripada bahasa percakapan dan juga penulisan. Menurut Crsytal (2001:28), penggunaan bahasa dalam dunia siber ini akan lebih popular daripada bahasa percakapan dan penulisan. Malah dunia akan mengalami suatu revolusi bahasa daripada kewujudan bahasa internet ini.

Komunikasi dalam dunia siber ini juga digelar sebagai “*netspeak*” yang merupakan satu bentuk komunikasi yang begitu menarik kerana ia merapatkan jurang komunikasi antara dua belah orang yang menggunakan bahasa yang hampir sama (Crystal, 2001:28-29). Dalam penggunaan weblog, sesiapa sahaja boleh membaca

mesej secara percuma, individu hanya perlu mendaftar sebagai ahli, barulah mereka boleh turut serta dalam perbincangan yang sedia ada. Kaedah ini dikenali sebagai susulan atau “*following up*”, di mana ahli-ahli yang mendaftar dapat memberi maklum balas dengan cara memaparkan mesej jawapan kepada pengguna weblog tentang topik yang diminati oleh mereka. Perhubungan susulan ini menyebabkan topik perbincangan dapat menarik pembaca-pembaca dari kalangan mereka yang hampir sama latar belakang.

Blood (2002) berpendapat bahawa weblog merupakan penulisan peribadi, untuk menarik pembaca, weblog perlu dikemas kini. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan pengguna weblog perlu memberi sesuatu yang baru kepada pembaca dari semasa ke semasa untuk menarik pembaca melayari weblog mereka. Faktor ini menyebabkan weblog menjadi kegemaran golongan belia di seluruh dunia termasuklah negara kita.

Daripada pendapat-pendapat di atas, adalah menjadi tugas yang penting dalam membuat kajian tentang bahasa-bahasa yang digunakan dalam ruang siber, misalnya perbualan chat, *email*, IRC mahupun weblog. Pengguna-pengguna internet di ruang siber ini kebanyakannya terdiri daripada golongan pemuda-pemudi yang amat kreatif dan sentiasa menyokong pembaharuan, maka mereka cenderung untuk membincangkan isu-isu semasa atau maklumat terkini untuk berkongsi dengan orang lain (Herring, 2004: 1).

Kajian ini akan melihat aspek-aspek leksikal di dalam laras bahasa Cina yang digunakan di dalam weblog dalam kalangan pemuda-pemudi. Kajian ini adalah

berfokuskan kepada penggunaan bahasa yang digunakan oleh peserta-peserta internet dalam weblog mereka.

1.4 Kepentingan Kajian

Di Malaysia, internet semakin hari semakin mendapat tempat yang penting dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan mel elektronik (*email*), perbualan di dalam forum internet, weblog dan penglibatan dalam perbincangan di dalam kumpulan perbincangan adalah antara penggunaan yang popular dalam kalangan pengguna internet di negara kita (Hizal, 2008). Oleh itu, kita perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang luas tentang bahasa internet.

Pengkaji mendapati bahawa kewujudan bahasa Cina internet telah mempengaruhi penggunaan ragam bahasa dan strategi komunikasi dalam kalangan golongan belia terutamanya pelajar-pelajar sekolah menengah dan mahasiswa-mahasiswi institut pengajian tinggi di negara kita. Pengkaji juga mendapati bahawa sebelum ini kajian-kajian tentang bahasa Cina internet dalam forum internet, mel elektronik (*email*) dan sistem pesanan ringkas (SMS) telah dijalankan. Akan tetapi, pengkaji mendapati tiada lagi kajian bahasa Cina internet tentang weblog tempatan dijalankan. Dengan terhasilnya kajian ini agar dapat membantu orang ramai dapat memahami bahasa Cina internet dengan lebih mendalam, khususnya kajian tentang penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog tempatan.

Pengkaji juga berharap hasil dapatan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bagaimana bahasa Cina internet dibentukkan dan digunakan dalam dunia siber pada masa ini. Dapatan kajian ini dapat memperkayakan kajian tentang

bahasa Cina internet tempatan yang semakin banyak digunakan oleh penulis-penulis weblog terutamanya dalam kalangan belia di negara kita.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi pengetahuan dan membantu guru-guru bahasa Cina sekolah menengah mahupun sekolah rendah supaya mereka dapat lebih memahami pembentukan dan penggunaan bahasa Cina internet yang terdapat dalam weblog-weblog hasil golongan belia di Malaysia. Dengan adanya pengetahuan tentang bahasa Cina internet. Hal ini dapat membantu guru-guru berinteraksi dengan pelajar-pelajarnya dan tidak ketinggalan dalam perkembangan dunia siber ini.

Akhirnya, pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat memberi gambaran kepada ahli-ahli linguistik dan ahli-ahli akademik untuk membuat penyelidikan yang lebih lanjut dalam bidang kajian bahasa Cina internet.

1.5 Objektif Kajian

Untuk membuat kajian ini dengan lebih khusus, pengkaji telah mengambil perspektif teori bahasa *Computer Mediated Communication* (CMC) oleh Crystal (2001) sebagai tulang belakang kajian. Dalam kajian ini, pengkaji akan meninjau penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog hasil golongan belia di negara kita. Kajian-kajian ini dibuat berlandaskan tiga jenis gaya bahasa teori Crystal (2001), iaitu ciri grafik, grafologikal dan leksikal.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1 Mengesan dan mengenal pasti perkembangan linguistik dalam penggunaan bahasa Cina yang wujud dalam weblog dalam kalangan belia sekarang di Malaysia.
- 2 Menganalisis ciri-ciri leksis dalam bahasa Cina yang digunakan oleh belia dalam weblog mereka.
- 3 Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan bahasa Cina dalam weblog dalam kalangan belia sekarang di Malaysia.

Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi satu gambaran yang jelas tentang kajian linguistik dalam penggunaan bahasa Cina yang wujud dalam weblog-weblog golongan belia sekarang dalam dunia siber kini di Malaysia.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan pada pemerhatian ke atas 40 orang penulis weblog dalam kalangan belia Cina sekarang. Mereka terdiri daripada penulis weblog tempatan. Data-data yang dikumpul adalah dalam bahasa Cina. Kajian ini juga memberi tumpuan mengenai percampuran kod, pengalihan kod, penggunaan singkatan dan akronim, bahasa kasar, pengulangan dan grafalogikal.

Menurut Dasar Belia Negara, kumpulan belia yang dimaksudkan adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun (Dasar Belia Negara, 1985). Oleh itu, penulis-penulis weblog dan respond-respond yang difokuskan merupakan golongan belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun tanpa mengira latar belakang mereka. Walau bagaimanapun, data-data weblog yang dikumpul terhad pada sejenis bahasa, iaitu bahasa Cina sahaja. Dalam membuat penganalisisan data-data, pengkaji hanya fokus pada

penggunaan bahasa yang digunakan oleh penulis dalam weblog mereka tanpa membincangkan tatabahasa mahupun isi kandungannya.

Skop kajian terbatas pada data-data yang dipaparkan oleh pengguna weblog muda menerusi weblog mereka sahaja. Sampel-sampel pengguna weblog yang terpilih merupakan hasil-hasil pengguna weblog tempatan sahaja. Golongan pengguna weblog tempatan ini, kebanyakannya terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan ataupun pelajar-pelajar sekolah menengah tempatan. Selain itu, sebahagian daripada sampel yang terpilih merupakan golongan yang baru menamatkan pengajian mereka dan baru memasuki alam pekerjaan.

Sampel kajian ini juga terbatas pada weblog-weblog individu yang merupakan “*journal blog*” atau “*diary blog*”. Jenis weblog ini merupakan diari paparan individu, di mana pengguna-pengguna weblog dapat memaparkan apa sahaja yang mereka minat dan ingin berkongsi dengan pengguna-pengguna internet yang lain dalam weblog mereka. Kajian ini tidak akan menyentuh weblog yang lain, seperti “*warblog*”, “*knowledge Log*”, “*news blogs*”, “*Pundit blog*”, “*tech blog*” dan juga “*Digest blog*”.

Pengumpulan data-data kajian adalah terhad kepada hasil-hasil tulisan yang dipaparkan dalam weblog-weblog mereka. Oleh sebab tajuk dan isi kandungan dalam setiap paparan weblog adalah tidak sama, dengan itu, pengkaji telah membataskan 2,000 patah perkataan bagi setiap weblog yang dihasilkan oleh setiap penulis weblog sebagai data kajian ini.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang telah pengkaji gunakan dalam kajian ini dijelaskan di bawah.

1.7.1 Internet

Pada dasarnya, internet merupakan lebuh raya maklumat atau informasi yang penting. Ia juga adalah suatu rangkaian yang dapat menghubungkan semua komputer di seluruh dunia menerusi jaringannya (Liu, 2002: 1-3). Pengguna-pengguna internet boleh memperoleh maklumat dengan serta-merta melalui rangkaian jaringan ini tidak kira masa atau tempat, dengan syarat maklumat yang diperlukan itu telah dipaparkan dalam internet.

Media elektronik ini kian penting kerana ia telah memberi suatu ruang berkomunikasi sesama manusia tidak kira masa atau tempat. Sebelum internet diperkenalkan, telefon mahupun telegram merupakan satu-satunya alat perhubungan yang penting. Akan tetapi, selepas perlancaran internet, ia telah menjadi suatu media yang digunakan untuk berhubung antara satu sama lain dalam masa yang singkat.

Di samping memainkan peranan sebagai alat berkomunikasi, internet juga berperanan sebagai penyalur maklumat. Kini, kita dapat mengetahui berita terkini menerusi paparan di internet dengan tepat dan pantas. Selain itu, perkembangan rangkaian internet juga dapat menghubungi seseorang individu untuk berhubung dengan sekumpulan rakannya tanpa mengira masa dan tempat.

1.7.2 Terminologi

Dalam penyelidikan ini, antara istilah asas yang perlu diketahui adalah seperti yang berikut:

Diari : Buku yang mengandungi catatan harian tentang pengalaman atau pemerhatian peribadi (Kamus Dewan, 2005).

Jurnal : Fungsi sama dengan diari.

- Weblog : Laman web yang sering dikemas kini yang terdiri daripada entri bertarikh yang disusun mengikut tertib kronologi terbalik supaya laman web yang paling terkini muncul dahulu (dipetik daripada the *Routledge Encyclopedia of Narrative Theory*, cited in Nowson, 2006).
- Blog : Bentuk pendek tulisan weblog yang digunakan untuk menggambarkan satu jurnal peribadi weblog seperti yang diterangkan di atas. Weblog juga boleh digunakan sebagai kata kerja untuk menggambarkan perbuatan menulis weblog, atau laman weblog yang tunggal (Nowson, 2006).
- Blogger : Pemilik atau penulis di weblog .
- Blogging : Aktiviti menulis, mengemaskini atau menguruskan weblog (Nowson, 2006).

1.7.3 Jurnal Weblog Peribadi

Kewujudan weblog telah memberi suatu peluang yang baik untuk peserta-peserta untuk mengeluarkan pendapat-pendapat menerusi alam siber ini. Weblog peribadi lebih merupakan suatu perkhidmatan “*online diaries*”, di mana peserta-peserta weblog dapat berkongsi pengalaman mereka tanpa dihalang oleh sesiapa pun dalam halaman weblog mereka secara individu. Dengan kata lain, weblog peribadi lebih bersifat diari peribadi atau “*personal notebook*”. Dalam weblog peribadi, peserta-peserta dapat mengutarakan pendapat mereka menerusi gambar, hujah-hujah, pendapat mereka serta pengalaman yang mereka alami setiap hari.

1.7.4 Bahasa Internet

Bahasa Internet merupakan ragam bahasa yang digunakan oleh pengguna dalam komunikasi internet. Menurut kajian, bahasa internet ini dibahagikan kepada tiga jenis:

- 1) Kelahiran teknologi komputer, nama-nama peralatan dan leksis berkenaan dengan komputer telah diwujudkan ataupun kata nama yang lama diberikan definisi baru, misalnya, *mouse*, *virus*, *keyboard*, *monitor* dan sebagainya.
- 2) Selain itu, item leksikal yang berkenaan dengan internet seperti alam maya, internet, weblog, ruangan sembang dan sebagainya dicipta akibat keperluan teknologi moden (Zhou, 2004).
- 3) Simbol-simbol, tanda baca, bahasa singkatan, angka-angka dan emotikon-emotikon yang digunakan dalam weblog.

Kajian ini memberi fokus kepada bahasa yang digunakan dalam weblog. Bahasa-bahasa ini termasuklah penggunaan leksis ciptaan baru, simbol-simbol, tanda baca, bahasa singkatan, angka-angka dan emotikon-emotikon yang digunakan. Dalam kajian ini pengkaji akan dapat mengesan dan menganalisiskan perkembangan linguistik dalam bahasa Cina dalam weblog golongan belia di negara kita.

1.7.5 Bahasa Cina

Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa rasmi yang digunakan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pengiktirafan ini menunjukkan bahasa ini memainkan peranan yang penting dalam persada dunia. Kini, bahasa Cina merupakan bahasa rasmi di China, Taiwan, Hong Kong dan juga di Singapura. Hampir satu perempat daripada penduduk sedunia dapat berkomunikasi dalam bahasa Cina (<http://www.cflac.org.cn>, 25 Februari 2011).

Bahasa Cina baku merujuk kepada dialek Beijing, China. Ia tergolong dalam keluarga bahasa Sino-Tibet. Penggunaan bahasa Cina baku ini merujuk kepada sebutan, makna dan juga bentuk tulisannya. Sejak kebangkitan gergasi Asia China dalam bidang ekonomi, permintaan untuk mempelajari bahasa Cina semakin meningkat di seluruh dunia.

Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita, akan tetapi dalam perlembagaan negara kita, peluang untuk orang Cina untuk mempelajari bahasa ibundanya tetap diberikan. Akta negara telah menetapkan bahawa bahasa Cina dijadikan bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJK (C)) untuk memberi peluang kepada rakyat mempelajari bahasa Cina. Di peringkat sekolah menengah, mata pelajaran bahasa Cina masih ditawarkan sehingga ke tingkatan enam. Dengan itu, pelajar-pelajar yang keturunan Cina berpeluang untuk mempelajari bahasa ibundanya daripada sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah.

1.8 Kesimpulan

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti perkembangan linguistik dalam penggunaan bahasa Cina dalam weblog dan analisis ciri-ciri leksis dalam bahasa Cina yang digunakan oleh golongan belia dalam weblog mereka. Pengkaji akan menggunakan 40 weblog tempatan sebagai data kajian. Di samping itu, soal selidik dan temu bual akan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas responden mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa tersebut.

Secara keseluruhan, kajian tentang penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog golongan belia di negara kita begitu mencabar kerana dalam pandangan

ahli-ahli bahasa, pencemaran bahasa ini boleh membawa kesan-kesan negatif terhadap perkembangan bahasa tersebut. Sebaliknya bagi penulis weblog, mereka pula berpendapat bahawa kreatif dan inovatif adalah menyebabkan sesuatu bahasa dapat berkembang dan diterima oleh semua orang. Percanggahan pendapat ini antara ahli-ahli bahasa dan pengguna weblog menyebabkan kajian ini menjadi lebih mencabar lagi.

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

2.1 Pendahuluan

Weblog telah menjadi satu saluran yang penting dalam sistem komunikasi “*online*” pada masa kini. Menurut Mohamad Sofee (2008: 24), kemunculan weblog telah memacu perkembangan teknologi, komunikasi dan maklumat global dan mewujudkan sebuah komuniti maya baru yang gaya dan kecenderungan memiliki weblog peribadi atau syarikat dilihat semakin berkembang pesat di Malaysia. Inovasi teknologi siber ini telah membuka lembaran baru kepada korpus penulisan, perkembangan bahasa dan dunia intelektual dalam komuniti internet masa kini.

Teknologi komunikasi dan maklumat berkembang dengan amat pesat. Kini, weblog menjadi kegilaan masyarakat yang celik komputer dan internet tanpa mengira usia (Indirawati, 2008:14). Subjek ini menjadi topik kajian yang hangat kebelakangan ini.

Dalam bab ini pengkaji akan memetik kajian-kajian lepas yang penting dan berkaitan dengan topik kajian ini. Dalam bahagian pertama, pengkaji akan mengkaji sejarah perkembangan weblog dan tanggapan weblog serta membincangkan penggunaan weblog dalam kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya akan membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan weblog.

Dalam bahagian kedua pula, perbincangan tentang penggunaan bahasa dalam weblog akan diutamakan. Oleh sebab topik kajian ini adalah berkait rapat dengan bahasa internet, maka terlebih dahulu pengkaji akan mengutarakan kajian-kajian lepas yang

mengenai sifat-sifat bahasa dalam komunikasi berantarkan komputer dan fenomena penggunaan bahasa Cina dalam internet terutamanya dalam weblog. Bahan-bahan kajian yang lepas mengenai penggunaan bahasa dalam weblog dan ciri-ciri bahasa akan menjadi panduan pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

2.2 Weblog

2.2.1 Sejarah Perkembangan Weblog

Weblog pertama kemungkinan besar adalah halaman “*What’s New pada browser Mosaic*” yang dihasilkan oleh Marc Andersen pada tahun 1993. Kemudian pada Januari 1994, Justin Hall memulakan paparan internet peribadinya “*Justin’s Home Page*” yang kemudian berubah menjadi “*Links from the Underground*” yang mungkin dapat disebut sebagai weblog pertama seperti yang kita kenali sekarang. Kebanyakan penulis ini merujuk kepada diri sendiri sebagai penulis diari, wartawan, atau penulis jurnal, dengan sebilangan kecil menggelarkan diri sendiri sebagai “*eskribisionis*” (Erlina, 2009).

Weblog-weblog yang awal hanya merupakan komponen-komponen laman web biasa yang dikemaskinikan secara manual. Bagaimanapun, perkembangan alat-alat untuk memudahkan penghasilan dan pemeliharaan rencana-rencana laman web yang dipaparkan mengikut tertib kronologi menyebabkan proses penerbitan boleh dilaksanakan oleh lebih banyak orang yang kurang mahir dari segi keupayaan teknikal komputer. Akhirnya, keadaan ini menyebabkan sebuah kelas penerbitan atas talian yang diakui sebagai weblog pada hari ini. Umpamanya, penggunaan perisian berasaskan pengguna kini merupakan suatu aspek “pemblogan” yang biasa. Weblog boleh dikawal, baik oleh perkhidmatan-perkhidmatan pengacara weblog yang khusus,

mahupun melalui perisian weblog, seperti *WordPress*, *Movable Type*, *Live Journal* atau dalam perkhidmatan-perkhidmatan pengacara web yang tetap seperti *DreamHost*.

Istilah "weblog" dicipta oleh Jorn Barger pada 17 Disember 1997, manakala singkatannya, "blog" dicipta oleh Peter Merholz secara bermain-main memecahkan perkataan "weblog" menjadi frasa "we blog" di palang sisi blognya, *Peterme.com* pada April atau Mei 1999. Mulai hari itu, perkataan "weblog" telah disambut hangat, baik sebagai kata nama mahupun sebagai "kata kerja" dalam bahasa Inggeris (*to blog* bermaksud mengedit weblog atau mengeposkan perutusan ke dalam weblog (Zainal, 2011).

Walaupun penulisan weblog lambat dimulakan tetapi usaha-usaha menulis weblog dengan pantasnya mencapai kepopularan. Misalnya, laman web Xanga yang dilancarkan pada tahun 1996 hanya mempunyai 100 kemasukan menjelang 1997, tetapi melebihi 20 juta kemasukan menjelang bulan Disember 2005. Penggunaan weblog meledak pada tahun 1999 dan selepasnya, dipopulkarkan lagi secara tiba-tiba, ia hampir serentak alat-alat blog pengehosan yang awal (Zainal, 2011).

"Open Diary" yang dilancarkan pada Oktober 1998 tidak lama kemudian berkembang sehingga beribu-ribu kemasukan dalam talian. "Open Diary" membuat pembaharuan kepada ulasan pembaca dan menjadi komuniti weblog yang pertama yang para pembaca boleh menambahkan ulasan mereka pada kemasukan weblog penulis yang lain.

Brad Fitzpatrick, seorang pengguna blog yang terkenal memulakan *Live Journal* pada bulan Mac 1999. Andrew Smales mencipta *Pitas.com* pada bulan Julai 1999

sebagai pilihan yang lebih mudah untuk mengendalikan "laman berita" dalam laman web. Ini diikuti oleh penciptaan "*Diaryland*" pada bulan September 1999 yang lebih menumpukan komuniti diari peribadi (Zainal, 2011).

Pada bulan November 2007, Technorati, enjin carian blog sedang menjelak angka melebihi 120 juta weblog, meningkat dua kali ganda mulai awal Januari 2007. Menurut *Tech Web News* (2009), sehingga November 2009, enjin carian Cina terbesar di dunia "*Baidu*", melaporkan bahawa bilangan weblog yang menggunakan bahasa Cina di seluruh dunia telah mencapai 523,000,000 dan pengguna weblog telah mencapai 19,870,000 orang.

Sehingga hari ini, peranan weblog semakin meningkat dan beragam. Pada peringkat permulaan weblog hanya sebagai diari individu, harini weblog telah memainkan peranan sebagai media untuk menyampaikan pendapat, berita, perbincangan, catatan harian, pembahasan mengenai isu-isu yang hangat dan dianggap menarik oleh diri sendiri mahupun secara kumpulan sebagai sumber berita (asinkronin) di laman internet.

Pengkaji bahasa internet, Luo (2005:3) telah menyifatkan pengguna weblog pada masa kini seumpama Ferdinand Magellan (1480-1521) seorang ahli pelayar yang penting kerana membuat pelayaran sekeliling dunia pertama pada abad ke-16. Begitulah pentingnya weblog yang menyediakan suatu ruangan kepada pengguna weblog untuk menyampaikan pendapat mereka secara bebas.

Weblog telah membawa dua kesan yang penting dalam media massa sekarang. Dari aspek sebaran media massa, ia merupakan suatu ruangan bebas dalam internet yang memberi peluang kepada pengguna weblog untuk menyampaikan pendapat

mereka tanpa halangan ataupun dikawal oleh suatu pihak. Atas kebebasan ini, weblog telah menimbulkan suatu keadaan yang tidak dapat dikawal sekiranya dibandingkan dengan media massa tradisional seperti surat khabar ataupun media elektronik seperti televisyen mahupun radio (Luo, 2005: 1).

Dari aspek hak milik, weblog merupakan hasil paparan individu. Segala topik atau pendapat dalam weblog adalah dipaparkan secara sesuka hati oleh seseorang pengguna weblog. Dengan itu, keadaan ini berlainan daripada media massa yang lama, kebiasaananya dimiliki oleh suatu masyarakat. Weblog boleh disifatkan sebagai sebuah “media individu” yang tiada halangan semasa mengemukakan pendapat mereka dalam alam media sekarang (Luo, 2005 :3).

2.2.2 Tanggapan Weblog

Weblog atau dikenali sebagai blog merupakan suatu bentuk paparan yang baru dalam dunia siber dalam masa sekarang. Terdapat banyak penerangan mengenai weblog, di antaranya termasuklah Jorn Barger (1999) yang mendefinisikan weblog seperti berikut:

“A weblog (sometimes called a blog or a newspage or a filter) is a webpage where a wepenulis weblog (sometimes called a penulis weblog, or a pre-surfer) ‘logs’ all the other webpages she finds interesting. The format is normally to add the newest entry at the top of the page, so that repeat visitors can catch up by simply reading down the page until they reach a link they saw on their last visit.”
(<http://www.robotwisdom.com/weblogs/> Sept 1999)

Scott (2006:30) mentakrifkan weblog adalah sejenis jurnal elektronik yang mengandungi teks dan grafik berserta dengan bahan yang dipetik dari laman web lain yang berkaitan dengan isu yang dipaparkan.

Indirawati (2008:14) pula dalam *Merriam-Webster's Online Dictionary* berpendapat bahawa weblog ialah laman sesawang yang mengandungi paparan jurnal peribadi, komen dan lazimnya disediakan kemudahan *hyperlinks* oleh penulisnya.

Wikipedia pula menunjukkan bahawa weblog adalah:

"A weblog (usually shortened to blog, but occasionally spelled web log) is a web-based publication consisting primarily of periodic articles (normally in reverse chronological order). Although most early weblogs were manually updated, tools to automate the maintenance of such sites made them accessible to a much larger population, and the use of some sort of browser-based software is now a typical aspect of "blogging"." (<http://en.wikipedia.org/wiki/Blog>)

Erlina (2009) pula berpendapat bahawa weblog merupakan sebuah laman web yang memberikan ulasan atau berita mengenai sesuatu tajuk, umpamanya makanan, politik, atau berita tempatan, dengan sesetengah weblog berperanan lebih sebagai buku harian peribadi dalam talian. Weblog peribadi menggabungkan teks, imej, dan pautan ke dalam weblog, laman web, dan media lain yang berkaitan dengan topiknya.

Weblog selain daripada menyediakan ruangan untuk penulis menyampaikan pendapat mereka, ia juga membenarkan pelawat-pelawat weblog untuk memberi komen-komen mereka dengan menyambung ke laman tersebut. Inilah salah satu ciri yang membezakan laman web biasa dengan weblog, di mana pelawat juga boleh mengemukakan pendapat mereka terhadap artikel yang ditulis. Keupayaan para pembaca untuk meninggalkan ulasan mereka dalam format interaktif merupakan ciri yang utama bagi kebanyakan weblog. Namun, sifat weblog yang terbuka ini boleh dibatalkan, bergantung kepada keadaan dan kemauan bagi pihak penulis weblog.

Perbezaan yang ketara antara weblog dengan laman web biasa adalah setiap kali artikel atau penulisan terbaru dimasukkan, yang terkini akan berada di atas dan yang lepas akan berada di bawah, iaitu kemasukan-kemasukannya ditulis menurut urutan kronologi dan dipaparkan dengan tertib terbalik. Format ini biasanya adalah untuk memudahkan pelawat weblog melayari laman-laman web yang diminatinya dengan hanya membaca penulisan-penulisan yang terbaru.

Terdapat pelbagai kategori weblog, misalnya weblog peribadi yang berbentuk diari, blog pendidikan, blog iklan koperat, blog sastera, blog muzik, blog teknologi maklumat dan sebagainya. Kebanyakan weblog umumnya adalah blog teks, walaupun sesetengahnya bertumpu pada gambar foto (*blog photo*), video (*vlog*), muzik (*blog MP3*), atau audio (*podcasting*), dan merupakan sebahagian rangkaian media sosial yang lebih luas. Secara mudah, weblog adalah jurnal atas talian yang digunakan untuk menyatakan pendapat peribadi, atau penulisan mengenai sesuatu perkara, dan sentiasa dikemaskini setiap hari. Konsep weblog adalah sama seperti buku diari harian.

Weblog mudah untuk diuruskan atau diguna oleh sesiapa sahaja. Seseorang pengguna weblog, tidak semestinya mempunyai pengetahuan teknikal yang tinggi kerana untuk menggunakan weblog, ia telah dilengkapi dengan pelbagai fungsi. Sesiapa sahaja boleh menulis weblog, walau bagaimanapun pangkat atau latar belakang mereka, boleh membangunkan laman blog sendiri jika mereka mahu. Asalkan mereka tahu apa yang ingin diblogkan dan memahami aplikasi internet (Luo, 2005: 3).

Penampilan laman blog terletak pada kreativiti pemilik blog itu sendiri. Ada yang lebih gemar memaparkan “*page*” yang ringkas, di mana fokus ditumpukan kepada artikel saja. Ada pula yang gemar menyelitkan paparan imej, audio dan video supaya

weblog mereka lebih menarik. Kadang kala, pemilik blog atau penulis weblog turut berkongsi pelbagai fail audio dan video yang menarik seperti lagu atau video muzik yang boleh dimuat turun oleh pengunjung weblog. Hakikatnya, weblog juga adalah sebuah laman web yang perlu dikemas kini, diurus dan dijaga dengan baik. Namun, ciri-cirinya membuatkan ia berbeza dengan jenis laman web yang lain seperti laman web statik (Scott, 2006 :31).

Secara umumnya, penulis weblog bebas memilih apa saja isu untuk dijadikan sebagai subjek dalam artikel mereka. Kebiasaannya, isu yang sering dibangkitkan penulis weblog adalah komen atau kritikan sosial mengenai hal yang berlaku di sekeliling mereka, yang ada kalanya memberi kesan kepada diri sendiri atau orang yang berkaitan dengan mereka. Secara tidak langsung, blog dijadikan sebagai “suara” untuk meluahkan perasaan tidak puas hati, rungutan atau teguran kepada sesuatu pihak yang kemudiannya menjadi medan diskusi antara penulis weblog dengan pengunjung yang turut meninggalkan komen mengenai subjek yang dipaparkan dalam perbincangan mereka.

Namun, dunia weblog bukan hanya dipenuhi oleh rungutan dan komen negatif semata-mata, ia turut dijadikan medium untuk menyampaikan idea dan pendapat, berkongsi hobi, bertukar-tukar cerita dan pengalaman (Scott, 2006:40). Subjek yang dibincangkan juga berbeza-beza. Ada yang lebih tertumpu kepada soal filem dan hiburan, ada yang lebih kepada keagamaan, ada yang lebih suka bercerita mengenai apa yang dialaminya sehari-hari manakala ada pula yang menggunakan weblog sebagai medan untuk mengeratkan hubungan mereka dengan teman karibnya.

Hasil carian enjin carian (*search engine*) mengenai laman blog yang dibangunkan

oleh rakyat Malaysia, menunjukkan bahawa kebanyakan penulis weblog terdiri daripada lingkungan umur belasan tahun sehingga awal 30-an (Diyannah, 2005). Rata-rata adalah pelajar sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi dan tidak kurang juga golongan profesional serta mereka yang terbabit dengan dunia politik. Tidak dinafikan bahawa, ramai yang meluangkan masa yang banyak untuk melayari pelbagai weblog di internet, terutamanya golongan belia.

Kebiasaannya penulis weblog golongan belia lebih gemar untuk menjadikan blog mereka seperti diari “*online*” atau jurnal harian. Antara yang sering dijadikan bahan kandungan blog seperti ini adalah hobi, pengalaman, luahan perasaan, pandangan mengenai sesuatu isu, rungutan, idea, puisi dan lirik lagu (Scott, 2006: 37-38). Apa yang ditulis oleh mereka dapat dibaca oleh sesiapa sahaja yang melayari laman weblog mereka dan selalunya pelawat ini akan memberi komen, berkongsi pendapat atau pengalaman mengenai isu yang sama. Masing-masing suka mengemukakan pendapat mereka mengenai topik tersebut.

2.2.3 Penggunaan Blog di Malaysia

Pada zaman moden ini, apa sahaja maklumat dan peristiwa yang berlaku di seluruh dunia akan tersebar dengan begitu pantas. Kesemuanya itu berlaku dengan pesat ekoran daripada perkembangan teknologi telekomunikasi khususnya penggunaan internet yang mana jumlah penggunaan terus menunjukkan peningkatan di seluruh dunia.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh *World Internet Users and Population Stats 2010*, hampir 30% daripada 6,845,609,960 orang penduduk dunia mempunyai akses kepada internet. Jumlahnya semakin meningkat, sejak tahun 2000 sehingga

tahun 2010 sahaja peningkatannya adalah sebanyak 444.8%
(manakedai.wordpress.com/.../statistik-pengguna-internet-sedunia/ 10 Okt 2010).

Mengikut laporan statistik *Internet World Stats*, pengguna Internet di dunia pada 2010 adalah 1,802,330,457 orang pengguna. *Internet World Stats* juga mencatatkan terdapat 764,435,900 orang pengguna internet di Asia. Jumlah ini adalah lebih daripada pengguna Internet di Eropah (425.8 juta pengguna) dan Amerika Syarikat (259.6 juta pengguna) pada 2010 (www.rahsainternet.com).

Malaysia merupakan antara 50 negara yang mempunyai kadar penembusan internet tertinggi di dunia dan antara yang tertinggi di Asia Tenggara selepas Brunei dan Singapura. Menurut *The National Information Technology Council of Malaysia* (NITC), jumlah pengguna Internet di Malaysia adalah sebanyak 16,902,600 orang pengguna pada 2009. Jumlah ini adalah 58.8% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Jumlah terbesar bertumpu di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Sejak tahun 2000 sehingga kini, kadar penambahan penggunaan internet di Malaysia adalah hampir 357%. Statistik ini ia menunjukkan penggunaan internet di Malaysia bertambah dengan kadar yang amat pantas
(manakedai.wordpress.com/.../statistik-pengguna-internet-sedunia/ 10 Okt 2010).

NITC juga membuat anggaran bahawa hampir 1/3 daripada pengguna internet Malaysia menggunakan bahasa Cina. Ini bermakna hampir 4 juta penduduk Malaysia yang melayari internet dalam bahasa Cina. Statistik juga menunjukkan lebih daripada 70% pengguna internet merupakan golongan yang berumur di bawah 35 tahun (www.rahsainternet.com).

Ekoran daripada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat di Malaysia menjelang abad ke 21, kerajaan Malaysia telah membuat banyak perubahan dan program untuk memperluaskan penggunaan ICT di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Atas usaha ini, ramai pelajar di Malaysia bersikap positif dan yakin diri menghadapi kemunculan komputer dan penggunaannya sebagai alat kemudahan maklumat dan komunikasi.

Pendidikan ICT mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan pelajar di Malaysia. Mereka lebih yakin dan mahir dalam penguasaan kemahiran ICT. Bermula dari Sembang Internet (*Internet Relay Chatting*), forum internet sehinggaalah weblog, kelihatan golongan pemuda-pemudi lebih menguasai penggunaan teknologi komunikasi ini. Statistik yang ditunjukkan oleh Technorati, enjin carian weblog menunjukkan jumlah penggunaan weblog di dunia, Malaysia berada di tangga ke-14 daripada 197 buah negara di dunia. Yang lebih menariknya daripada 133 juta penulis weblog di dunia, 1.7% penulis weblog berasal dari Malaysia. Ini bermakna lebih daripada 2 juta laman weblog dihasilkan oleh orang Malaysia (manakedai.wordpress.com. /.../statistik-pengguna-in/ 10 Oktober 2010).

2.2.4 Kajian-kajian Lepas Mengenai Weblog

Setakat hari ini, kajian saintifik yang dilakukan ke atas weblog masih kurang, walaupun bilangan weblog dalam dunia siber semakin meningkat. Sejak kemunculan weblog, deskripsi mengenai weblog kebanyakannya dibuat oleh penulis weblog diri sendiri.

Kajian-kajian weblog yang telah dilakukan oleh penyelidik merangkumi pelbagai aspek. Wijnia (2005) menunjukkan bagaimana penulis weblog dapat menghasilkan

weblog dari perspektif komunikasi dan menyimpulkan bahawa weblog menawarkan platform untuk menyalurkan pendapat yang ideal dan Nilsson (2003) pula mengkaji perbezaan antara bahasa lisan dan bahasa bertulis dalam weblog.

Beberapa penyelidikan lain pula meneroka kemungkinan untuk menggunakan blog dalam keadaan yang tertentu, seperti dalam persekitaran pendidikan, politik, atau tetapan psikologi. Ward (2004) membincangkan bagaimana weblog dapat meningkatkan kemahiran menulis, membaca dan kemahiran berkomunikasi.

Grohol (2002) telah memberi sumbangan yang besar kepada penyelidikan weblog dalam persekitaran psikologi. Dari tahun 1998 hingga 2002, beliau telah berusaha menyediakan banyak "*psikologi weblog*" dari aspek yang berbeza untuk mencari sebab-sebab peningkatan bilangan weblog yang mendadak.

Disebabkan oleh pembangunan weblog yang agak lewat di China, penyelidikan yang sistematik dan saintifik pada weblog adalah agak kurang. Antara penyelidikan ini, satu kerja yang paling penting dikaji oleh Xin dan Wang (2003). Kajian mereka menjelaskan konsep-konsep asas, sejarah perkembangan dan nilai komersial weblog .

Menurut Zhao (2011:1) pula, di China, penyelidikan mengenai weblog masih di peringkat awal. Merujuk kepada jurnal Pangkala Data Internet (中国期刊网全文数据
库) (2003-2010), sebanyak 2662 artikel mengenai kajian weblog telah dihasilkan. Artikel-artikel ini terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:

Pertama: Kesan rangkaian weblog dan perkembangannya. Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Ma (2006) dari Universiti Jilin mengenai “Penyebaran weblog mengenai

ciri-ciri budaya (2007/04/16)" dan "Bahasa Cina dalam konteks analisis fenomena weblog mengenai perasaan peribadi (2006-04)" oleh Wang Gaojie.

Kedua: Ciri-ciri weblog, cara menulis blog, dan penyelidikan pengguna weblog. Rencana-rencana mengenai kajian ini seperti "Fungsi weblog dalam politik negara" oleh Yan (2007) dari Hunan Universiti dan "Penyelidikan weblog dalam pendidikan" oleh Qiao Wutao dari Universiti Xibei Shifan (2007).

Ketiga: Pemasaran weblog. Rao (2009-12-4) telah menghasilkan kajian "Analisis blog korporat dan pemasaran" dan Liu Beibei (2009-11-25) pula menjalankan kajian mengenai "Blog pemasaran modal keuntungan" dan sebagainya.

Penyelidikan lain mengenai weblog adalah beberapa laporan yang berkaitan dalam artikel-artikel laman web, seperti "*Website or a Blog: Which is Best For You?*" diterbitkan pada 3 Jun 2001(www.oxconsulting.com/website-or-a-blog -which-is-best-for) dan "*Hidup Di Internet: Bolehkah Blogging Membantu KM*" yang disiarkan pada 15 Ogos, 2001 di laman web "*WebReview*". Sebenarnya, fungsi jenis artikel-artikel ini adalah untuk menjelaskan dan menerangkan weblog dan bukannya membuat penyelidikan, maka mereka ianya kurang penting dalam nilai ilmiah.

2.3 Penggunaan Bahasa Dalam Dunia Siber

2.3.1 Bentuk Bahasa dalam Komunikasi Berantarkan Komputer (CMC)

Kini internet telah menjadi salah satu media manusia yang digunakan untuk berkomunikasi dan saling berhubungan iaitu interaksi antara manusia melalui teknologi komputer atau yang disebut *Computer Mediated Communication* (CMC). Berdasarkan

definisi John December (1997), CMC adalah proses komunikasi manusia melalui komputer, melibatkan orang ramai, berada dalam konteks yang terbatas dan saling berkaitan dalam proses membentuk media untuk tujuan yang beraneka ragam.

Computer-Mediated Communication (CMC) dianggap sebagai ciptaan dan pengedaran mesej secara *asynchronous* dan *synchronous* yang menggunakan teknik digital. Mesej ditaipkan atas komputer dan dibaca sebagai teks dalam layar komputer, sama ada oleh seorang atau ramai orang dari lokasi yang berlainan. Crystal (2006: 19) memberi definisi yang sama, tetapi menamakannya sebagai “wacana elektronik” .

Crystal (2006:7) telah mengenal pasti lima situasi teks menggunakan komputer, iaitu mail elektronik (*email*), kumpulan perbincangan *asynchronous* (*bulletin boards*), kumpulan chat dalam masa sebenar *synchronous*, *virtual world*, dan *world wide web* (www). Ciri-ciri linguistik berbeza bergantung kepada jenis sistem mesej digunakan dan juga konteks sosial dalam penggunaannya. Ciri CMC ini penting untuk memahami sifat-sifat bahasa yang digunakan dalam komputer.

Berdasarkan kajian bahasa yang telah dilakukan oleh Collot dan Belmore (1996:26-28) mengenai bahasa yang digunakan dalam CMC, bahasa internet bukan bahasa lisan ataupun bahasa penulisan, malah ia merupakan suatu bahasa baru yang mirip kepada kedua-dua bahasa ini dan mempunyai sifat-sifat tersendiri. Dalam kajian CMC, Collot & Belmore (1996:14) mengemukakan satu konsep, iaitu bertutur dalam tulisan (*talking in writing*). Konsep ini menjelaskan bahawa CMC adalah komunikasi secara lisan melalui tulisan.

Oleh sebab kewujudan sifat keistimewaan bahasa CMC di dalam internet, pengguna-pengguna internet bukan sahaja dapat mengutarakan pendapat mereka dalam tulisan seperti apa yang terdapat dalam bahan bercetak. Pada masa yang sama, mereka juga dapat menyampaikan pendapat dalam bentuk bahasa verbal. Oleh itu, dalam komunikasi internet terdapat bahasa tulisan dan juga bahasa dalam bentuk tuturan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Yate (1996: 29-46), beliau mendapati bahawa bahasa CMC lebih bersifat bahasa penulisan, tetapi dalam penggunaan gantinama ia lebih bersifat bahasa lisan. Werry (1996:47-63) pula berpendapat, bahasa internet merupakan gabungan bahasa lisan dengan emotikon.

Ramai yang mengatakan bahasa CMC menjadi semakin tidak ekspresif dan kurang tepat sekiranya dibanding dengan bentuk penulisan yang lain. Bahasa e-mel, misalnya, mempunyai struktur yang lebih ringkas sekiranya dibandingkan dengan bentuk penulisan yang tradisional, ayatnya lebih pendek dan nahunya ringkas, mengandungi lebih banyak pecahan-pecahan ayat (Zhang, 2010: 24).

Menurut Bartell (1995), dalam bahasa penulisan, bahasanya diedit dan dirancang, maka ia tidak mengandungi struktur bahasa yang salah dan tidak mempunyai slanga dan kata-kata kasar. Dalam pertuturan, jangkaannya pula adalah berlawanan, bahasanya mengandungi slanga, nahu yang tidak tepat, penukaran topik yang mendadak dan lebih spontan. CMC membolehkan ini berlaku dalam penulisan. Wacana CMC memperlihatkan struktur nahu yang tidak diedit, tidak *standard*, seperti dalam bahasa perututan.

Crystal (2001:8) telah membuat satu kesimpulan yang ringkas mengenai penggunaan bahasa CMC, beliau mengatakan kemudahan internet telah memberi satu peluang kepada pengguna-penggunanya untuk melakukan revolusi bahasa yakni membuktikan kreativitinya dengan menciptakan item-item leksikal yang baru.

2.3.2 Penggunaan bahasa Cina dalam Internet

Penciptaan komputer sehingga sekarang lebih kurang setengah abad sahaja. Penggunaan internet pula lebih kurang 20 tahun sahaja sejak ia baru dilancarkan pada tahun 1980-an. Akan tetapi, bahan elektronik ini telah mengatasi segala bahan penciptaan dan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kami. Kini, komputer telah mempengaruhi bidang perindustrian, pelajaran, hiburan mahupun media massa (Zhang, 2010: 1-5).

Oleh sebab perkembangan internet, bahasa turut mengalami perubahan yang ketara di negara China. Daripada kajian telah dibuat, didapati bahawa dunia siber yang dilayari oleh golongan pemuda-pemudi akan mewujudkan bahasa-bahasa internet yang berbagai bentuk. Ia mungkin diterbit dengan gabungan huruf, teks, angka, mahupun dengan simbol dan emotikon. Pengkaji berpendapat bahasa yang digunakan oleh mereka lebih kreatif. Walaupun ia tidak mengikut hukum bahasa standard, tetapi telah mewujudkan suatu konteks bahasa yang baru dinamakan bahasa Cina internet (Chen, 2003 :124).

Mengikut Chen (2003:130), bahasa internet menjadi kegemaran belia pada masa sekarang kerana ia memenuhi tiga faedah, iaitu penggunaan bahasa internet adalah lebih jimat masa dan wang. Bahasa internet merupakan sesuatu bahasa yang moden dan kreatif yang dapat menarik perhatian orang lain. Seterusnya, pengguna weblog dapat

menyimpan identiti diri seperti umur, nama, dan jantina dalam penulisan weblog mereka. Faktor-faktor di atas membuktikan golongan belia masa ini banyak yang melibatkan diri dalam penulisan weblog dalam ruang siber ini.

Penggunaan bahasa dalam masyarakat dari dahulu sehingga sekarang adalah bertujuan untuk berinteraksi. Dengan itu, penggunaan sesuatu bahasa dapat melambangkan identiti sesuatu masyarakat. Jika seseorang dapat menggunakan bahasa yang boleh difahami oleh orang lain dalam masyarakat tertentu, maka dia akan berasa dirinya diterima oleh sesuatu masyarakat tersebut (Lu, 2008:111).

Keadaan yang sama berlaku pada generasi muda sekarang. Mereka gemar menggunakan bahasa tersendiri yang lebih bersifat abstrak untuk melambangkan personaliti mereka. Dengan itu terwujudnya bahasa internet yang mempunyai identiti sendiri yang berbeza daripada bahasa standard (Zhao, 2011:17).

Yu (2001:14) mengatakan bahawa bahasa Cina internet merupakan perluasan makna leksis, angka-angka, simbol-simbol dan sebagainya. Dengan kata lain, bahasa Cina internet merupakan bahasa yang bercampur aduk dengan angka-angka, simbol emotikon, bunyi sebutan, akronim bahasa Cina dan item leksikal yang baru.

Secara kesimpulannya, Chen (2003:133) berpendapat bahawa kewujudan bahasa internet merupakan suatu yang baik bagi sesuatu bahasa. Sebagai sesuatu bahasa komunikasi yang penting dalam masyarakat, ia mesti mampu berubah. Jika bahasa itu tidak dapat berubah mengikut kehendakan zaman, ia pasti akan lenyap.

2.4 Ragam Bahasa Dalam Weblog

Matlamat penyelidikan ini adalah untuk meneroka sifat gaya weblog dari perspektif linguistik. Dengan mengkaji sejarah weblog, ia adalah jelas bahawa perkembangan weblog adalah satu trend yang tidak dapat dielakkan. Yu (2001:1) mengatakan bahawa weblog bukan fenomena baru di alam siber pada zaman moden ini. Setiap hari, ada saja laman blog baru yang dibangunkan. Laman weblog sudah menjadi sama popular dengan *email* dan laman sembang virtual. Penulisan kreatif ini kini sudah popular dalam dunia digital.

Marlow (2004) juga berpendapat bahawa dalam dunia media massa sekarang, kewujudan weblog dalam dunia siber seakan-akan memainkan peranan yang lebih penting sekiranya dibandingkan dengan media percetakan (Marlow, 2004:5-9). Marlow telah menggunakan kaedah Lexis Nexis untuk mengkaji penggunaan bahasa dalam weblog berbanding dengan majalah dan surat khabar. Penyelidikan beliau juga menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dalam weblog beransur-ansur mempengaruhi penggunaan bahasa dalam media percetakan. Ini menunjukkan bahawa pengaruh bahasa dalam weblog semakin kuat dan memainkan peranan yang penting dalam bidang bahasa pada zaman ini.

Weblog adalah seperti e-mel atau bahasa kewartawanan, merupakan salah satu jenis bahasa dalam talian yang khusus dan pelbagai. Crystal (2006:51) mengatakan bahawa bahasa yang digunakan dalam internet adalah hybrid pertuturan dan penulisan, ia bukan tulisan atau pertuturan semata-mata, tetapi adalah pelbagai dan mempunyai aspek-aspek kedua-dua penulisan dan pertuturan. Beliau menunjukkan bahawa internet memberi peluang untuk memaparkan kreativiti tersendiri.

Jika dibandingkan dengan *Internet Relay Chat*, selang masa antara mencipta dan membaca maklumat dalam blog boleh dikawal oleh penulis weblog. Walau bagaimanapun, bahan-bahan tradisional yang diterbitkan adalah dihasilkan dengan teliti dan disunting dengan berhati-hati, manakala penulis weblog selalu melakukan blogging dalam masa yang mendesak, ataupun mencatat sesuatu dalam blognya dengan secepat mungkin. Tambahan pula, weblog merupakan suatu media bersifat individu, dengan itu ia mempunyai ruangan yang bebas dalam penggunaan bahasa (Li, 2007: 20).

Menurut Luo (2005: 4), weblog diari juga bersifat dua hala, di mana penulis weblog juga menggalakkan pembacanya untuk memberi maklum balas terhadap pendapatnya. Oleh itu, mereka lebih suka menggunakan bahasa lisan atau *verba* kerana ia lebih mudah untuk menarik perhatian pembaca-pembaca untuk memberi maklum balas secara “*online*”.

Nilsson (2004) mendapati bahawa kebanyakan penulis weblog gemar menggunakan kata ganti nama diri pertama iaitu “saya”, “aku”, “kami” dan “kita” daripada ganti nama ketiga iaitu “dia” dan “mereka”. Keadaan ini berlaku akibat suatu gejala semula jadi, di mana penulis-penulis lebih suka menonjolkan kelebihan diri sendiri daripada orang lain.

Selain itu, Zhao (2011) juga berpendapat bahawa penulis weblog yang muda lebih gemar menggunakan ayat-ayat yang ringkas, slanga-slanga, bahasa tidak standard untuk menyampaikan mesej mereka. Pada pendapat mereka, mereka akan lebih mudah untuk mendekati penulis-penulis weblog yang seumur dengan mereka dengan menggunakan cara ini.

Sementara itu, dalam kajian bahasa Cina IRC yang dilakukan oleh Lee Wai Fong (2007), ciri-ciri grafologikal IRC Cina terutamanya dicerminkan dalam tanda baca, *misspelling*, tulisan dalam bentuk yang berbeza dan warna dan kadang-kala dicerminkan dengan menggunakan emotikon.

Menurut Jyh (2008:7), penglibatan manusia dalam media elektronik seperti weblog, ICQ dan bilik sembang mewujudkan perlakuan bahasa sembang yang menggunakan bahasa perantaraan komputer. Blog sebagai warkah elektronik, maka gaya bahasa yang dipaparkan adalah tidak jauh beza daripada gaya bahasa CMC.

Secara ringkasnya, bahasa weblog dihasilkan di internet. Oleh itu, bahasa weblog adalah berkait rapat dengan bahasa internet. Ia boleh dikatakan mempunyai ciri-ciri bahasa internet, contohnya membentuk perkataan baru, singkatan yang ringkas, padat dan sebagainya. Selain itu, dalam bahasa weblog juga terdapat banyak singkatan, akronim, emotikon dan sebagainya (Zhao, 2011: 22).

Berdasarkan pada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bentuk bahasa dalam CMC dan penggunaan bahasa Cina dalam internet, ragam bahasa weblog dapat diperlihatkan daripada beberapa aspek yang berikut:

2.4.1 Percampuran Kod

Di Malaysia, fenomena percampuran kod sering dibincangkan dalam bidang bahasa. Fenomena percampuran kod biasa berlaku dalam kalangan masyarakat yang boleh berbahasa lebih daripada satu. Fenomena ini berlaku kerana seseorang penutur gemar mencampuradukkan bahasa atau dialek dengan bahasa yang lain. Kejadian ini

amat popular di negara kita memandangkan masyarakat kita menggunakan pelbagai bahasa dan dialek seperti bahasa Melayu, Cina, Tamil dan suku kaum serta dialek tempatan mereka (Suthanthiradevi, 2006).

Percampuran kod bermaksud penggunaan pelbagai jenis unit linguistik seperti imbuhan, kata, frasa, dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Percampuran kod memerlukan minima dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat (Bokamba 1988:24).

Gumperz dan Hernandez-Chavez (1975: 54-64) mendapati bahawa percampuran kod boleh hadir antara kata nama khas dengan klausa relatif, atau antara binaan kata yang menghubungkan subjek dengan predikat.

Menurut Liao dan Yang (2008), dalam weblog bahasa Cina, percampuran kod sentiasa berlaku. Percampuran kod yang berlaku dalam bentuk berlainan, ada yang melibatkan frasa dalam ayat seperti “在 IT 公司工作” (berkerja di syarikat IT) ataupun “我不是 24 小时 STANDBY 的女仆” (saya bukan pekerja yang *standby* 24 jam). Kajian mereka juga menunjukkan bahawa terdapat juga percampuran kod di peringkat sintaksis, seperti “習慣了 Luca 微笑著說： *may I have a coffee ?*” (Luca sudah biasa bercakap dengan senyuman : *may I have a coffee?*). Selain itu, terdapat juga percampuran kod yang istimewa, iaitu menyelitkan “*ing*” atau “*ed*” dalam perkataan bahasa Cina untuk menunjukkan maksud seperti dalam tatabahasa bahasa Inggeris, contohnya “他们在跳舞 *ing*” (mereka sedang *dancing*). Walau bagaimanapun, tidak kira dalam apa juu keadaan, penulis weblog tetap menulis mesej dengan berpandukan hukum tatabahasa bahasa Cina, penyelitan bahasa Inggeris hanya berfungsi sebagai penerangan tambahan sahaja (Liao & Yang, 2008).

Ciri percampuran kod yang utama adalah penutur yang berkenaan merupakan penutur dwibahasa atau multibahasa. Ini bermaksud penutur tersebut mempunyai pengetahuan variasi bahasa lebih daripada satu. Hal ini membolehkan penutur tersebut menyelit lebih banyak perkataan dan frasa dari bahasa asing atau dialek-dialek mereka yang lain.

Ciri percampuran kod juga dapat dilihat dari aspek kelicinan perbualan penutur tersebut. Ini bermaksud, penutur dapat berbual dengan spontan dan mengekalkan kelicinan perbualan setiap kali percampuran kod berlaku. Oleh itu, tidak wujud perubahan dari segi irama ayat atau jeda untuk menandakan percampuran kod (matskai.blogspot.com/..../bahasa-percampuran-kod, 21 Julai 2007).

Pengkaji mendapati bahawa ramai penulis weblog cenderung mencampurkan kod yang melibatkan penggunaan bahasa Cina, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris. Ini adalah kerana ketiga-tiga bahasa ini sangat dominan dalam kalangan masyarakat Cina di negara kita. Sebab yang kedua adalah faktor pemodenan, di mana percampuran kod merupakan gaya bahasa yang terkenal masa kini terutamanya percampuran kod yang melibatkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau sebaliknya. Penulis-penulis weblog Cina ini ada yang sengaja menggunakan percampuran kod semata-mata untuk meninggikan prestijnya atau menunjukkan dirinya seorang yang berpelajaran tinggi (matskai.blogspot.com/bahasa-percampuran-kod, 21 Julai 2007).

Seterusnya, penutur-penutur bahasa Cina sering menggunakan kosa kata dalam bahasa Inggeris untuk menyampaikan sesuatu yang ingin diungkapkan kerana sukar untuk mencari item leksikal bahasa Cina memandangkan jika penutur ingin

menyampaikannya dalam bahasa Cina akan melibatkan penghuraian yang panjang seperti kata “*web*” lebih sering digunakan berbanding dengan menyatakannya dengan “*wang ji wang luo* 网际网络” dalam pengertian bahasa Cina.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod berlaku dalam masyarakat yang penuturnya mempunyai lebih daripada sejenis bahasa. Percampuran kod itu terjadi dalam pelbagai bentuk termasuklah perubahan pada leksikal atau perkataan, dalam ayat dan juga frasa dalam kedua-dua bahasa. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa percampuran kod adalah satu fenomena yang biasa berlaku dalam masyarakat dwibahasa.

2.4.2 Pengalihan Kod

Pengalihan kod lazim berlaku dalam masyarakat yang penuturnya bersifat bilingual atau multilingual. Dalam Kamus Linguistik (1997:8), pengalihan kod merupakan penggunaan kelainan bahasa atau bahasa lain bergantung pada hakikat dengan siapa atau di mana dia bercakap. Menurut Poplack (1988), proses mental kadang-kala tidak disedari oleh penutur sendiri. Fenomena pengalihan kod terjadi tanpa disedari oleh penutur, di mana bahasa yang digunakan tidak dapat ditentukan ragamnya. Contohnya penutur bahasa Melayu tiba-tiba menukar bahasanya ke bahasa Inggeris tanpa disedarinya.

Appel dan Mysken (1987:118) pula telah membahagikan fenomena pengalihan kod kepada tiga jenis, iaitu pengalihan rangkaian (*tag-switching*), pengalihan kod interayat (*inter-sentential*) dan pengalihan kod intraayat (*intra-sentential*). Kebanyakan pengalihan kod yang berlaku dalam interaksi weblog adalah melibatkan percampuran kod intraayat.

Menurut Romaine (1994:57), pengalihan kod terjadi dalam ayat itu sendiri, iaitu peralihan dua bahasa dalam satu ungkapan dengan ayat yang berlainan bahasa. Tahap intraayat ini dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu leksikal dan sintaksis. Percampuran kod intraayat pada tahap leksikal ini menunjukkan pengalihan pada peringkat leksis atau perkataan dari berbagai kelas kata, manakala pada peringkat sintaksis, di tahap intraayat, peralihan menunjukkan percampuran bahasa Cina dengan bahasa Inggeris dalam bentuk ayat.

2.4.3 Akronim dan Singkatan

Berdasarkan kajian Li (2009 : 28), penyingkatan adalah proses membentuk perkataan baharu dengan menyertai huruf awal nama-nama gabungan pertubuhan-pertubuhan sosial dan politik atau frasa yang digunakan sebagai istilah teknikal. Pelbagai jenis singkatan yang dijumpai dalam bahasa Cina IRC mempunyai ciri-ciri yang paling menonjol. Dalam IRC Cina, beberapa singkatan yang berdasarkan *pinyin* telah berlaku. Pengguna meniru singkatan bahasa Inggeris untuk mewujudkan banyak singkatan bahasa Cina dengan mengambil huruf awal *pinyin* Cina untuk perkataan tertentu. Sebagai contoh, “adik” telah dituliskan dengan “MM-美眉(meい mei)”, “abang” dituliskan dengan “GG-哥哥(ge ge)” dan “kakak” pula dituliskan dengan “JJ-姐姐(jie jie)” (Tang, 2010).

Dalam Kamus Cina Netspeak, terdapat lebih daripada 1600 perkataan, antara yang terdapat lebih daripada 800 singkatan dan ia mencapai kira-kira 50%, (*shiyongwangluoyongyu*, 2003:1). Singkatan bukan sahaja mudah, kadang-kadang leksikal baharu yang dicipta juga membawa unsur lucu. Salah satu sebab yang mungkin mewujudkan singkatan bahasa Cina adalah untuk mempercepatkan proses

komunikasi dalam bilik sembang, menaip mesti menjadi satu proses yang begitu mudah. Perkataan yang standard, bagaimanapun mengambil masa yang lebih lama untuk ditaip dan ditaksirkan oleh perisian komputer, maka pengguna mengguna huruf *pinyin* untuk mewakili perkataan tersebut. Banyak singkatan dan akronim bahasa Cina memaparkan kreativiti dan kebijaksanaan pengguna (Li, 2009:36).

Penggunaan singkatan dan akronim dalam weblog merupakan suatu amalan yang sangat meluas kerana ia membantu penulis-penulis weblog untuk berkomunikasi atau meyampaikan maklumat yang ingin dipaparkan dengan cepat. Penggunaan singkatan dan akronim lebih menjimatkan masa dan tenaga dalam komunikasi menerusi internet kerana ia merupakan suatu kaedah penyingkatan (Liu, 2002:147-148).

Di dalam IRC, penyingkatan adalah satu strategi untuk mengurangkan *processing load* pongekodan dan menjimatkan masa dan tenaga sewaktu menaip dengan menggunakan papan kekunci. Penyingkatan kata boleh dilihat sebagai strategi komunikasi yang bertujuan untuk mencapai kesan sebaik mungkin melalui penggunaan bahasa sesedikit mungkin. Penyingkatan akan dapat mengurangkan beban pendengar atau pembaca dalam memahami isi bahasa (Bruthiaux, 1994:137).

Menurut Chen (2003:129), penggunaan singkatan bertujuan untuk mengurangkan beban kognitif. Di samping itu, ia juga dapat menjimatkan masa dan tenaga dalam proses komunikasi. Memandangkan penggunaan akronim lebih cepat dan mudah, ia telah menarik perhatian golongan belia untuk menciptakan singkatan-singkatan yang berkreatif.

Penyingkatan penggunaan bahasa Inggeris dalam bahasa Cina Internet telah luas dipergunakan oleh golongan penulis weblog muda. Singkatan-singkatan bahasa Inggeri yang sering digunakan seperti berikut:

Jadual 2.1: Singkatan bahasa Inggeris

Singkatan	Perkataan Asal	Maksud
IC	<i>I see</i>	saya memahami
IDK	<i>I don't know</i>	saya tidak faham
TKS	<i>Thanks</i>	terima kasih

(Sumber : Tang, 2010:20)

Selain singkatan bahasa Inggeris, penyingkatan huruf besar juga membentuk item-item leksikal yang baharu. Jenis penyingkatan huruf ini digunakan secara luas oleh golongan muda berdasarkan sebutan *Hanyu Pinyin*. Hampir setiap hari akronim jenis ini dicipta dalam bahasa komunikasi internet. Jenis penyingkatan ini paling banyak didapati dalam Forum Internet Pelajar, contoh-contohnya seperti berikut :

Jadual 2.2: Singkatan huruf besar

Singkatan	Tulisan Cina	Sebutan Item	Maksud
		Leksikal Huruf Besar	
MM	mèimèi 妹妹	<i>Mei Mei</i>	adik perempuan
JJ	jíéjíé 姐姐	<i>Jie Jie</i>	kakak
GG	gēgē 哥哥	<i>Ge Ge</i>	abang
DD	dìdì 弟弟	<i>Di Di</i>	adik

(Sumber : Tang, 2010:20)

Kini, penggunaan singkatan dan akronim adalah biasa dalam teks IRC dan sebahagian daripadanya telah menjadi kebiasaan dalam bilik sembang bahawa semua pengguna IRC memahami maksudnya dan sering menggunakanannya.

2.4.4 Pengulangan

Pengulangan dalam linguistik merupakan satu proses morfologi yang akar atau batang perkataan, atau sebahagian daripadanya yang berulang-ulang. Kaedah pengulangan digunakan dalam weblog adalah untuk menyampaikan fungsi tatabahasa, seperti kemajmukan, intensifikasi dan sebagainya, dan dalam penerbitan leksikal untuk membuat perkataan baru. Ia sering digunakan apabila penulis weblog menggunakan nada yang lebih ekspresif atau kiasan daripada ucapan biasa.

Sesetengah perkataan yang digunakan dalam bahasa Cina IRC dicipta dengan kaedah pengulangan. Penciptaan perkataan ini berlaku kerana penulis berkali-kali mengulangi perkataan atau huruf yang sama bertujuan untuk menambah kuantiti, keamatan, atau sifat-sifat penekanan.

Menurut Wan Imran (2003), dalam komunikasi IRC, pengguna IRC yang berbahasa Inggeris dan berbahasa Melayu memanjangkan ujaran panjang dalam pertuturan IRC dengan menggunakan urutan vokal, urutan konsonan dan untuk melambangkan nada suara, seperti “whoaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaa”, “nakkkkkkkkkkkkkkkkkk “sepuluh persennnnnnnnnn ... ahahaha” dan sebagainya. Penggunaan urutan vokal dan konsonan untuk memanjangkan ujaran ditafsirkan sebagai peninggian nada suara untuk meluahkan perasaan seperti kehairanan, kekaguman, persetujuan dan emosi penutur kepada pembacanya.

2.4.5 Bahasa Kasar

Penggunaan bahasa kasar dalam IRC sangat ketara, keadaan ini berlaku kerana nama seseorang tersembunyi. Oleh itu, mereka dapat berbual dalam dunia siber tanpa dikawali dan diketahui identitinya, maka dapat sewenang-wenangnya membincangkan

topik-topik yang sensitif malah menggunakan bahasa kasar yang tidak perlu bimbang identiti mereka dikesan (Zhang, 2010: 171).

Dalam kajian Azimah dan Hasrshita (2000), komunikasi kumpulan berita ruang siber memaparkan ciri-ciri lisan seperti kependekan dan kepanjangan item leksikal. Fenomena ini wujud akibat beberapa proses linguistik seperti pengguguran, penambahan dan penggabungan. Bagi komunikasi sinkroni seperti sembang, faktor utama yang menggalakkan fenomena kependekan ialah faktorkekangan masa dan ruang. Namun bagi komunikasi sinkroni, faktorkekangan ruang mungkin menggalakkan hal ini berlaku. Fenomena kepanjangan pula berkait rapat dengan slanga, terutama slangan remaja dan bahasa cakap mulut secara tidak langsung penggunaan bahasa kasar kerap dijumpai (Azimah & Hasrshita, 2000:6).

2.4.6 Grafologikal

Grafologikal merujuk kepada sistem penulisan bahasa, seperti tanda baca, tulisan huruf besar, berperenggan, cara-cara untuk menunjukkan penekanan (huruf condong, huruf tebal) dan sebagainya. Pelbagai aspek reka bentuk dalam grafologikal boleh digunakan untuk tujuan berkomunikasi. Menurut Crystal (2001:46)

“ The graphical richness of electronic discourses having increased along with technological progress, providing a range of typographic and color variation that far exceeds the pen, the typewriter, and the early word processor, and allowing further options not available to conventional publishing, such as animated text, hypertext links, and multimedia (sound, video, film) supports. ” (p. 46)

Dari kenyataan beliau, kekayaan wacana elektronik grafik telah meningkat dengan kemajuan dalam teknologi. Peralatan komputer dapat menyediakan pelbagai perubahan berkenaan dengan percetakan dan warna yang jauh melebihi pen, mesin taip, dan pemproses perkataan awal dan membenarkan pilihan selanjutnya yang tidak boleh didapati dalam penerbitan konvensional, seperti teks yang bergerak (*animation*), pautan

hiperteks dan multimedia sokongan, termasuk bunyi, video, filem dan sebagainya. Pengkaji dapat melihat dengan mudah bahawa bahasa dalam wacana elektronik agak kaya dengan ciri-ciri grafologikal.

2.4.6.1 Penggunaan Simbol dan Emotikon

Werry (1996) berpendapat bahawa kelebihan komunikasi penulisan internet daripada penulisan tradisional ialah maklum balas yang spontan. Demi memberi maklum balas, pengguna-pengguna internet tidak dapat memberi reaksi minimal seperti mengangguk kepala atau senyuman dan sebagainya. Ini adalah disebabkan dalam interaksi CMC kurang terdapat gerak isyarat mimik muka dan gerak-geri badan yang diperlukan untuk menyampaikan pendapat dan kelakuannya.

Weblog juga menghadapi masalah yang sama. Disebabkan oleh bentuk komunikasinya tidak bersifat bersemuka, maka mestilah kurangnya isyarat paralinguistik, maka penulis weblog tidak dapat melihat reaksi rakan-rakannya. Walaupun penulis weblog menggunakan tanda baca, kadang-kala emosi mereka masih tidak dapat dipaparkan sepenuhnya. Oleh itu, sesetengah penanda tambahan paralingustik adalah diperlukan. Beliau menyatakan bahawa kewujudan emotikon adalah berfungsi untuk memenuhi kekurangan dalam komunikasi berantaraan komputer (Li, 2009:39).

Pengguna-pengguna internet mencipta suatu bahasa baru yang mengandungi tanda baca, huruf besar dan kecil serta gerak isyarat ekspresi muka yang dilambangkan dengan “smiley” atau emotikon (*emoticon icons*) untuk menunjukkan nada dan intonasi suara serta emosi seseorang. Pengguna internet menggunakan emotikon untuk menunjukkan emosinya seperti dalam bahasa verbal (Zhang, 2010:167).

Emotikon, sebagai alat paralinguistik yang penting berasal daripada mesej e-mel dan lain-lain kandungan dalam talian. Emotikon telah dibangunkan dan dijana untuk menjadi salah satu ciri yang paling ketara dalam teks elektronik, seperti dalam e-mel, perbualan QQ dan sebagainya. Emotikon ataupun smileys berasal dari campuran leksis emosi (*emotion*) dan ikon (*icons*), dan juga termasuk tanda baca dan simbol grafik. Ia berfungsi sebagai tanda-tanda kreativiti ekspresif, dan kini sangat popular di banyak domain termasuk weblog untuk menggantikan ungkapan muka, badan, isyarat, tahap intonasi supaya dapat menyampaikan emosi yang bukan lisan dan interaksi sosial dalam talian.

Menurut Wan Imran (2003), bentuk bahasa IRC sendiri adalah faktor penyebab kehadiran unsur paralinguistik. Segala gerak isyarat, nada suara dan ciri-ciri paralinguistik dimanifestasi dan direpresentasi dengan bahantara kekunci-monitor. Dalam kajian beliau, dapat memperlihatkan empat jenis unsur paralinguistik. Jenis paralinguistik yang pertama adalah gerak isyarat mimik muka yang dilambangkan oleh “smileys” atau “emoicons” (*emotion icons*), contohnya emotikon “:-)” menandakan pengguna sedang tersenyum, manakala “:-((“ pula menandakan pengguna sedang bermasam muka.

Emotikon merupakan bahagian penting dalam weblog dan lain-lain teks elektronik kerana online komunikasi masih bergantung pada strategi menaip, orang ramai sering terlepas menggunakan penunjuk sarikata emosi yang biasa digunakan apabila bercakap antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, ramai penulis weblog menganggap bahawa emotikon merupakan sebahagian daripada perbendaharaan kata mereka. Emotikon tidak digunakan sebagai perkataan, tetapi mereka adalah satu percubaan bahasa bukan verbal dalam komunikasi berbentuk tulisan (Wang, 2004:24).

Emotikon yang paling biasa digunakan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu emotikon teks dan emotikon grafik.

Jadual 2.3: Emotikon teks

Simbol-simbol tanda baca yang digunakan dan maknanya adalah seperti berikut:

Simbol	Maksud Simbol
(- _ -)	Senyuman manis
: -	Senyuman biasa
^ - ^	Senyuman sehingga memejam mata
:) --	Ketawa terbahak-bahak
: - (*)	Perasaan benci seseorang
: - o	Perasaan terperanjat
< @ - @ >	Mabuk

(Sumber :<http://www.muller-godschalk.com/basic.html>)

Jadual 2.4: Emotikon grafik

Bentuk Grafik	Maksud Emotikon
 atau  atau 	Gembira
    	Sedih
	Marah
 atau  	Malu

(Sumber : <http://www.muller-godschalk.com/bonusmsn.html>)

2.4.6.2 Tanda baca

Tanda baca adalah bahagian yang penting dalam pembinaan ayat yang betul, mencerminkan intonasi dan corak bahasa pertuturan (Luo, 1989: 293). Fungsi utama tanda baca adalah untuk membantu pembaca memahami apa yang diutarakan oleh penulis.

Biasanya, penggunaan tanda-tanda bacaan yang berlebihan dianggap sebagai tanda bertulis yang remeh atau tidak matang dan ciri-ciri gaya bahasa yang tidak formal (Luo, 1989). Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu, didapati bahawa pelbagai ekspresi tanda baca, seperti penggunaan tanda seru, tanda elipsis dan tanda tanya di mana sebahagian besarnya telah diubah suai.

Dalam IRC Cina, pengulangan dengan menggunakan tanda-tanda bacaan yang tertentu, tidak bermakna remeh atau tidak matang. Dalam keadaan tertentu, ia berfungsi untuk menyampaikan perasaan penulis weblog seperti dalam komunikasi secara bersemuka. Contohnya penulis weblog menggunakan tanda baca untuk mengukuhkan intonasi supaya dapat menunjukkan seseorang itu sedang menangis, berasa keliru atau bingung melalui ciri-ciri paralinguistik ini.

Berdasarkan kajian Li (2009: 21), penggunaan tanda seru, tanda elipsis dan tanda tanya, terutamanya tanda baca yang pelbagai, menunjukkan emosi penulis weblog yang kuat, seperti keseronokan, marah, terkejut, ragu-ragu atau teragak-agak. Oleh sebab bahasa weblog hanya terhad kepada alat-alat visual, maka penulis weblog perlu menggunakan tanda seru atau tanda tanya untuk menekankan apa yang ingin disampaikan oleh mereka atau menunjukkan emosi mereka.

Sebagai hakikatnya, dalam weblog, tanda baca telah menjadi alat ekspresif. Apabila kita membaca weblog, kita tertarik dengan penggunaan tanda baca yang luar biasa. Menurut Li (2009: 22), penggunaan tanda baca dalam weblog menunjukkan sesuatu sifat bahasa yang menarik di mana tanda baca itu sengaja ditulis dengan saiz yang besar, diulangkan dengan banyak kali atau dipanjangkan. Dengan itu, penggunaan tanda seru, tanda elipsis dan tanda tanya dalam weblog seperti “!!!!!” , “????? ”, “ ??!!! ”, “!!!” , “ ??!....!!! ” dan lain-lain mudah ditemui dalam paparan weblog.

2.4.6.3 Elipsis

Halliday dan Hasan (1976:88) menunjukkan bahawa elipsis hanya boleh ditakrifkan sebagai pengganti kepada sifar. Ia boleh ditafsirkan sebagai bentuk penggantian di mana item digantikan dengan sesuatu yang menarik perhatian.

Penggantian dan elipsis sangat serupa antara satu sama lain. Elipsis merujuk kepada ayat, klausa yang mempunyai struktur mengandaikan beberapa perkara yang kemudian meneruskan untuk bertindak sebagai sumber maklumat yang hilang. Terdapat tiga jenis elipsis iaitu elipsis nominal, elipsis lisan dan elipsis klausa (Li 2009:42).

2.4.6.4 Tulisan Cina yang berlainan saiz dan warna

Dalam komunikasi IRC, terdapat gangguan di dalam bilik bual apabila beberapa peserta menyertai dalam bilik sembang pada masa yang sama. Oleh itu, untuk menjadikan komunikasi lebih lancar, maka pengguna IRC memilih jenis huruf dan warna yang berlainan untuk menunjukkan identiti mereka (Li, 2009:23).

Selain itu, pengguna IRC menggunakan bentuk tulisan Cina yang berlainan dan warna yang berbeza untuk menekankan maksud sesuatu maklumat atau penyataan tersebut adalah sangat penting. Perkataan yang ditulis dengan saiz yang besar, atau dalam bentuk dan warna yang berlainan akan dapat menarik perhatian pelawat weblog.

Selain itu, Li dan Hu (2010) mengatakan bahawa pengguna IRC gemar mengulangi perkataan yang ditulis, menggariskan perkataan tertentu, mewarnakan perkataan yang ditulis, menjadikan perkataan itu bercorak “*italic*”, menghitamkan perkataan tersebut atau menggunakan tanda baca tertentu untuk menekankan maksud tertentu. Tulisan-tulisan ini semata-mata bertujuan untuk melambangkan gerak-geri dan emosi penulis weblog.

2.5 Kesimpulan

Daripada kajian-kajian lepas ini, pengkaji dapat mengetahui sejarah perkembangan weblog dan sejauh manakah pengguna internet di dunia, khasnya di Malaysia. Menerusi kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan dalam internet memang memiliki ciri-ciri yang unik dan menarik. Sistem tulisan dalam internet sama ada dalam forum, emel ataupun weblog memaparkan gaya bahasa yang berlainan daripada bahasa standard.

Kajian-kajian lepas ini juga telah membantu pengkaji memahami ciri-ciri bahasa internet khasnya bahasa Cina internet dalam dunia maya yang mengutamakan komunikasi manusia tanpa lisan. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa dalam weblog belia jelasnya dipengaruhi oleh penggunaan bahasa CMC dalam penghasilan weblog mereka.

Selain itu, kajian bahasa Cina internet yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji di China juga menunjukkan bahawa dalam masyarakat zaman moden ini, penulisan bahasa Cina juga mengalami perubahan khasnya dalam penggunaan bahasa dalam golongan belia. Bahasa Cina yang digunakan dalam dunia siber memang banyak terpesong daripada bahasa Cina standard dan gaya bahasa Cina internet yang dicipta oleh golongan belia telah menjadi isu-isu hangat yang diperbincangkan dalam bidang linguistik di China.

Secara kesimpulannya, bahan-bahan kajian yang lepas mengenai penggunaan bahasa di internet dan ciri-ciri bahasa internet telah membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan prosedur penyelidikan yang telah dijalankan. Ia merangkumi reka bentuk kajian, kaedah dan instrumen yang telah digunakan untuk tujuan pengumpulan data, penyediaan soal selidik dan juga penganalisisan data.

Bab ini juga akan membincangkan data-data yang terpilih bagi penyelidikan ini dan menghuraikan data-data primer dan data-data sekunder yang telah dikumpulkan menerusi pemerhatian dan juga soal selidik. Data-data yang dikumpulkan dengan cara bersahaja yang dikongsikan oleh penulis weblog dalam weblog-weblog belia di negara kita. Data penyelidikan yang dikumpulkan daripada laman web akan dikaji dari segi penggunaan bahasa, khasnya leksikal-leksikal baru yang wujud dalam weblog tempatan. Sampel-sampel kajian akan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif.

Selain daripada penganalisisan data, bab ini juga akan membincangkan soal selidik dan juga temu bual dengan responden-responden untuk meninjau faktor-faktor penggunaan bahasa internet dalam weblog belia di Malaysia.

3.2 Persampelan

Persampelan adalah suatu langkah yang penting untuk menjalankan satu penyelidikan. Ini disebabkan persampelan merupakan pemilihan sebilangan kecil sampel daripada keseluruhan sampel untuk dikaji. Dengan itu, persampelan perlu dirangka dengan sempurna sebelum pengumpulan data dilakukan (Salkind, 1997).

Dalam kajian ini, pengkaji memilih weblog-weblog peribadi atau “*diari*” persendirian dalam bahasa Cina yang dipaparkan dalam internet bermula dari Januari 2008 hingga Disember 2008 sahaja. Jangka masa selama 12 bulan diberikan memandangkan sebilangan penulis weblog kurang aktif dalam penulisan weblog mereka. Daripada sampel-sampel yang dikumpul, didapati bahawa sesetengah penulis weblog tidak kerap mengemaskinikan weblog mereka. Terdapat penulis weblog yang menulis “*diari*” mereka beberapa bulan sekali.

Weblog-weblog peribadi dipilih sebagai sampel kajian kerana pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis weblog bebas memaparkan gaya bahasanya yang tersendiri jika dibandingkan dengan weblog yang lain. Pengkaji mendapati bahawa weblog persendirian telah mempersempahkan penggunaan bahasa yang berlainan daripada bahasa baku berbaku. Fenomena penggunaan bahasa Cina internet seperti percampuran kod, pengulangan, singkatan, emotikon dan tanda baca kerap ditemui dalam weblog-weblog persendirian.

Data-data kajian telah dikumpulkan daripada *Website Malaysia Blog Directory* dan juga *Website Window Live Messenger* sahaja. Sebanyak 40 weblog yang ditulis oleh 40 orang penulis telah dijadikan sebagai sampel kajian. Oleh sebab isi kandungan dan bilangan perkataan dalam paparan weblog setiap penulis berbeza, maka pengkaji telah menetapkan panjang paparan weblog bagi setiap penulis weblog dibataskan kepada 2,000 patah perkataan daripada mereka. Penetapan 40 weblog sebagai sample kajian, ini bermakna data kajian ini mengandungi 80,000 patah perkataan. Dengan bilangan perkataan yang banyak, pengkaji dapat mengkaji penggunaan bahasa Cina dengan lebih berkesan.

Hanya sampel-sampel yang dihasilkan oleh belia tempatan yang berusia antara 15 hingga 25 tahun dikumpulkan sebagai data penyelidikan ini. Pengkaji menetapkan umur penulis weblog dengan mengikut takrifan dalam Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1985. Justeru, kebanyakan responden kajian ini merupakan golongan pelajar sekolah menengah atau mahasiswa-mahasiswi di institut pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Menurut Yu (2001), fenomena bahasa internet kerap wujud dalam dunia siber pada masa kini, terutamanya dalam weblog. Perkembangan bahasa internet ini adalah bersifat dinamik, di mana dari semasa ke semasa pelbagai bentuk tulisan, emotikon, simbol, rajah, gambar dan foto boleh ditemui dalam weblog dalam kalangan belia. Justeru, pengumpulan data-data kajian adalah terhad kepada hasil-hasil tulisan yang dipaparkan dalam weblog-weblog mereka termasuk penggunaan emotikon dan juga simbol.

Dalam dunia siber, penulis weblog biasanya tidak suka pembaca mengetahui butir-butir sebenar mengenali peribadinya. Oleh itu, sebilangan besar penulis weblog merahsiakan butir-butir diri mereka ataupun memberikan butir-butir yang palsu dalam weblog mereka. Justeru, kajian ini tidak akan mempertimbangkan kesahan butir-butir peribadi penulis weblog, segala butiran peribadi akan dipetik daripada weblog-weblog sahaja.

3.3 Pengumpulan Data

Pengkaji telah mengumpul dan memilih webog-weblog peribadi atau “*journal blogs*” dari *Website Malaysia Blog Directory* dan juga *Website Window Live Messenger*


sahaja. Tujuan pengkaji memilih kedua-dua laman ini adalah kerana kedua-dua laman ini menyediakan kemudahan penerbitan weblog secara percuma. Pengguna-pengguna weblog yang berminat boleh membaca blog-blog yang dipaparkan secara percuma.

Dalam proses mengumpul weblog peribadi dari *Website Malaysia Blog Directory*, langkah pertama adalah ke laman: <http://blogmalaysia.com/> (Rajah 3.1). Dari halaman laman ini, pengkaji mencari “*featured blogs*” yang ditulis dalam bahasa Cina seperti yang dipaparkan dalam rajah 3.2.

Rajah 3.1: Website blogs Malaysia



Rajah 3.2: Paparan “Featured Blogs”



Dari alamat laman weblogs yang dipilih, pengkaji dapat memasuki dan melayari weblog-weblog yang dipaparkan. Oleh sebab penulis weblog belia ini telah merangkaikan blog mereka dengan rakan-rakan yang lain, dengan itu, pengkaji dapat membaca blog-blog dan menyalin data-data penyelidikan yang diperlukan.

Dalam proses mengumpulkan data-data dari “Website Window Live Messenger”, pengkaji perlu menyediakan satu akaun *email hotmail* dan “sign in” *window live messenger*. Seterusnya, pengkaji boleh menambahkan jaringannya untuk mengenali rakan-rakan yang mempunyai laman sendiri dalam *window live* seperti paparan dalam rajah 3.3.

Daripada laman peribadi tersebut, pengkaji boleh membaca weblog diari pada ruangan “*gong tong fen xiang* 共同分享” atau diberi nama “*space*” dalam bahasa Inggeris. Daripada laman tersebut, pengkaji dapat menyalin data-data yang diperlukan.

Rajah 3.3: Paparan website peribadi live window



Sama seperti *Website Malaysia Blog Directory*, paparan *window live* peribadi juga mempunyai jaringan dengan rakan-rakan dalam internet sebagai “*wang luo*” (网络). Di sini, pengkaji dapat membaca dan mengumpul data-data yang diperlukan.

Dalam proses pengumpulan data-data, pengkaji hanya memainkan peranan sebagai pemerhati untuk melihat fenomena linguistik yang terdapat dalam data-data yang dikumpulkan tanpa melibatkan diri dalam penghasilan weblog.

3.4 Kaedah Kajian

3.4.1 Pemerhatian

Untuk menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan masa selama 12 bulan untuk mengumpul data-data penyelidikan. Sepanjang proses pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian tanpa melibatkan diri terhadap penggunaan bahasa Cina dalam weblog yang dikumpul.

Berdasarkan pengalaman pengkaji, seorang guru bahasa Cina di sekolah Menengah hampir 20 tahun, pengkaji dapat mengenal pasti ciri-ciri bahasa yang terdapat dalam weblog-weblog bahasa Cina yang dikumpulkan. Selepas menjalankan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa terdapat item-item leksikal bahasa Cina dan fenomena-fenomena linguistik dalam weblog-weblog bahasa Cina di Malaysia. Ciri-ciri bahasa ini akan dibincangkan dalam bab 4.

3.4.2 Soal Selidik

Untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa dalam kalangan penulis weblog remaja dan mengukur sejauh manakah kesan-kesan yang

dipengaruhi oleh penggunaan bahasa-bahasa internet dalam kalangan belia, kaedah kualitatif telah digunakan. Dalam proses mengumpul data-data mengenai faktor-faktor dan kesan-kesan, kaedah soal selidik digunakan. Sampel-sampel kajian yang dipilih adalah 100 orang sampel yang pernah membaca weblog ataupun pernah menulis weblog.

Pengkaji menetapkan 100 orang responden dalam soal selidik kerana pengkaji mendapati adalah sukar untuk mencari penulis weblog sebagai responden soal selidik di tempat bertugas pengkaji. Tambahan lagi, sebahagian penulis weblog walaupun mempunyai weblog tersendiri tetapi mereka kurang aktif dalam penulisan weblog mereka. Dengan itu, pengkaji telah menetapkan 100 orang sebagai responden soal selidik supaya pengkaji dapat mengumpulkan pandangan tentang faktor-faktor penggunaan bahasa Cina dalam weblog dengan lebih luas lagi.

Antara 100 orang responden soal selidik, 56 orang daripada mereka merupakan pelajar SMK Dato' Mohd. Taha, Gemencheh dan SMK Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan termasuklah dua orang yang sedang menunggu keputusan STPM. 39 orang responden lagi merupakan pelajar-pelajar di kolej di sekitar Melaka dan lima orang belia yang telah bekerja. Justifikasi ini adalah berdasarkan umur responden mesti antara 15 hingga 25 tahun. Dengan itu, 56% responden berumur antara 15 hingga 19 tahun, 39% responden berumur antara 20 hingga 23 tahun dan 5% daripada mereka yang berumur atau 25 tahun.

Bentuk soalan yang digunakan dalam soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, mengkaji asas demografik yang berkaitan dengan latar belakang responden yang dikaji. Soalan-soalan mengenai butir-butir peribadi seperti umur, latar belakang

pendidikan, tempat tinggal, bahasa ibunda serta latar belakang keluarga dipersoalkan. Selain itu, sampel soal selidik juga menyelidik tentang pendapat responden-responden mengenai perkembangan bahasa internet dalam weblog di Malaysia.

Instrumen soal selidik digunakan mendapatkan maklum balas responden-responden mengenai penggunaan weblog. Di mana, soalan-soalan tersebut termasuklah “Berapa lamakah penglibatan mereka dalam weblog, sama ada menulis atau membaca weblog?”, “Apakah jenis-jenis weblog yang dilayari?”, “Apakah yang anda faham tentang blog” dan sebagainya.

Bahagian terakhir soal selidik adalah soalan-soalan yang ingin mengetahui pendapat-pendapat responden dari segi bahasa, keberkesanan bahasa Cina dalam weblog, perkara-perkara harus diperbaiki serta pembaharuan yang diperlukan. Daripada maklum balas daripada sampel-sampel yang dikaji, pengkaji dapat membuat kesimpulan tentang sebab-sebab yang mempengaruhi penggunaan bahasa dalam weblog dalam kalangan belia di Malaysia.

3.4.3 Bertemu bual

Dalam proses menjalankan kajian ini, pengkaji sempat bertemu bual dengan sepuluh orang penulis weblog tempatan. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah, mahasiswa-mahasiswi di institusi pengajian tinggi dan 2 orang yang baru memasuki alam pekerjaan. Kesemua responden temu ramah juga merupakan responden soal selidik. Kaedah temu bual ini dijalankan bertujuan untuk mendekati responden dan dapat mengetahui dengan lebih dalam tentang pandangan mereka terhadap faktor-faktor penggunaan bahasa Cina dalam weblog tempatan.

Butir-butir dan maklumat-maklumat hasil temu bual adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Butir-butir 10 orang responden yang ditemu bual

Bil	Nama	Jantina	Umur	Pekerjaan Sekarang	Pengalaman Menulis Weblog (Tahun)
1	Steven Phang	L	25	Ejen Insuran	1
2	Gail Lee	P	23	Mahasiswa	2
3	David Lim	L	22	Jurutera	3
4	William Chong	L	21	Mahasiswa	2
5	Sharon	P	19	Mahasiswi	2
6	Mable Lee	P	18	Pelajar	2
7	Shi Hui	P	18	Pelajar	1
8	Milky Chan	L	17	Pelajar	1
9	Ling Xuan	P	17	Pelajar	1
10	Yi Xian	L	15	Pelajar	1

Kriteria utama pengkaji memilih responden adalah mereka merupakan penulis weblog yang aktif. Penulisan weblog lima orang responden temu bual telah dijadikan sebagai persampelan kajian ini. Untuk memperoleh maklum balas yang lebih seimbang, pengkaji telah memilih lima orang lelaki dan lima orang perempuan dan 50% berumur antara 15 dan 19 tahun manakala 50% berumur antara 20 dan 25 tahun.

Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan kepada sepuluh orang penulis weblog tempatan (Sila rujuk Lampiran II). Soalan-soalan yang dikemukakan kepada sepuluh orang responden tersebut serta maklum balas dapat membantu pengkaji mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Cina Internet dalam weblog belia di negara kita. Pengkaji menggunakan tempoh lebih kurang sejam untuk bertemu bual dengan setiap responden. Maklum balas responden-responden tentang sebab-sebab penggunaan bahasa dalam weblog bahasa Cina telah dicatatkan dan ia akan dibincangkan secara terperinci dalam Bab 5.

3.5 Penganalisisan data

Menurut Collot dan Belmore (1996:15) "bahasa elektronik mempunyai satu set kekangan keadaan yang telah ditetapkan tidak seperti bahasa Inggeris." Oleh itu, bahasa elektronik mempunyai ciri-ciri yang unik, ia merangkumi satu set ciri-ciri tersendirinya. Ini bermakna bagi kajian bahasa ini, pengkaji akan meneliti ciri-ciri linguistik terutamanya ciri-ciri fenomena linguistik dalam IRC bahasa Cina dengan cara gayanya tersendiri.

Kajian ini juga dijalankan berdasarkan kepada teori umum gaya bahasa Crystal (2001:7) yang mencadangkan lima jenis ciri-ciri linguistik yang tersendiri untuk bahasa bertulis.

1. **Grafik:** Bahasa Penulisan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti tipografi yang tersendiri, reka bentuk laman, jarak, penggunaan ilustrasi, warna dan ikon.
2. **Grafologikal:** Dalam penulisan secara individu, bahasa juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti penggunaan tersendiri abjad, huruf besar, ejaan, tanda baca, dan cara penekanan menyatakan (huruf condong, huruf tebal dan lain-lain lagi).
3. **Leksikal:** Perbendaharaan kata daripada bahasa, ditakrifkan dari segi set perkataan dan istilah yang diberikan menggunakan perkataan tersendiri.
4. **Tatabahasa:** Sintaksis dan morfologi ditakrifkan dari segi faktor-faktor seperti penggunaan struktur yang tersendiri hukuman, perintah perkataan, dan nadanya.
5. **Wacana:** Organisasi struktur teks, ditakrifkan dari segi faktor-faktor seperti hubungan pertalian, struktur perenggan, dan perkembangan logik idea.

Selepas mengkaji kesemua data-data kajian, pengkaji telah membuat penganalisisan data adalah berdasarkan tiga ciri Crystal (2001) sahaja, iaitu ciri grafik, ciri grafologikal dan ciri-ciri item leksikal. Aspek tatabahasa dan wacana tidak dianalisis kerana kajian ini lebih memberi fokus kepada penggunaan bahasa Cina internet tanpa mengkaji penggunaan tatabahasa dan struktur ayat yang digunakan.

Dalam kajian penggunaan bahasa Cina internet, pengkaji mendapati bahawa dalam aspek leksikal, penggunaan percampuran kod, pengalihan kod, penggunaan singkatan, bahasa kasar, dan pengulangan banyak ditemui. Manakala dalam aspek grafologikal dan grafik, penggunaan emotikon, tanda baca dan tulisan yang berlainan saiz dan warna banyak ditemui.

Semua data yang dikumpulkan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Bagi penganalisisan kuantitatif, pengkaji mengkategorikan item-item leksikal yang dikumpul mengikut kelas kata masing-masing. Seterusnya, pengkaji menggunakan jadual berangka dan graf untuk menunjukkan kekerapan dan peratus item leksikal yang digunakan.

Kaedah deskriptif juga digunakan. Kepentingan kaedah ini bertujuan untuk menerangkan dan menghuraikan sesuatu fenomena atau keadaan yang tertentu. Tambahan pula, kaedah deskriptif juga digunakan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji, namun kaedah ini tidak digunakan untuk menguji kebenaran atau ketepatan sesuatu hipotesis.

Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif untuk meninjau faktor-faktor yang mendorongkan kewujudan bahasa Cina internet dan mengumpulkan pandangan penulis weblog belia terhadap perkembangan bahasa Cina internet berdasarkan kepada soal selidik yang dijalankan. Maklum balas responden soal selidik mengukuhkan lagi pandangan pengkaji tentang ciri-ciri bahasa Cina internet yang terdapat dalam weblog belia di negara kita.

Seterusnya, pengkaji juga mengemaskinikan maklum balas yang diberi oleh responden-responden iaitu penulis weblog belia tempatan dalam temu ramah yang dijalankan. Kemudian, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan deskriptif untuk membincangkan di samping menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan fenomena linguistik yang tertentu wujud dalam weblog-weblog bahasa Cina tempatan.

3.6 Kesimpulan

Sebelum proses pengumpulan data dijalankan, pengkaji telah menggunakan satu hingga dua bulan untuk membaca weblog-weblog hasil penulisan golongan belia di Malaysia dan juga weblog negara asing seperti China, Hong Kong dan Taiwan. Pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis tempatan ini mudah terpengaruh oleh penggunaan bahasa Cina internet negara asing terutamanya negara China. Penggunaan bahasa Cina internet yang menggunakan leksikal baru, emotikon, dan singkatan telah menjadi satu trend yang baru telah disambut hangat oleh golongan belia di Malaysia.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Menurut Walther dan Tidwell (1994), kajian bahasa CMC bukan sahaja memberi fokus kepada bahasa sahaja, malah ia mesti merangkumi bahasa bukan verbal yang termasuk emotikon, simbol, tanda baca dan lain-lain barulah dikatakan lengkap.

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan penggunaan bahasa Cina dalam weblog tempatan yang ditulis oleh belia-belia di negara kita. Data-data weblog dikumpul menerusi “*Directory Blogspot Malaysia*” dan juga “*window live space*”. Sebanyak 40 weblog yang dibina oleh 40 orang penulis weblog tempatan dikaji. Pengkaji menganalisis data-data yang dikumpulkan dengan kaedah kuantitatif dan juga kualitatif berdasarkan teori gaya bahasa Crystal (2001).


Pengkaji hanya menganalisis data secara kuantitatif dalam bab ini, manakala analisis secara kualitatif dalam kajian mengenai faktor-faktor penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog di Malaysia akan dibincangkan dalam bab lima.

Kesimpulannya, bab ini akan membincangkan penggunaan bahasa Cina dalam weblog tempatan dalam lima aspek iaitu percampuran kod, penggunaan akronim dan singkatan, bahasa kasar, pengulangan, dan paralinguistik yang mengandungi tanda baca, penggunaan emotikon dan simbol serta saiz dan tulisan yang berwarna.

4.2 Analisis data secara keseluruhan

Pengkaji telah menganalisiskan penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog tempatan kepada 6 jenis iaitu percampuran kod, pengalihan kod, penggunaan singkatan, bahasa kasar, pengulangan dan grafologikal. Rajah 4.1 telah mempamerkan peratusan bilangan weblog yang menggunakan penggunaan bahasa Cina mengikut kategori.

Rajah 4.1: Peratusan bilangan weblog digunakan mengikut jenis



Penggunaan percampuran kod dan grafologikal masing-masing mencapai 95% . Ini bermakna sebanyak 38 data daripada 40 data yang telah mempamerkan penggunaan percampuran kod dan grafologikal. Penggunaan singkatan mencapai 75% dan pengulangan sebanyak 47.5%. Pengalihan kod merupakan jenis penggunaan bahasa yang paling rendah, ia hanya mencapai 25% sahaja.

Untuk mengkaji penggunaan bahasa Cina internet dalam weblog-weblog yang dihasilkan oleh golongan belia di Malaysia, pengkaji telah menganalisiskan data-data mengikut kategori secara terperinci.

4.3 Percampuran Kod


Dalam paparan weblog secara penulisan diari secara persendirian, penulis weblog suka memaparkan catatan peribadi mengenai pengalaman diri dan persekitarannya. Justeru, penulisan diari akan menggunakan bahasa yang paling mudah untuk difahami

dan dihasilkan secara spontan. Dengan itu, bahasa rojak iaitu campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sering wujud dalam weblog tempatan (Awang Azman, 2008).

Daripada data-data yang terkumpul, fenomena percampuran kod adalah ketara. Percampuran kod berlaku dalam empat bentuk. Pertama, percampuran bahasa Cina dengan bahasa Inggeris. Kedua, bahasa Cina dengan bahasa Melayu. Ketiga, percampuran bahasa Cina dengan dialek dan akhir sekali adalah bahasa Cina dengan bahasa Jepun. Fenomena percampuran kod ini merupakan satu bentuk bahasa percampuran dalam sesebuah komuniti dwibahasa.

Daripada 40 data yang telah dikumpulkan, sebanyak 38 data atau 95% yang memaparkan fenomena percampuran kod dalam penulisan weblog bahasa Cina oleh golongan belia di negara kita. Daripada 38 data yang memaparkan fenomena percampuran kod, sebanyak 35 data atau 92% yang memperlihatkan percampuran bahasa Cina dengan bahasa Inggeris. Manakala percampuran bahasa Cina dengan bahasa Melayu mencapai 48%, percampuran dialek mencapai 34% dan terdapat empat data yang memaparkan percampuran bahasa Jepun dalam weblog mereka.


Rajah 4.2: Peratusan percampuran kod dalam weblog belia di Malaysia



4.3.1 Percampuran Bahasa Inggeris

Selepas menganalisis data-data kajian yang telah diperolehi, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog daripada kalangan belia di Malaysia gemar mencampurkan bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan bahasa yang lain. Daripada 40 data yang dikumpul, pengkaji mendapati sebanyak 35 data terdapat percampuran bahasa Inggeris dan pengkaji dapat mengumpulkan 276 patah perkataan percampuran kod bahasa Inggeris. Justeru, pengkaji telah mengkategorikan 276 patah perkataan bahasa Inggeris mengikut kelas kata seperti berikut:

Rajah 4.3: Analisis percampuran kod mengikut kelas kata dalam weblog



Selepas menganalisis data, pengkaji mendapati bahawa sebahagian besar daripada item leksikal bahasa Inggeris adalah kata nama, diikuti kata-kata adjektif, kata kerja dan juga kata hubung yang dicampurkan ke dalam weblog belia di Malaysia.

4.3.1.1 Percampuran kata nama bahasa Inggeris

Percampuran kod merupakan fenomena yang biasa di Malaysia khasnya dalam penggunaan bahasa dalam penulisan dan pertuturan. Percampuran kod juga banyak berlaku dalam weblog yang ditulis dalam bahasa Cina. Oleh sebab sistem pendidikan negara kita menawarkan pembelajaran pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Punjabi, dan bahasa Iban di sekolah. Oleh itu, pengaruh atau kepentingan multilingual dalam sistem pendidikan secara tidak

langsung telah mempengaruhi penutur menggunakan percampuran kod yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kerana kedua-dua bahasa ini sangat dominan dalam kalangan pengguna bahasa tempatan (Matskai, 19 Julai 2004). Pengaruh ini juga secara tidak langsungnya membawa kesan dalam penggunaan bahasa di dalam weblog yang bersifat bahasa verbal dan bahasa tulisan.

Antara kata-kata bahasa Inggeris tersebut, kata nama merupakan kelas kata bahasa Inggeris yang paling banyak dicampurkan dalam weblog yang terkumpul. Sebanyak 204 (73.9%) kata nama bahasa Inggeris berkenaan telah digunakan dalam penulisan weblog oleh golongan belia di Malaysia. Kata-kata nama tersebut adalah merujuk kepada tempat, nama pasar raya, jenama produk, nama mata pelajaran, nama makanan dan sebagainya.

Antara kata-kata nama khas percampuran bahasa Inggeris yang dikumpulkan, terdapat sebanyak 31 kali kata nama yang mengenai nama orang atau jenama produk telah digunakan seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Percampuran Kata Nama Bahasa Inggeris

Data	Contoh	Item leksikal BI	Jenis Kata	Item leksikal Bahasa Cina
Data 17	因为 lingsim, yewping 和 boey 都各自买了 6,4 和 3 件衣服之后，我才看中一件。。。 Setelah <i>lingsim</i> , <i>yewping</i> dan <i>boey</i> membeli 6,4 dan 3 helai baju, baru saya terpilih baju yang saya minat.....	<i>Lingsim</i> , <i>Yewping</i> <i>boey</i>	kata nama khas - orang	玲欣，幼萍 柏依
Data 23	等 Pastor.Maggie 来载我的时候.... Semasa menunggu <i>Pastor Maggie</i> datang menjemput saya.....	<i>Pastor.Maggie</i>	kata nama khas - orang	美琪牧师
Data 10	因为那里都是一些不太认识的 uncle, aunt	<i>uncle</i> , <i>aunt</i>	kata nama am - orang	伯父，伯母

	Sebab orang-orang di sana, kebanyakannya adalah <i>uncle</i> , <i>aunt</i> yang saya tidak kenal		
--	--	--	--

Dari data di atas, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog lebih gemar menyebutkan nama rakan-rakannya dalam bahasa Inggeris sekiranya dibandingkan dengan nama dalam bahasa Cina. Daripada kata-kata nama bahasa Inggeris yang telah dikumpul, sebanyak 31 kali kata nama orang atau 15.2% telah disebut dalam bahasa Inggeris. Dalam Data 17 pula, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog lebih suka menggunakan nama seperti “*lingsim* (玲欣)” dan “*yewping* (幼萍)” daripada nama bahasa Cina. Keadaan ini berlaku kemungkinan besar disebabkan oleh nama “*lingsim*” dan “*yewping*” selalu disebut dalam pertuturan mereka setiap hari. Suatu kemungkinan yang lain adalah penulis weblog tidak tahu akan nama bahasa Cina bagi “*lingsim*” dan “*yewping*”. Begitu juga dalam Data 23, gelaran “*Pastor Maggie*” lebih kerap dipanggil oleh rakan-rakan daripada nama bahasa Cinanya.

Dalam Data 10, kata nama bahasa Inggeris “*uncle*” dan “*aunty*” digunakan untuk menggelarkan pakcik atau makcik penulis weblog. Dalam masyarakat Cina yang sangat mementingkan budi bahasa dan sopan santun, gelaran bapa saudara dan emak saudara bagi sebelah ayah adalah dipanggil “*bo fu* (伯父)” dan “*bo mu* (伯母)”, manakala pakcik dan makcik sebelah ibu digelar sebagai “*jiu mu* (舅父) ” dan “*yi ma* (姨妈)”. Gelaran untuk memberi penghormatan kepada pakcik dan makcik kerap menyebabkan golongan belia menghadapi kesulitan, dengan itu mereka lebih gemar menggunakan gelaran dalam bahasa Inggeris “*uncle*” dan “*aunty*”, tanpa membezakan pakcik dan makcik daripada sebelah ayah atau ibu.

Selain daripada kata nama orang, pengkaji juga mendapati bahawa kata nama yang merujuk kepada tempat juga disebut-sebut sebanyak 27 kali atau 13.2% daripada

204 kata nama yang dikumpul. Penulis weblog dari kalangan belia suka menggunakan nama tempat bahasa Inggeris untuk komunikasi dalam weblog. Dalam Jadual 4.2, penulis weblog menggunakan “*sunway* (双威)” sebagai destinasi untuk mereka selepas ini bertujuan untuk pergi makan “*sushi* (寿司)”. Ini mungkin disebabkan oleh penulis weblog berpendapat bahawa nama bahasa Inggeris “*sunway*” lebih jelas menunjukkan destinasinya berbanding dengan nama bahasa Cina “双威” hanya merupakan nama terjemahan dari bahasa Inggeris.

Jadual 4.2: Percampuran kata nama tempat bahasa Inggeris

Data	Contoh	Item leksikal BI	Jenis Kata	Item Leksikal BC
15	过一下后我们就开车出去咯~去 sunway 吃 sushi Sebentar lagi kami akan bertolak <i>loh</i> ~ Pergi <i>sunway</i> makan <i>sushi</i>	<i>Sunway</i>	kata nama -tempat	双威
17	今天去了 sungei wang 和 time square Hari ini saya telah pergi ke <i>sungei wang</i> dan <i>time square</i>	<i>Time square</i>	kata nama -tempat	时代广场
17	shopping 过后我们就到 sushi king Setelah <i>shopping</i> , kami telah pergi ke <i>sushi king</i>	<i>Sushi King</i>	kata nama -tempat	寿司王

Begitu juga dalam Jadual 4.2 untuk Data 17, item leksikal seperti “*Time Square*” dan “*Shushi King*” sebenarnya mempunyai terjemahan dalam bahasa Cina iaitu “时代广场”(*Time Square*) , “寿司王” (*Shushi King*) bagi pasar raya yang terkenal dan restoran Jepun yang terkenal di Malaysia. Akan tetapi, dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis weblog yang menulis weblog dalam bahasa Cina lebih cenderung menggunakan item leksikal yang lebih mudah difahami oleh penulis weblog yang lain. Ini adalah disebabkan leksikal bahasa Cina “时代广场 (*Time Square*) ” dan “寿司王 (*Shushi King*) ” biasanya hanya dapat dilihat dalam surat khabar bahasa

Cina dan kurang diketahui oleh masyarakat umum di Malaysia dan juga jarang digunakan oleh orang ramai dalam pertuturan harian mereka.

Percampuran kod ini berlaku kerana sudah menjadi kebiasaan dalam pertuturan harian, iaitu semasa berlaku interaksi sosial, orang ramai sentiasa menyebut nama pasar raya dan tempat yang masyhur di Malaysia ini dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab weblog merupakan gabungan bahasa tulisan dan bahasa verbal, maka kata-kata nama asli bahasa Inggeris dan bahasa Melayu iaitu “*time square*” , “ *Shushi King* ” dan “*sunway*” yang lebih popular dan lebih diketahui oleh majoriti pembaca setempat telah dikekalkan dalam weblog seperti dalam data kajian yang terpungut.

Kajian Poplack (1988) menunjukkan bahawa percampuran kod membolehkan penutur meluahkan sesuatu ungkapan dengan lebih ringkas, padat dan bermakna. Percampuran kod berlaku apabila seorang penutur mahu memberi penjelasan, penterjemahan, penggunaan kata nama bertujuan untuk memenuhi jurang leksikal.

Seterusnya, didapati bahawa item-item leksikal bahasa Inggeris mengenai sistem teknologi komputer juga kerap digunakan percampuran kod bahasa Inggeris oleh penulis weblog dari kalangan belia di Malaysia.

Jadual 4.3: Percampuran kata nama ICT

Data	Contoh	Item leksikal BI	Item Leksikal BC
12	上來我的 BLOG 回覆評論 再去 FACEBOOK 消遣 Datanglah ke BLOG saya untuk perbincangan, lepas itu baru pergi berhibur di FACEBOOK	<i>BLOG</i> <i>FACEBOOK</i>	博克 面子书
13	也许会 Apply broadband...也许带着 Laptop 到附近的店去上网。 Kemungkinan saya akan <i>Apply broadband</i> ... kemungkinan saya akan bawa <i>Laptop</i> ke	<i>broadband</i> <i>Laptop</i>	无限宽频 手提电脑

	kedai-kedai yang berhampiran untuk melayari internet.		
--	---	--	--

Daripada data-data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog menulis diari blog gemar menyelitkan nama-nama dalam bahasa Inggeris mengenai leksikal-leksikal mengenai ICT. Daripada data yang dikumpul, pengkaji mendapati sebanyak 21 kali kata-kata nama mengenai ICT seperti “*blog*”, “*email*”, “*blogspot*” dan “*voice mail*”, “*friendster*” digunakan oleh golongan belia di Malaysia.

Ini mungkin disebabkan penulis weblog sentiasa melayari internet yang didominarkan dalam bahasa Inggeris. Tambahan pula, kebanyakan penulis weblog adalah berdwibahasa, mereka mungkin banyak menggunakan strategi percampuran kod dalam pertuturan sehari-hari. Oleh itu, dalam penulisan weblog yang kurang menegaskan “kejituuan” tatabahasa, penulis weblog dapat menulis secara bebas tanpa sebarang ikatan, maka secara tanpa disedari mereka telah menulis weblog dengan mengikut kesukaan mereka sehingga percampuran kod berlaku.

Percampuran item-item leksikal ICT bahasa Inggeris berlaku dalam weblog-weblog yang dikaji mungkin disebabkan oleh faktor ekonomi, iaitu memilih perkataan yang lebih mudah dan kompleks sifatnya. Sebagai contoh, penulis weblog berbahasa Cina kerap menyerapkan kosa kata dalam bahasa Inggeris bagi menggantikan kosa kata dalam bahasa Cina yang terdiri dari suku kata yang lebih panjang berbanding dengan kosa kata dalam bahasa Inggeris seperti dalam Jadual 4.3, Data 12 dan 13 menunjukkan kata nama bahasa Inggeris “*blog*” , “*facebook*” , “*broadband*” dan “*laptop*” hanya terdiri daripada satu perkataan, manakala kedua-dua item leksikal ini jika dituliskan dalam bahasa Cina adalah terdiri daripada dua hingga empat patah perkataan dan berbunyi lebih panjang, iaitu“*博克 (blog)* ”, “*面子书 (facebook)*”, “*无*

限宽频 (*broadband*)” dan “手提电脑 (*laptop*)”。 Selain itu, item leksikal bahasa Inggeris adalah lebih mudah difahami oleh penulis weblog yang lain dalam komunikasi internet jika dibandingkan dengan item leksikal bahasa Cina.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa leksikal-leksikal untuk menerangkan kehidupan sebagai seseorang pelajar di sekolah atau kolej sering berlaku percampuran bahasa Inggeris oleh golongan belia di Malaysia. Dalam Jadual 4.4, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog suka mencampurkan bahasa Inggeris untuk tugas, mata pelajaran dan aktiviti-aktiviti di sekolah. Dalam Data 14, 18 dan 39, leksikal “*assignment* (课业)”, “*maths modern* (现代数学)” dan “*tutorial* (小组讨论课)”

Jadual 4.4: Percampuran kod dalam leksikal berkenaan dengan sekolah

Data	Contoh	Item leksikal BI	Item leksikal BC
14	当然也要感谢 <i>Ye Ting</i> 在 <i>assignment</i> 1 时的付出。 Patut saya ucapkan terima kasih kepada <i>Ye Ting</i> yang membantu saya melengkapkan <i>assignment</i> 1.	<i>assignment</i>	课业
18	之后上 <i>MATH MODERN</i> 。。上到我要睡觉。。真的很闷！ Selpas itu mengikuti kelas <i>MATH MODERN</i> ... kelas itu boring sehingga saya mengantuk... sangat boringlah !	<i>Math Modern</i>	现代数学
39	这东西可要边照着 <i>tutorials</i> 做边打字~ Bahan ini boleh dibuat dengan mengikuti arahan <i>tutorials</i> sambil menaip~	<i>tutorials</i>	小组讨论

Dalam Data 14, pelajar-pelajar di kolej lebih kerap menggunakan item leksikal bahasa Inggeris “*assignment*” daripada “课业” untuk merujuk kepada tugas yang diberikan oleh pensyarah. Item leksikal “*assignment*” lebih tepat dan mudah difahami oleh semua pelajar kolej sekiranya dibandingkan dengan item leksikal bahasa Cina “课业”。 Begitu juga dengan mata pelajaran, oleh sebab mata pelajaran sains dan

matematik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, maka kita tidak berasa ganjal percampuran kod bahasa Inggeris “*maths modern*” digunakan untuk menggantikan “现代数学” dalam bahasa Cina. Dalam Data 39, item leksikal bahasa Inggeris “*tutorial*” bermakna suatu sesi tunjuk ajar oleh pensyarah kepada anak-anak buahnya semasa di kolej atau di universiti. Dengan itu, item leksikal “*tutorial*” lebih mudah difahami oleh gologan belia daripada item leksikal bahasa Cina “小组讨论课” .

4.3.1.2 Percampuran kata kerja bahasa Inggeris

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 23 (15.34%) kata kerja bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ujaran-ujaran penulis weblog yang berbahasa Cina. Kata-kata kerja bahasa Inggeris seperti “*shopping*”, “*clubbing*”, “*go*”, “*call*”, “*edit*”, “*check*” dan sebagainya merupakan item-item leksikal yang digunakan untuk merujuk kepada perbuatan yang dilakukan oleh penulis weblog dalam aktiviti harian mereka.

Jadual 4.5: Percampuran kata kerja bahasa Inggeris

	Contoh	Item leksikal kata kerja	Kelas kata
DATA 1	去逛 <i>shopping</i> 和书展~~ Pergi <i>shopping</i> dan pameran buku~~	<i>Shopping</i>	kata kerja
DATA 5	去 <i>clubbing</i> 这就是 <i>clubbing</i> 刺激的地方啦。。 Pergi <i>clubbing</i> Inilah kehebatan <i>clubbing</i>	<i>clubbing</i>	kata kerja
DATA 11	<i>Bye bye...hahax</i> 我其实很懒惰 <i>upload</i> <i>Bye bye...hahax</i> Sebenarnya saya malas untuk <i>upload</i>	<i>Bye bye...hahax</i> <i>Upload</i>	kata kerja (BI) kata kerja (BI)

Berdasarkan Jadual 4.5 Data 11, pengkaji mendapati bahawa biasanya kaum Cina di Malaysia cenderung menggunakan “*bye-bye*” untuk meminta diri, mengundur diri atau menunjukkan minat untuk berjumpa lagi dengan penutur lain pada masa hadapan.

Sebaliknya, “再见 zai jian” atau “再会 zai hui (jumpa lagi) ” kurang digunakan oleh penutur-penutur setempat untuk meminta diri. Lazimnya, “再见 zai jian” atau “再会 zai hui (jumpa lagi) ” digunakan dalam bahasa penulisan atau persuratan.

Walaupun weblog diari bukan dalam bentuk IRC dan merupakan catatan harian peribadi dalam laman internet, tetapi bahasa yang digunakan dalam weblog masih jelas memperlihatkan sifat gabungan bahasa pertuturan dan bahasa tulisan. Item leksikal bahasa Inggeris “bye-bye” kedengaran lebih bersifat bahasa lisan (*spoken language*). Oleh itu, penulis weblog biasanya menggunakan “bye-bye” dalam weblog mereka.

Penggunaan “bye-bye” atau “bye” dalam kalangan orang Cina, Melayu dan India di Malaysia untuk meminta diri telah menjadi satu kebiasaan bertutur tanpa disedari. Justeru, penggunaan kata ini telah mewujudkan fenomena percampuran kod bahasa Inggeris. Golongan orang belia pada masa kini gemar menyisipkan kata meminta diri “bye-bye” dalam ujaran bilik sembang Internet (*chat room internet*). Didapati bahawa Fenomena percampuran kod telah berlanjutan dalam weblog di Malaysia.

4.3.1.3 Percampuran kata adjektif bahasa Inggeris

Percampuran kod berlaku kadang-kala kerana sukar menemui kata-kata yang tepat untuk mengungkapkan apa yang tersirat dalam fikiran dan juga perasaan seseorang itu. Misalnya, percampuran kata adjektif bahasa Inggeris digunakan adalah kerana sukar untuk menyampaikan pengertian atau maksud yang sepadannya kerana perkataan tersebut tidak terdapat dalam bahasa Melayu atau tidak diwakili oleh perkataan yang sedia ada. Dengan itu, biasanya penutur lebih gemar menggunakan kata, frasa atau ungkapan dalam bahasa Inggeris yang mereka biasa dengar atau sering dijumpai.

Jadual 4.6: Percampuran kata adjektif bahasa Inggeris

DATA	Contoh	Percampuran kod	Kelas kata	Item leksikal BC
1	还有电子产品和茶叶展~ 超级 cool 咯 Ini sini masih ada ekspo alat-alat elektronik dan pameran teh ~sangat <i>cool</i> loh	<i>cool</i>	adjektif	酷
12	他每次回來我都會 <i>CHECK</i> 看他的臉有沒有豆豆 <i>UNFORTUNATELY</i> 他的豆豆多了很多！！！ Setiap kali dia balik saya akan <i>CHECK</i> mukanya sama ada ada jerawat <i>UNFORTUNATELY</i> , jerawatnya telah tumbuh banyak !!!	<i>unfortunately</i>	adjektif	很不幸
13	心情有点 <i>Down</i> 掉~只好安慰自己, 没关系 Hati saya ada sedikit <i>Down</i> ~ terpaksalah menyabarkan diri, tidak ada apa-apa berlakku	<i>down</i>	adjektif	失落

Daripada data yang dikumpulkan, didapati bahawa belia di negara kita suka menggunakan “*cool*” untuk menunjukkan sesuatu yang sungguh baik. Dalam Data 1, didapati bahawa penulis weblog menggunakan perkataan “*cool*” untuk menyifatkan bahan-bahan yang dipamerkan dalam pameran elektronik sungguh canggih walaupun makna perkataan asal “*cool*” menyifatkan gaya yang tersendiri. Begitu juga dalam Data 13, di mana penulis weblog menggunakan perkataan “*down*” untuk menunjukkan perasaannya yang sedih dan muram.

Penggunaan kata adjektif dalam percampuran kod seperti yang berlaku di atas mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan penulis weblog dalam bahasa Cina sehingga mengakibatkan mereka menggunakan percampuran kod bertujuan untuk menyampaikan sesuatu yang ingin disampaikan.

4.3.1.4 Percampuran kata hubung bahasa Inggeris

Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog gemar mencampurkan kod dalam weblog adalah disebabkan mudah dan menjadi kebiasaan bagi orang yang menguasai lebih daripada sejenis bahasa. Daripada 40 data yang dikumpul, pengkaji mendapati hanya tujuh kata hubung bahasa Inggeris yang digunakan antaranya perkataan “Anyway” telah digunakan sebanyak tiga kali manakan “because” dan “then” telah digunakan sebanyak dua kali.

Jadual 4.7 Percampuran kata hubung bahasa Inggeris

DATA	Contoh	Item leksikal	Kelas kata	Item leksikal BC
39	爸爸昨天送的礼物真的是炸到我没话讲。。。 Anyway, 今天我不爽的人多得是, 真的很多 Hadiyah yang terima daripada ayah semalam sungguh menyedihkan Anyway, hari ini ramai orang yang saya tidak suka berada di sekeliling saya	anyway	kata hubung	无论如何

4.3.2 Percampuran bahasa Melayu

Setelah menganalisis data-data yang telah dikumpul, didapati bahawa percampuran bahasa Melayu adalah kurang sekiranya dibandingkan dengan percampuran bahasa Inggeris. Walaupun sebanyak 48% data yang dikumpul menggunakan percampuran bahasa Melayu, tetapi hanya 50 item leksikal bahasa Melayu dapat dikumpul. Antara 50 item leksikal bahasa Melayu yang telah dikumpul, kesemuanya merupakan kata nama dan tiada kata kerja dan kata adjektif dijumpa.

4.3.2.1 Percampuran kata nama bahasa Melayu

Jadual 4.8: Percampuran kata nama bahasa Melayu untuk tempat

DATA	Contoh	Item leksikal	Item Leksikal BC
1	他们本来讲好要和我一起去 serdang 的 Sebenarnya mereka telah berjanji untuk mengikuti saya ke <i>serdang</i>	Serdang	沙登
29	只是爸载 KEN 回到 SRI KEMBANGAN Hanya ayah saya menjemput <i>KEN</i> balik ke <i>SRI KEMBANGAN</i>	Sri Kembangan	斯里肯邦岸
31	之后就上了 hulu langat 山山上等着观看日出 Selepas itu, kami telah pergi ke puncak gunung <i>hulu langat</i> untuk melihat matahari terbit	Hulu Langat	乌鲁冷岳

Daripada 50 item leksikal bahasa Melayu yang telah dikumpul, sebanyak 15 item leksikal yang merujuk kepada nama pekan, bandar atau daerah. Dalam Jadual 4.8, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog gemar menggunakan percampuran kod bahasa Melayu untuk sesuatu tempat seperti “Serdang (沙登)”, “Sri Kembangan (斯里肯邦岸)” dan “Hulu Langat (乌鲁冷岳)” daripada nama tempat dalam bahasa Cina. Keadaan ini berlaku kerana nama-nama tempat di Malaysia, kebanyakannya berasal dari bahasa Melayu. Namun demikian, surat khabar bahasa Cina tempatan seperti *Sin Chew Jit Poh*, *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* memaparkan nama-nama tempat ini dalam nama bahasa Cina yang telah diterjemahkan. Namun begitu, orang-orang tempatan kerap menggunakan nama bahasa Melayu untuk merujuk kepada sesuatu tempat. Bagi mereka, cara ini lebih jitu dan tepat untuk menerangkan destinasi mereka.

Jadual 4.9: Percampuran kata nama bahasa Melayu

Data	Contoh	Item leksikal BM	Item leksikal BC
12	後來下午大哥買了 LAKSA 回來	<i>laksa</i>	叻沙

	Selepas itu, sebelah petang abang sulung telah member <i>LAKSA</i> balik		
12	昨天跟秀和嫻去了 PASAR MALAM Semalam saya telah mengikut xiu dan sien pergi ke PASAR MALAM	<i>pasar malam</i>	夜市场
16	但是他们已吃喝完了所以 next round 去了 mamak 喝茶。 Tetapi mereka telah siap minum, oleh itu next round kami telah pergi ke gerai mamak untuk minum teh.	<i>mamak</i>	麻麻档

Nama makanan tempatan seperti “laksa (叻沙)” dalam Jadual 4.9 jelas menunjukkan bahawa orang-orang tempatan lebih suka menggunakan nama asal makanan tempatan kegemaran ramai dalam bahasa Melayu sekiranya dibandingkan dengan nama terjemahan “叻沙”。 Dalam Data 12 dan 16, item leksikal bahasa Melayu “pasar malam (夜市场)” dan “mamak (麻麻档)” merupakan tempat yang sering dikunjungi oleh orang-orang tempatan. Penggunaan kata-kata nama bahasa Melayu seperti ini telah menjadi kebiasaan orang tempatan sama ada dalam pertuturan mahupun dalam penulisan mereka.

Jadual 4.10: Percampuran kata nama bahasa Melayu berkenaan sekolah

Data	Contoh	Item leksikal BM	Item Leksikal B. Cina
18	这些是我们 hari koko 要卖的东西 Inilah barang-barang yang ingin kami jual pada <i>hari koko</i>	hari koko	课外活动日
23	国语要考 lisan 了哦...我还没背呢 Ujian <i>lisan</i> bahasa Melayu tidak lama lagi..... saya masih belum hafal lagi	lisan	口试

Pengkaji juga mendapati kebanyakan golongan belia yang masih menuntut di sekolah, kolej atau di universiti suka menggunakan item-item leksikal bahasa Melayu untuk merujuk kepada aktiviti di sekolah atau bahan bacaan mereka. Dalam Jadual 4.10, penulis weblog menggunakan “hari koko (课外活动日)” suatu aktiviti tahunan di sekolah, di mana pelajar-pelajar diberi peluang untuk merancang aktiviti jualan untuk

mempertingkatkan daya kepimpinan mereka dan keupayaan menganjurkan suatu aktiviti. Di sini, pengkaji mendapati bahawa percampuran bahasa Melayu berlaku kerana penulis weblog berasa penggunaan item leksikal “hari koko” lebih tepat dan difahami oleh rakan-rakan pelajar yang lain.

Begitu juga dengan item leksikal “lisan (口试)”. Golongan belia lebih suka menggunakan perkataan “lisan” untuk merujuk kepada ujian lisan yang dijalankan di sekolah bagi mata pelajaran bahasa yang dipelajari. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa pelajar-pelajar suka menggunakan perkataan “lisan” untuk ujian lisan bahasa Melayu dan “oral” untuk ujian lisan bahasa Inggeris.

4.3.3 Percampuran dialek

Dialek merupakan suatu aspek bahasa lisan yang ketara wujud dalam ruang siber (Noriah, 2006: 17). Jika dirujuk kepada masyarakat Cina di Malaysia, loghat dan pelat daerah jelas mempengaruhi penggunaan bahasa sesebuah masyarakat. Kaum Cina di Malaysia mempunyai etnik Hokkien, Kantonis, Hainam, Hockchew, Teochew, Kwangsa, Hakka dan lain-lain lagi. Setelah menganalisis data-data, pengkaji mendapati bahawa fenomena percampuran dialek kerap berlaku dalam weblog belia tempatan.

Dekad kebelakangan ini, rancangan televisyen dan siri drama Singapura mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat Cina terutamanya di negeri-negeri yang berhampiran dengan Singapura. Dalam rancangan televisyen ini, pelakon-pelakon drama suka mencampurkan dialek tempatan terutamanya dialek Hokkien dalam pertuturan mereka. Secara tidak langsung, faktor sosiobudaya ini telah mempengaruhi penggunaan bahasa oleh masyarakat Cina di negara kita.

Daripada 40 data yang terkumpul, sebanyak 13 data yang mempunyai fenomena percampuran dialek. Antara 13 data ini, hanya 8 data yang mempamerkan bahasa dialek dengan tulisan rumi manakala 5 data yang lain pula mempamerkan bahasa dialek dengan aksara Cina. Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog muda juga menggunakan percampuran kod bahasa dialek seperti “*walao* 哇老”, “*paiseh* 派謝”, “*sien* 显”, “*waseh* 哇謝” dan “*si peh song* 西北爽” dalam paparan weblog mereka. Fenomena percampuran kod terutamanya dialek menjadi sesuatu yang menarik dalam kajian ini.

Menurut Kamus “*Singlish (Singapore English)*”, perkataan “*walao*” merupakan dialek “Chaozou (潮州) yang membawa maksud terperanjat apabila mendengar sesuatu berita yang menyedihkan. Akan tetapi item leksikal “*walao*” ini telah diperluaskan maknanya kepada perasaan terkejut apabila sesuatu yang tidak dijangka telah berlaku (www.singlishdictionary.com). Misalnya, dalam Jadual 4.11, dalam Data 6, penulis weblog mencampurkan perkataan dialek “*walao*” kerana dia tidak mempercayai diri sendiri boleh menjawab soalan peperiksaan walaupun kali pertama menduduki peperiksaan ini. Leksikal “*walao*” digunakan untuk menunjukkan perasaan yang terperanjat kerana perkara yang baik dan tidak dijangka telah berlaku. Dalam Data 16, perkataan “*walao*” juga digunakan untuk menunjukkan penulis weblog berasa kecewa walaupun telah membayar dua kali “Tol” tetapi masih menghadapi kesesakan jalan raya. Dalam ayat ini, “*walao*” menunjukkan perasaan kecewa terhadap nasib yang malang. Yang menarik adalah persembahan perkataan “*walao*” dalam Data 6, 16 dan 31 adalah berlainan. Di mana, dalam Data 6 “*walao*” telah digunakan oleh penulis weblog, tetapi dalam Data 16 dan 31, penulis weblog mempersembahkan perkataan “*walao*” dengan tulisan Cina dengan mengikut sebutan “哇嘢(walao) ” atau “哇老”

(*walao*)”.

Jadual 4.11: Percampuran dialek – “walao”

Data	Contoh	Item leksikal	Makna item leksikal
6	第一次自己就会 <i>walao</i> , 过后就会很快的去解决它。。 Pertama kali sendiri pergi akan <i>walao</i> , lepas itu kamu akan biasa dengan keadaan dan dapat menyelesaikan sendiri	<i>walao</i>	Terkejut kerana perkara baik telah berlaku (perluasan makna)
16	过了第一个 Tol RM2.20...第二个 Tol RM1.60 没想到塞车塞到...哇嘮耶!顶,简直是不会动!! 火滚!! <i>Tol pertama RM 2.20.... tol kedua RM 1.60 tidak sangka masih sesak kereta Walao ye! Langsung tidak bergerak !! api membara!!</i>	哇嘮 <i>walao</i>	Terkejut kerana menghadapi masalah
31	哇老!! 简直在我脑袋轰下了一颗一百吨的炸药 <i>Walao!! Macam meletup otak saya dengan seketul boom seberat 100 tan.</i>	哇老 <i>walao</i>	Terkejut kerana menghadapi masalah

Dalam Jadual 4.12, perkataan “*paiseh*” merupakan dialek Hokkien yang bermakna berasa segan mengikut Dictionary of Singlish and Singapore English (www.singlishdictionary.com/singlish_P.htm). Dalam Data 6, penulis weblog menunjukkan perasaan berasa segan apabila dijemput ke kelas rakan baiknya dan didapati bahawa salah seorang murid meraikan hari jadinya pada hari yang sama seperti penulis weblog. Dialek “*paiseh*” ini menunjukkan perasaan segan kerana rakan-rakan meraikan hari jadinya. Dalam Data 11, penulis weblog juga berasa segan kerana kali pertama diberikan tugas, sebelum ini dia tidak pernah diberikan tugas yang begitu penting. Dalam data ini, perkataan “*paiseh*” telah dipaparkan oleh penulis weblog dengan tulisan Cina “派謝” berdasarkan sebutan bunyinya.

Jadual 4.12: Percampuran dialek – “paiseh”

Data	Contoh	Item leksikal dialek	Makna item leksikal
6	717 早上，才一到学校。。玲艾和秀良就	<i>paiseh</i>	Berasa segan

	<p>邀请我去她们班。。才发现她们班也还有一个 717 生日的，就握个手跟他讲生日快乐，他也是青队的。。哈哈！就很 paiseh 的站在二商孝里面，又没什么认识的人，感觉怪怪的。。</p> <p>Pada pagi 717, baru saya sampai ke sekolah... Ling Ai dan Xiu Liang mengajak saya masuk ke kelas... saya mendapati dalam kelas juga ada seorang murid seperti saya meraikan harijadi pada 717, baru saya berjabat tangan dan mengucapkan selamat jadi kepadanya...dia juga rumah hijau...ha ha! Sangat paiseh berada dalam kelas 2 perdagangan, dan bersama orang-orang yang saya tidak kenali, masih berasa ganjil..</p>		
11	<p>第一次这么忙，派谢..... 我以前是无所事事的，而且是那种不引人注意。。 Pertama kali begitu sibuk, paiseh..... Dulu saya selalu tiada perkara untuk sibut dan tidak menarik perhatian orang lain.....</p>	派谢 (<i>paiseh</i>)	Berasa segan

Dalam Jadual 4.13, percampuran dialek telah berlaku, di mana penulis weblog telah menggunakan item leksikal dialek Hokkien “*sien* (显)” dalam Data 8 dan 38 yang membawa makna perasaan bosan. Data 8 menunjukkan penulis weblog berasa bosan semasa cuti sekolah manakala Data 38 menunjukkan penulis weblog berasa bosan lalu pergi menonton kartun “*Tom & Jerry Kids*”. Perkataan “*sien*” dalam erti sebenarnya bermakna letih lesu, tetapi perluasan makna telah berlaku kerana dalam golongan belia gemar menggunakan bahasa dialek ini untuk menunjukkan perasaan bosan terhadap cara hidupnya (www.singlishdictionary.com/singlish_P.htm).

Jadual 4.13: Percampuran dialek – “*sien*”

Data	Contoh	Item leksikal dialek	Makna leksikal
8	"假期真的好 SIEN 哦~ haiz...在家~吃睡喝玩看戏 Cuti sekolah sangat SIEN oh~haiz...di rumah~makan, tidur, minum, main, tengok wayang.	<i>Sien</i>	bosan
38	结果只好去看 tom & jerry kids。哈哈。 显咯。 Akhirnya saya terpaksa pergi menonton tom & jerry kids. Ha ha. SIEN loh.	显 <i>sien</i>	bosan

4.3.4 Percampuran bahasa Jepun

Walaupun bahasa Jepun bukan bahasa yang diajar di sekolah kerajaan, namun begitu, pengaruh daripada lagu-lagu pop Jepun, drama bersiri Jepun dan juga wayang gambar Jepun mendapat sambutan hangat di Malaysia terutamanya dalam kalangan golongan orang muda. Daripada 40 data yang dikumpulkan, terdapat empat data yang memaparkan item leksikal percampuran kod bahasa Jepun. Pengkaji mendapati bahawa cuma beberapa perkataan yang mudah seperti “*sumimase (sumimasen)*” , “*kambate (ganbatte)*”, “*kawaii*” dan “*sayonara*” digunakan.

Jadual 4.14: Percampuran bahasa Jepun

Data	Contoh	Item leksikal b.Jepun	Makna item leksikal
7	快吓死我的朋友们了。哈哈。 <i>sumimase~</i> Hampir menakutkan kawan saya. Ha ha. <i>sumimase~</i>	<i>Sumimase</i> (<i>sumimasen</i>)	maafkan
11	再见咯！ Bye! <i>Sayonara</i> ! Selamat tinggal! Bye! <i>Sayonara</i>	<i>Sayonara</i> !	selamat tinggal
27	文! <i>kambate!! miss you!</i> “ Boon! <i>kambate!! miss you!</i> ”	<i>kambate!</i> (<i>ganbatte</i>)	berusaha lagi
29	然后弟弟妹妹去玩游戏机... 也用票换了一个雪人扑满~ KAWAII NEH!! Selepas itu adik pergi main permainan elektronik... dan menggunakan kupon untuk menukar sebuah tabung duit berbentuk orang salji... KAWAII NEH!!	<i>Kawaii</i>	comel

Dalam Jadual 4.14, penulis weblog mengucapkan “*sumimase*” kepada rakan-rakannya kerana dia berasa terharu sehingga menangis selepas menonton drama bersiri Jepun “*A Liter of Tears*”. Tindakannya yang terburu-buru seolah-olah menakutkan rakan-rakannya lalu mengucapkan “maafkan saya” dalam bahasa Jepun. Dari contoh ini, pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis weblog telah mempelajari sedikit bahasa Jepun daripada drama bersiri Jepun yang ditonton.

Dalam Data 11, untuk menegaskan perasaan penulis weblog yang hendak berpisah dengan kawan baiknya, penulis weblog telah menggunakan tiga bahasa, iaitu bahasa Cina, bahasa Inggeris dan bahasa Jepun untuk mengucapkan “再见”, “bye” dan juga “sayonara (selamat tinggal)” kepada rakannya. Perkataan bahasa Jepun “sayonara” telah menjadi suatu ungkapan yang popular untuk orang ramai sama ada yang menguasai bahasa Jepun ataupun tidak. Dengan itu, percampuran kod di sini hanya memainkan peranan sebagai menarik perhatian para pembaca ataupun sengaja menunjukkan gaya bahasanya yang tersendiri.

Perkataan “*kawaii*” merupakan suatu item leksikal baru untuk merujuk kepada lagu Jepun Gwen Stefani “*Harajuku Girls*” yang menerangkan sesuatu yang comel dan cantik. Menurut majalah Nipponia terbitan ke-40 (15 Mac 2007) menjelaskan bahawa item leksikal “*kawaii*” ini merupakan kata adjektif yang merujuk kepada patung-patung dan benda-benda yang comel dan terkini. Kini, pemuda-pemudi suka menggunakan perkataan “*kawaii*” untuk menyifatkan alat permainan kesayangan mereka. Dalam Data 29, penulis weblog telah berasa gembira kerana adiknya telah menggunakan kupon-kupon yang dimenangi untuk meneruskan permainan elektronik lalu menukar sebuah tabung berbentuk patung salji yang begitu comel.

4.4 Pengalihan Kod

Menurut Valdes (1978:1), pengalihan kod merupakan penggunaan dua bahasa secara serentak atau bersilih di peringkat kata, frasa, klausa mahupun pada ayat. Daripada data yang telah dikumpulkan didapati bahawa penggunaan dua atau lebih bahasa secara bersilihan oleh penulis weblog dalam bentuk sintaksis yang wujud dalam paparan weblog mereka.

Pengalihan kod menunjukkan bahawa penutur dwibahasa gemar menggunakan kedua-dua bahasa untuk memudahkan interaksi dengan pembaca yang juga berkebolehan dwibahasa. Fenomena linguistik ini jelas dilihat dalam weblog tempatan yang dihasilkan oleh penulis weblog belia kita.

Daripada 40 data yang terkumpul, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak lapan data ataupun 25 % data yang menggunakan pengalihan kod. Setelah penganalisisan data dibuat, pengkaji mendapati tujuh data menggunakan pengalihan kod bahasa Inggeris dan satu data menggunakan pengalihan kod bahasa Inggeris bersama dengan bahasa Melayu.

Jadual 4.15: Pengalihan bahasa Inggeris

Data	Ayat pengalihan kod	Contoh
11	<p>一个月后见吧！ =) No More Boring Days:D 恭喜我摆脱无聊的日子，哈哈哈 Selepas satu bulan kami berjumpa ! No More Boring Days Tahniah, saya telah melepas masa boring saya</p>	<u>No More Boring Days:D</u>
11	<p>好了，就这样。 =) Bye bye...hahax Baiklah, demikian penyelesaiannya. Bye bye... ha hax</p>	<i>Bye bye...hahax</i>
11	<p>吃了午餐，就回 KL 了。饶先生再次在我家吃哦～ 妈咪还教他蒸鱼因为他觉得很好吃 Mr.Boey,never ask me learn that!hahax.... Lepas makan tengahari, kami pun balik KL. Encik Yao sekali lagi makan di rumah saya, ibu saya mengajarnya mengukus ikan sebab dia puji lauk ikan sangat sedap. Mr. Boey, never ask me learn that! Hahax ...</p>	<i>Mr.Boey,never ask me learn that!hahax....</i>

Dalam Jadual 4.15, fenomena pengalihan bahasa Inggeris telah berlaku. Dalam Data 11, penulis weblog telah mencampurkan ayat “No More Boring Days” untuk menerangkan dirinya akan terkeluar dari kehidupan yang bosan. Begitu juga dengan data yang seterusnya, penulis weblog telah menggunakan kata-kata “bye bye...ha ha” untuk mengakhiri ungkapannya. Dalam contoh yang ketiga pula, penulis weblog

memaklumkan rakan baiknya “*Mr. Boey*” telah mempelajari cara memasak ikan daripada ibunya dan berasib baik tidak memaksa penulis weblog untuk belajar bersama. Untuk menunjukkan perasaan yang gembiranya, penulis weblog menggunakan pengalihan kod “*Mr. Boey, never ask me learn that!*”. Ungkapan pengalihan kod bahasa Inggeris ini lebih jelas menunjukkan perasaan penulis weblog yang gembira.

Jadual 4.16: Pengalihan bahasa Melayu

Data	Ayat pengalihan kod	Contoh
37	<p>他却每次问我“cikgu cakap apa?”，我的回应都是“cikgu cakap BM atau English ma... kenapa awak boleh tak faham?”，要不然就是“tak tau la...mana saya tau!!!”。</p> <p>Dia selalu menanya saya, “cikgu cakap apa?”, jawapan saya selalu sama “cikgu cakap BM atau English ma... kenapa awak boleh tak faham?”, ataupun “tak tau la... mana saya tau!!!”.</p>	<p>cikgu cakap apa cikgu cakap BM atau English ma kenapa awak boleh tak faham? tak tau la...mana saya tau!!!”。</p>

Demi menggambarkan keadaan sebenarnya situasi pembelajaran di dalam kelas, pengalihan bahasa Melayu telah digunakan oleh penulis weblog dalam Data 37. Walaupun bahasa pasar “cikgu cakap apa?” “cikgu cakap BM atau English ma.... Kenapa awak tak boleh faham? “, “tak tau la... mana saya tau!” digunakan bukan merupakan bahasa standard bahasa Melayu, tetapi bagi penulis weblog ungkapan-ungkapan ini akan memberi gambaran sebenar semasa belajar di dalam kelas.

4.5 Penggunaan Singkatan dan Akronim

4.5.1 Singkatan Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun penulis weblog menulis blog dalam bahasa Cina, tetapi mereka lebih gemar menggunakan item leksis bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang tertentu. Penggantian dan penyisipan singkatan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ke dalam blog-blog yang bertulis dalam bahasa

Cina telah menyebabkan kewujudan fenomena percampuran kod.

Merujuk pada dapatan kajian yang dianalisis di atas, pengkaji mendapati bahawa kata nama terjemahan bahasa Cina adalah lebih panjang dan kompleks. Oleh itu, singkatan-singkatan seperti “MSN”, “PMR” dan “KFC” yang lebih singkat dan padat dikekalkan lalu digunakan dalam ujaran penulis weblog berbahasa Cina ini.

Ini menunjukkan bahawa kadang-kala penulis weblog bahasa Cina di Malaysia tidak gemar menggunakan perkataan-perkataan bermorfem panjang yang sedia ada dalam bahasa Cina, sebaliknya kata-kata atau singkatan-singkatan bahasa Inggeris dan bahasa yang lebih singkat dan padat dicampurkan ke dalam penulisan bahasa Cina untuk menggantikan item leksikal bahasa Cina yang bermorfem lebih panjang.

Jadual 4.17 : Ayat yang menggunakan Singkatan

Data	Contoh	Singkatan	Pengkelasan	Nama Penuh dalam B.Cina
2	那天,看到有个朋友 MSN 里的 personal message... Hari itu, saya terbaca <i>personal message</i> bagi rakan saya di MSN ...	MSN (Microsoft network)	kata nama khas	即使通
11	下个星期就考完 PMR 了吧? PMR 是 2009 年的事! Minggu depan saya PMR akan tamat? PMR adalah peristiwa 2009!	PMR (Penilaian Menengah Rendah)	kata nama khas (BM)	初中评估考试
12	結果他說他姐姐買了 KFC Akhirnya, dia kata kakaknya telah beli KFC	KFC (Kentucky Fried Chicken)	kata nama khas (BI)	肯德基家乡鸡
15	12 月 22 日我又下 KL 了~ Pada tarikh 22 Disember, saya telah pergi ke KL	KL (Kuala Lumpur)	kata nama khas-tempat	吉隆坡
8	omg... 气死我了... 我的 pendrive 啊。。。没了。。。完了~ OMG ...sungguh marahnya saya.... Pendrive saya.....habislah~	omg (Oh My God)	frasa	我的天啊!

Merujuk kepada contoh-contoh yang di atas, singkatan seperti “MSN”, “PMR” dan “KFC” digunakan dalam catatan weblog yang dikaji. Perkataan “MSN” merupakan kata akronim bahasa Inggeris bagi “microsoft network”. Pada hal, singkatan ini telah diterjemahkan dalam bahasa Cina yang berbunyi *“jíshítōng”*.

Sementara itu, Data 11 menunjukkan item leksikal “PMR” dicampurkan ke dalam ayat bahasa Cina. Item leksikal “PMR” adalah singkatan bahasa Melayu bagi kata nama khas “Peperiksaan Menengah Rendah”. Singkatan ini juga diterjemahkan dalam bahasa Cina yang berbunyi “*chūzhōngpínggǔkǎoshì*” *“初中评估考试”*.

Seterusnya, “KFC” adalah disingkatkan daripada kata nama asli bahasa Inggeris yang berbunyi “*Kentucky Fried Chicken*”. Walaupun “*Kentucky Fried Chicken*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina yang berbunyi “*kěndéjījiāxiāngjī*”, penulis weblog masih menggunakan “KFC” dalam catatan diari blog mereka.

Secara keseluruhan, daripada 40 data yang dikumpulkan, terdapat sebanyak 116 singkatan atau akronim yang dikumpulkan. Antara singkatan dan akronim tersebut, sebanyak 82 (70.6%) singkatan atau akronim adalah dituliskan dalam bahasa Inggeris, manakala 21 (18.2%) dalam bahasa Melayu dan 13 (11.2%) dalam bahasa Cina. Statistik di atas menunjukkan bahawa walaupun weblog dituliskan dalam bahasa Cina, tetapi daripada data-data yang dikumpulkan, didapati bahawa hampir 90% singkatan atau akronim yang digunakan adalah dalam bahasa Inggeris mahupun dalam bahasa Melayu.

Bagi singkatan pula, antara 82 singkatan bahasa Inggeris yang dikumpul, sebanyak 32 atau 35.2% daripadanya menggunakan singkatan yang berkaitan dengan ICT (*Information and Communication Technology*). Antara singkatan yang paling kerap digunakan adalah “SMS (*Short Message Service*)”. Walalupun dalam bahasa Cina ada nama khas untuk “SMS” iaitu “短信”, tetapi daripada data yang dikumpulkan tiada seorang penulis weblog pun yang menggunakan “短信” sebaliknya menggunakan singkatan “SMS”.

Jadual 4.18 : Analisis singkatan yang berkenaan dengan ICT

Kelas kata Singkatan bahasa Inggeris dan kumpulannya	Singkatan	Nama penuh singkatan	Kekerapan digunakan	Jumlah kekerapan (%)
Kata nama-ICT (<i>Information and Communication Technology</i>)	SMS MSN BLOG TV MSG PS2 IT MMS 3D LCD	Short Message Service Microsoft Network Weblog Televisyen Message Playing Station 2 Information Technology Multimedia messaging service 3 Dimension Liquid Crystal Display	11 7 6 2 1 1 1 1 1	34.7 21.8 18.7 6.2 3.1 3.1 3.1 3.1 3.1
		Jumlah	32	100

4.5.2 Singkatan bahasa Cina

Bagi singkatan bahasa Cina pula, pengkaji mendapati bahawa lapan data daripada 40 buah data yang dikumpulkan menggunakan item leksikal singkatan “醤 (jiang)” seperti dalam jadual. Sebenarnya item leksikal “醤” bermakna kuah, gulai atau cecair yang dicampurkan ke dalam makanan. Dalam bahasa Cina internet “醤” merupakan kata singkatan kepada dua item leksikal iaitu “这样 (zhe yang)” yang membawa makna “begini”, “醤 (jiang)” merupakan gabungan sebutan “这(zhe)” dan

“样 (yang)”。Kini, “酱” kerap digunakan dalam komunikasi di ruang siber kerana ia lebih mudah digunakan dan menjimatkan masa.

Jadual 4.19: Ayat yang menggunakan singkatan – “jiang”

Data	Contoh	Singkatan	Nama Penuh dalam BC	Makna
6	每一张试卷都要涂, 好像时间很多酱 Setiap helaian perlu dijawab, seolah-olah begini (<i>jian</i>) banyak masa.	酱 (<i>jiang</i>)	这样	begini
36	时间过得真快, 三年就酱一眨眼之间而已 Masa berlalu dengan pantas, beginilah (<i>jian</i>) tiga tahun berlalu umpama sekelip mata sahaja.	酱 (<i>jiang</i>)	这样	begini

4.5.3 Akronim

Antara 116 singkatan dan akronim yang dikumpulkan, kebanyakannya adalah singkatan iaitu sebanyak 114 (98.2%), malah hanya terdapat dua akronim ataupun 1.8% sahaja. Antara dua akronim yang digunakan, satu dalam bahasa Inggeris dan satu dalam bahasa Melayu. Contohnya adalah seperti dalam Jadual 4.20 di bawah.

Jadual 4.20 : Penganalisa ayat yang menggunakan akronim

Data	Contoh	Akronim	Pengkelasan	Nama penuh
16	信封里有一张被烧毁的 SIM 卡和一张纸。 Dalam sampul ada sekeping SIM kad yang telah dibakar dan sehelai kertas.	SIM	B. Inggeris -Nama am	<i>Subscriber Identity Module</i>
18	之后上的国语, 真的是催眠课。。就在说 komsas。。 Selepas rehat, kami mengikuti kelas Bahasa Melayu yang begitu bosan sehingga kami lelap mata... itulah kelas KOMSAS	KOMSAS	B. Melayu - Nama Khas	Komponen Sastera

Merujuk kepada contoh di atas, akronim “SIM card” sering digunakan oleh penduduk di Malaysia selepas telefon bimbit menjadi suatu alat perhubungan yang penting. Nama penuh akronim “SIM” ialah “*Subscriber Identity Module*”, ia merupakan suatu modul pengenalan bagi orang yang membayar untuk kegunaan alat-alat elektronik terutamanya dalam telefon bimbit. Manakala “komsas” pula merupakan akronim dalam bahasa Melayu yang merupakan gabungan “komponen sastera”. “Komsas” merupakan suatu komponen yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu, akronim “komsas” kerap disebut oleh pelajar-pelajar sekiranya dibandingkan dengan nama penuh.

4.6 Bahasa Kasar

Menurut Kamus Dewan (2007:106), bahasa kasar merupakan bahasa yang tidak sopan dan tidak manis dituturkan. Ini bermakna penggunaan bahasa ini tidak mementingkan amalan sopan santun dalam proses berbahasa. Bahasa kasar juga berkait rapat dengan penggunaan bentuk bahasa yang tidak sesuai dengan tempat dan konteks sehingga menjaskan emosi pihak berkenaan.

Pengkaji mendapati bahawa 11 data daripada 40 data yang terkumpul mengandungi bahasa kasar. Yang menarik perhatian pengkaji adalah item leksikal yang digunakan oleh penulis weblog memang menarik dan kreatif. Data 15 dalam Jadual 4.21, penulis weblog menggunakan bahasa kasar “*ta ma de* (他妈的)” kerana begitu marah dan ingin membuat rayuan untuk memasuki sesi pertama Latihan Khidmat Negara. Di sini, penulis weblog amat berharap rayaannya dapat dipertimbangkan oleh pihak pentadbir walaupun kemungkinan besar dia akan gagal. Mengikut Wikisource (2004), “*ta ma de* (他妈的)” merupakan suatu bahasa kasar yang membawa maksud “ibu anda seorang yang

keji” . Item leksikal ini kerap digunakan oleh orang-orang Cina semasa memarahi orang. Penggunaan kata kasar ini memang menyentuh perasaan marah bagi seseorang.

Jadual 4.21: Ayat yang menggunakan bahasa kasar

Data	Contoh	Bahasa Kasar	Sebutan	Makna
15	我正在要申请着去第一批!!! 一定要!!!我不管!!! 他妈的 =.="" Saya sedang memohon untuk masuk sesi pertama!!! Saya mesti dapat!!!saya tidak perduli!!! Ta ma de =.=	他妈的	<i>Ta ma de</i>	ibu anda seorang yang keji
7	“傻婆~ 哈哈~当天你的演出很棒哦 “Perempuan tua yang bodoh (sa poh)~ha ha~persempahan anda pada hari itu sungguh menarik”	傻婆	<i>Sa poh</i>	perempuan tua yang bodoh
12	他吃一口贊一次 真的很神經 Dia makan sesuap, puji sekali, sungguh sakit mental(shen jing)	神經	<i>Shen jing</i>	bermasalah mental
16	最后，还是鼓起了很大的勇气...看了。 . = ‘又怎样呢？把自己的心情搞坏而已！笨蛋！！ Akhirnya, saya masih bersemangat... lepas lihat.. apa boleh buat, perasaan saya sungguh sedih! Si bodoh(ben dan)!!	笨蛋	<i>Ben dan</i>	bodoh
8	假期还要自学的咩... =.=我不要算了！鸟他 82 还是 182~” Waktu cuti masih perlu belajar...saya tidak berminal! Tidak perduli(niao ta) 82 ataupun 182...	鸟他	<i>Niao ta</i>	tidak peduli

Daripada data-data yang telah dikumpul, pengkaji mendapati bahawa terdapat empat item leksikal yang digunakan oleh penulis weblog untuk memarahi orang iaitu “傻婆 (sha poh) ” , “傻佬(sha lao)”, “神经 (shen jing)” dan “笨蛋 (ben dan)”.

Pengkaji mendapati bahawa masyarakat Cina gemar memarahi orang dengan perkataan “bodoh”, “bagang ” atau“sakit mental” .

4.7 Pengulangan

Kaedah pengulangan sering digunakan oleh penulis-penulis weblog dalam penulisan weblog oleh golongan belia di Malaysia. Semasa menulis diari dalam weblog, didapati bahawa penulis weblog berbahasa Cina gemar mengulangi perkataan yang sama dalam suatu ayat. Penulis weblog memanjangkan ayatnya dengan mengulangi perkataan yang sama untuk melambangkan nada suara serta pekikannya apabila berasa marah atau sedih.

Menurut Wan Imran (2009), dalam komunikasi IRC, pengguna yang berbahasa Inggeris dan berbahasa Melayu gemar memanjangkan ujaran panjang dalam pertuturan IRC dengan menggunakan urutan vokal, urutan konsonan untuk melambangkan nada suara, seperti “whoaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaaa”, “nakkkkkkkkkkkkkkkkk”, “sepuluh persennnnnnnn... ahahaha” dan sebagainya. Penggunaan urutan vokal dan konsonan untuk memanjangkan ujaran ditafsirkan sebagai peninggian nada suara untuk menarik perhatian para pembaca.

Dalam weblog bahasa Cina, penulis weblog tidak dapat menggunakan urutan vokal atau konsonan kerana batasan bahasa Cina sendiri. Ini adalah disebabkan bahasa Cina pada dasarnya adalah sejenis bahasa penulisan ideografik (Xiong, 2005). Oleh itu, penulis weblog yang menulis weblog dalam bahasa Cina terpaksa mengubah strategi penyampaian perasaan mereka supaya dapat mencapai kesan yang sama seperti dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Penulis weblog yang menulis weblog dengan bahasa Cina cuba mengulangi perkataan yang penting atau huruf dalam ayat bagi melambangkan nada suara atau pekikan untuk meluahkan perasaan atau menarik perhatian pembaca.

Daripada 40 data yang dikumpul, terdapat sebanyak 19 data (47.5%) menggunakan pengulangan. Pengkaji juga mendapati bahawa tujuan utama penulis weblog menggunakan pengulangan bertujuan untuk menarik perhatian para pembaca dan juga menunjukkan keinginan yang tinggi terhadap sesuatu cita-cita yang ingin dicapai.

Jadual 4.22 : Pengulangan perkataan

Dari Jadual 4.22, Data 26 menunjukkan pengulangan perkataan yang sama untuk memanjangkan ayatnya. Penulis weblog mengulangkan kata seru “救命啊啊啊啊啊啊.....” (TOLONG ah.....) sampai berpuluhan-puluhan kali untuk meluahkan perasaannya yang begitu cemas. Manakala dalam Data 11, penulis weblog mengulangi frasa yang

sama “我要8A！”(saya mahu dapat 8A) sehingga 8 kali. Pengulangan frasa ini jelas menunjukkan bahawa penulis weblog memang berazam tinggi untuk mendapat 8A dalam peperiksaannya. Strategi penggunaan paralinguistik ini bukan sahaja dapat menarik perhatian orang, bahkan dapat memudahkan orang lain memahami perasaan penulis weblog.

Jadual 4.23 : Pengulangan Ayat

Data	Ayat
11	<p>不过我还是要说:</p> <p>我要 8A! 我要 8A! ! 我要 8A! ! ! 我要 8A! ! ! ! 我要 8A! ! ! ! ! 我要 8A! ! ! ! ! ! 我要 8A!</p> <p>Bukan saya sudah kata, “ saya ingin dapat 8A, saya ingin dapat 8A,”</p>
11	<p>想..... 我想..... 我想想..... 我再想想..... <i>Fikir.....</i> <i>saya fikir</i> <i>saya fikir fikir.....</i> <i>Sekali lagi saya fikir fikir.....</i></p>


Dalam Jadual 4.23, Data 11 selain daripada memaparkan pengulangan ayat, pengkaji juga menarik perhatian tentang kaedah pengulangan ayat tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog menggunakan tone warna yang berbeza untuk memaparkan keazaman tinggi beliau untuk mendapat 8A dalam peperiksaan PMR. Seterusnya, penulis weblog juga membuat penyusunan ayat pengulangan bahasa “想..... 我想..... 我想想..... 我再想想..... (fikir.....Saya fikir.....Saya fikir-fikir.....Saya fikir-fikir lagi). Penyusunan bahasa yang begitu unik jelas membawa pengertian keputusan dibuat secara teliti setelah pemikiran yang berulang-kali dibuat.

4.8 Grafologikal

Grafologikal merupakan kajian tentang tulisan tangan. Kajian tentang aspek-aspek ini dikaitkan kepada jenis komunikasi tanpa bunyi dan melibatkan bahasa gerak isyarat. Dalam kajian grafologikal termasuklah kajian tentang penulisan bahasa seperti tanda baca, tulisan huruf besar, huruf condong, simbol-simbol dan emotikon.

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisiskan kekerapan penggunaan emotikon, tanda baca dan penggunaan saiz tulisan serta warna seperti di bawah:

Rajah 4.4: Kekerapan penggunaan bahasa grafologikal mengikut jenis



Dalam penganalisisan grafologikal, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak 95% data menggunakan tanda baca yang berbeza dengan penggunaan tanda baca yang digunakan dalam penggunaan bahasa standard. Penggunaan emotikon mencapai 80% manakala penggunaan saiz tulisan dan fon hanya mencapai 62.5%.

4.8.1 Penggunaan emotikon


Emotikon merupakan gabungan dua item leksikal iaitu “*emotion*” dan “*icon*” yang membawa maksud ikon yang menunjukkan emosi penulis weblog (Noriah, 2006). Penggunaan emotikon juga merupakan satu fenomena bahasa yang berlaku dalam weblog-weblog tempatan. Pelbagai jenis emotikon telah dicipta untuk memenuhi kehendak pengguna-pengguna internet. Pengguna-pengguna internet boleh

menggunakan emotikon dengan mudah. Ini turut menyebabkan emotikon bersifat dinamik dan sering diperbaharui semata-mata untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna internet.

Daripada data-data yang pengkaji kumpul, didapati bahawa kekerapan penggunaan emotikon dalam weblog tempatan adalah kurang jika dibandingkan dalam kajian IRC yang dijalankan oleh Lee (2007). Daripada 40 data weblog bahasa Cina tempatan hanya 281 emotikon yang dapat dikumpul. Antara emotikon-emotikon yang telah dikumpulkan, pengkaji mendapati terdapat dua jenis unsur paralinguistik yang wujud dalam weblog bahasa Cina tempatan, iaitu emotikon grafik dan juga emotikon teks.

Daripada penganalisisan emotikon, pengkaji mendapati kekerapan menggunakan emotikon teks lebih tinggi daripada penggunaan emotikon grafik. Daripada Rajah 4.5, didapati bahawa sebanyak 282 emotikon digunakan dalam 40 buah data-data weblog. Sebanyak 246 (87.2%) emotikon teks serta 36 (12.8%) emotikon grafik yang digunakan dalam weblog bahasa Cina yang dituliskan oleh penulis weblog belia Malaysia.

Rajah 4.5: Jenis emotikon yang digunakan dalam weblog bahasa Cina



4.8.1.1 Emotikon Grafik

Emotikon grafik adalah ikon yang merupakan gambar atau simbol. Kebiasaan ikon yang digunakan merupakan muka senyum atau digelar sebagai “smileys”. Ikon-ikon grafik ini mudah didapati dari internet. Penulis-penulis weblog cuma perlu menyelitkan ikon grafik yang dipaparkan.

Penyelidikan ini dijalankan dengan kaedah tanpa melibatkan diri, di mana pengkaji tidak melibatkan diri dalam penghasilan weblog. Pengkaji hanya memainkan peranan sebagai pemerhati dalam pengumpulan data-data. Data-data emotikon yang terkumpul adalah seperti dalam Jadual 4.24.

Jadual 4.24: Kekerapan emotikon grafik yang dikumpul

Bil	Emotikon Grafik	Maksud Emotikon	Kekerapan	Peratus (%)
1	冒着冷汗的脸	Termenung	8	22.2
2	失望的脸	Kecewa	5	13.8
3	害羞的脸	Malu	4	11.1
4	吐舌的脸	Keluar Lidah	2	5.5
5	大笑的脸	Senyum lebar	2	5.5
6	眨眼的脸	Kelip mata	2	5.5
7	怒气冲冲的脸	Marah	2	5.5
8	红心	Sayang	2	5.5
9	粉色兔耳朵	Puas hati/ gembira	2	5.5
10	粉色鱼	Kelip Mata	1	2.8
11	粉色鱼	Gembira	1	2.8
12	吐舌的黄色笑脸	Masam Muka	1	2.8
13	红心裂开	Hati Berkecai	1	2.8
14	哭泣的脸	Menangis	1	2.8

15		Oh	1	2.8
16		Sedih	1	2.8
		JUMLAH		36
				100

Antara 36 emotikon grafik yang telah dikumpul, pengkaji mendapati bahawa emotikon atau yang membawa maksud “termenung” merupakan emotikon grafik yang paling banyak digunakan oleh penulis weblog tempatan, iaitu sebanyak 22.2%. Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog sering menggunakan untuk menunjukkan perasaan mereka terpaksa menerima hakikat ini kerana tidak berupaya untuk menukar kenyataan.

Jadual 4.25: Emotikon grafik “smileys”

Data	Ayat yang beremotikon Termenung	Maksud Ayat beremotikon Termenung
5	好不舍得哦！！！但始终是无法改变的事实。。。 Walaupun tidak ingin berpisah, tetapi kami terpaksa menerima hakikat ini...	Penulis menyampaikan perasaannya tidak suka untuk berpisah, tetapi terpaksa menerima hakikat ini.
5	是时候分离各奔前尘了,好依依不舍。。。 Sudah sampai masa untuk berpisah, kami tidak sampai hati untuk berpisah...	Penulis menggunakan emotikon termenung untuk menunjukkan perasaan yang sedih tetapi terpaksa menghadapinya
5	头脑好乱， 不知道接下来该怎么办。。。, 头脑一片空白。。。。。 Minda saya berkecoh kerana tidak tahu apa boleh dibuat, otak saya langsung tiada idea...	Penulis tidak tahu apa hendak dibuat seterusnya dan menunjukkan perasaan termenung.
29	最后一次穿的校服，实在有些不舍~ Inilah kali terakhir saya memakai pakaian uniform sekolah, dalam hati saya	Penulis berasa pada masa depan tidak berpeluang untuk memakai pakaian sekolah setelah meninggalkan sekolah lalu menunjukkan perasaan termenung.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa beberapa emotikon grafik yang jarang dijumpai, misalnya , , dan . Semua emotikon yang dibincangkan di atas dijumpai dalam Data 15 (Sumber :<http://babelui.blogspot.com/>). Emotikon-emotikon grafik ini juga membawa maksud yang tersendiri. Contoh-contoh seperti Jadual 4.26 di bawah.

Jadual 4.26: Emotikon grafik berikon

Data	Ayat yang beremotikon baru	Maksud ayat beremotikon
15	最好给我申请成功!!!	gembira dan berharapan tinggi untuk berjaya.
15	他们都说 fully book 了@.@ *够力 * Mereka berkata tempahan hotel telah "fully book"	menangis kerana tidak berjaya menempah hotel.
15	22号他和他的[神秘人]就有地方可以睡了~	digunakan untuk menunjukkan penulis berkelipl mata dan mengejek kawannya dapat bersama dengan teman lelakinya.
15	我脸上的痘痘=.=''难看死了	membawa maksud melanggar dinding menunjukkan penulis berasa sedih dengan muka yang penuh dengan jerawat.

4.8.1.2 Emotikon Teks

Emotikon teks merupakan penggunaan tanda baca dan ikon-ikon untuk melambangkan ekspresi muka. Menerusi gabungan huruf dan ikon-ikon, penulis weblog dapat menunjukkan emosinya dalam paparan bahantara monitor. Tanda bacaan dan ikon-ikon digunakan sama ada di bahagian permulaan, tengah atau akhir ujaran membawa erti yang berlainan. Misalnya, ikon atau *smiley* “:)” atau “=)” menandakan penutur sedang senyum. Manakala ikon “:(” atau “=(” di mana

kurungan diterbalikkan pula membawa maksud sedih atau kecewa. Jadual 4.27 merupakan emotikon teks yang terdapat dalam data-data kajian.

Jadual 4.27 : Kekerapan emotikon digunakan

Bil	Emotikon Teks	Makna Emotikon	kekerapan	Peratus(%)
1	^ ^	Senyum	65	26.5
2	= =	Bersetuju	36	14.7
3	=)	senyum	21	8.6
4	=.=	senyum	20	8.5
5	XD	Ketawa kuat	20	8.5
6	^ . ^	senyum	10	4.1
7	=P	Lidah keluar	7	2.9
8	=D	Ketawa kuat	6	2.4
9	>.<	Masam muka	6	2.4
10	:)	senyum	5	2.0
11	XDDD	Ketawa kuat	4	1.6
12	>_<	Masam muka	4	1.6
13	:D	Ketawa kuat	4	1.6
14	@@@	Malu	4	1.6
15	:P	Lidah keluar	3	1.2
16	T.T	Sedih	3	1.2
17	T_T	Sedih	3	1.2
18	:()	Sedih	3	1.2
19	T^T	Marah	2	0.8
20	@_@	Bercermin mata	2	0.8
21	=()	Sedih	2	0.8
22	^o^	Berasa bangga	2	0.8
23	>>_<<	Sangat sedih	1	0.4
24	d ^o^ b	berbangga	1	0.4
25	/ (__) \	Minta maaf	1	0.4
26	o (n _ n) o	Minta maaf	1	0.4
27	^u	senyum	1	0.4
28	^u^	Senyum	1	0.4
29	*v*	Tanda menang	1	0.4
30	^ _____ ^	Senyum lebar	1	0.4
31	^ + + ^	Senyum tersekat-sekat	1	0.4
32	= o =	Senyum	1	0.4
33	(=	senyum	1	0.4
34	-.-	Masam muka	1	0.4
35	^	senyum	1	0.4
	JUMLAH		245	100%

Dalam penyelidikan yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa emotikon teks yang paling banyak digunakan adalah “ ^^” yang bermaksud “senyum”. Emotikon

teks ini digunakan sebanyak 65 kali iaitu 26.5% daripada jumlah emotikon teks yang dikumpul. Emotikon teks “^^” melambangkan sepasang mata yang keningnya dinaikkan apabila seseorang tersenyum. Emotikon teks ini sering digunakan untuk membawa maksud penulis weblog ingin pembaca berkongsi kegembiraannya menerusi paparan tulisan weblognya.

Pada masa yang sama, pengkaji mendapati bahawa emotikon-emotikon lain seperti “XDDD”, “@@@”, “o (n _ n) o” dan sebagainya hanya wujud dalam sebahagian data yang dikumpul. Contohnya, “XDDD” (ketawa kuat) hanya wujud 4 kali iaitu 1.6 % sahaja, manakala “@@@”(bercermin mata) hanya wujud 2 kali iaitu 8% dan “o (n _ n) o”(minta maaf) hanya wujud sekali sahaja dalam data yang dikumpul. Ini mungkin disebabkan oleh faktorkekangan dalam penghasilan emotikon yang menggunakan papan kekunci komputer.

Jika membuat perbandingan, pengkaji dapat melihat dengan jelas bahawa emotikon “^^”(senyum) dan “= =”(bersetuju) adalah lebih mudah menaip dengan hanya menekan papan kekunci 2 kali sahaja. Manakala emotikon yang berbentuk “^ + ^” (senyum tersekat-sekat) dan “o (n _ n) o” (meminta maaf) perlu menaip 4 kali serta perlu bertukar-tukar butang papan keunci. Oleh yang demikian, emotikon yang berbentuk kompleks ini pasti jarang digunakan oleh kebanyakan penulis weblog memandangkan mereka lebih minat pada emotikon yang boleh dibentuk dengan cara menaip. Cara ini lebih mudah, cepat dan menjimatkan masa.

Jadual 4.28 : Emotikon teks

Data	Ayat yang guna emotikon teks “^^”	Maksud ayat yang guna emotikon teks “^^”
1	谢谢你们的蛋糕，很好吃。 谢谢你们的礼物。 ^ ^	Penulis begitu gembira apabila menerima hadiah daripada rakannya

	<i>Terima kasih kerana menghadiahkan keks kepada saya, sungguh enak. Terima kasih hadiah yang kamu semua berikan. ^~</i>	yang merupakan sebuah kek.
9	最好还是双胞胎或龙凤胎。。。 那真的是太好了！！^~ <i>Kalau dapat melahirkan kembar seiras, alangkah baiknya!! ^~</i>	Penulis berasa gembira sekiranya dia dapat melahirkan sepasang kembar iras.
15	还有要谢谢我的宝贝老公^~ <i>Saya patut mengucapkan terima kasih kepada suami yang begitu sayangkan saya^~</i>	Penulis berasa gembira kerana mempunyai seorang suami yang begitu sayangkannya.
23	他对我好...我当然也会对他好咯^~ <i>Kalau dia layan saya dengan baik... mestilah saya juga akan melayannya dengan baik ^~</i>	Penulis berasa gembira kerana dilayan baik oleh rakan-rakannya.

Selepas menganalisis data emotikon mengikut kekerapan, pengkaji turut mengumpulkan emotikon-emotikon teks yang mempunyai makna yang sama dalam satu kumpulan. Misalnya, sebanyak 12 emotikon teks yang membawa maksud “senyum”. Tujuan pembahagian kumpulan ini adalah untuk mengetahui kekerapan penulis weblog menggunakan emotikon teks dengan tujuannya.

Jadual 4.29: Analisis emotikon teks mengikut kumpulan

Emotikon Teks	Maksud Emotikon	Kekerapan
^{^ ~} ^{^ . ^} ^{^ u} ^{^ u ^} [^] ^{_____} [^]	Senyum	128 (52.2%)
=.= =) : + + ^ = o = (= ^ ==	Bersetuju	36 (14.7%)
XD XDDD :D =D	Ketawa kuat	34 (13.8%)
T.T T_T :(=(>>_<<	Sedih	12 (4.9%)
>.< -..	Masam muka	11 (4.5%)
:P =P	Lidah keluar	10 (4.1%)
@ @	Malu	4 (1.6%)
^o^ d ^o^ b	Berasa bangga	3 (1.2%)
/ (_ _) \ o (n _ n) o	Minta maaf	2 (0.8%)
T^T	Marah	2 (0.8%)
@_@	Bercermin mata	2 (0.8%)
v	Tanda kemenangan	1 (0.4%)
Jumlah		245 (100%)

Daripada data-data yang dikumpulkan, pengkaji mendapati jenis emotikon yang kerap digunakan oleh penulis weblog belia di negara kita merupakan “smileys” atau senyuman “:)”, “^^”, “=)” atau “=.=” . Kekerapan yang tinggi dalam menggunakan emotikon senyuman membuktikan penulis weblog tempatan gemar mewujudkan suasana yang ceria apabila berhubung dengan pembaca-pembaca weblog dalam dunia siber ini. Sebanyak 128 atau 52.2% daripada 245 emotikon teks merupakan emotikon senyuman.

Emotikon teks yang kedua kerap digunakan adalah “= =”. “= =” emotikon teks ini melambangkan muka yang tenang tanpa sedih mahupun gembira. Penulis weblog menggunakan emotikon teks “= =” untuk menunjukkan beliau bersetuju dan menerima hakikat yang berlaku pada dirinya. Contoh-contoh di bawah dapat menunjukkan dengan lebih jelas kegunaan “= =”.

Jadual 4.30: Ayat yang guna emotikon teks “==”

Data	Ayat yang guna emotikon teks “==”	Maksud
11	我脑子很乱，写的东西很乱，看不懂就算了.....== <i>Fikiran saya tidak tenang, isi yang ditulis juga terteraboh, kalau tidak faham pun tak kisah... ==</i>	Penulis berasa tidak dapat bertindak apa-apa kerana fikirannya tidak tenang sehingga tidak tahu apa yang ditulis.
18	今天早上起来，就觉得好累。。。睡不够== <i>Pagi ini saya rasa letih selepas bangun...mungkin tidur tidak lena ==</i>	Penulis tidak dapat mengubah keadaan fizikal badan yang lelah dengan memberi alasan tidur tidak lena.
25	現在跟生活費比起來...大概一兩個月就會用完了== <i>Perbelanjaan harian telah meningkat... dalam satu dua bulan perbelanjaan kita akan habis==</i>	Penulis rasa tidak dapat mengubah situasi kenaikan harga barang dan terpaksa menerima hakikat ini.
39	其实我也没资格嚷时间不够~~ 因为有做 part time 的老公都还没叫救命== <i>Sebenarnya saya tidak layak membising masa tidak cukup memandangkan suaminya yang bekerja “part time” pun belum bising lagi==</i>	Penulis berasa dirinya patut bersyukur kerana suami yang bekerja lebih pun tidak membising pasal masa tidak mencukupi.

4.8.1.3 Simbol-simbol lain

Jadual 4.31: Ayat menggunakan simbol-simbol lain

Data	Ayat yang bersimbol	Maksud
7	~ 每次听到大家讲这些 @#\$%&*(*&^%\$@ , 我从来就没有 什么大反应吧! Setiap kali saya mendengar kamu semua (@#\$%&*(*&^%\$@(kata-kata kasar), saya langsung tiada maklum balas!	Simbol-simbol ini membawa maksuk kata-kata kasar
25	夠不夠賤? 果然很賤...Zzzzzz... Sungguh keji! Sebenarnya sungguh keji..Zzzzzzz.....	Simbol ini membawa makna hati tidak senonoh dengan percakapannya.
39	早知找多一个 effect 让玲玲批了 一起过搞定~~~zzzz kalau saya tahu, saya akan cari lebih satu effect untuk Ling Ling semak, sekali gus kami habis semua tugas ini~~~zzzz	Simbol ini membawa makna hati tidak senonoh dengan percakapannya.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa menerusi kreativiti penulis weblog, pelbagai simbol-simbol baru dapat dihasilkan. Dalam Data 7, “@#\$%&*(*&^%\$@” membawa pengertian kata-kata kasar yang penulis tidak ingin memberi sebarang maklum balas. Manakala dalam Data 25 dan 39, penulis weblog menggunakan “Zzzzzzz.....” untuk menggantikan perasaan yang tidak senonoh dengan percakapan rakannya. “Zzzzzzz.....” merupakan bunyi yang dihasilkan dengan merapatkan gigi kita, maka “Zzzzzzz.....” membawa makna penulis sangat tidak bersetuju dengan pendapat rakannya.


4.8.2 Tanda Baca

Dalam data weblog yang dikaji, satu fenomena yang paling ketara adalah penggunaan tanda baca. Tujuan penggunaan tanda baca dalam ayat-ayat ini adalah berbeza daripada penggunaan tanda baca untuk membentuk pelbagai jenis emotikon yang membawa maksud yang lain.

Dalam data yang dipaparkan dalam kebanyakan blog peserta, hampir semua peserta blog menggunakan pelbagai jenis tanda baca dalam setiap ayat yang dihasilkan bagi menggambarkan perasaan mereka. Tanda baca dalam bahasa Cina yang digunakan dalam blog belia yang dikaji, didapati adalah berbeza dengan tanda baca yang digunakan dalam bahasa Cina standard.

Dalam data weblog yang dikumpul, didapati pelbagai jenis tanda baca digunakan oleh penulis weblog untuk menyampaikan perasaan melalui weblog yang ditulis, di antaranya adalah tanda tanya (?), tanda seruan (!), dan tanda baca yang hanya didapati dalam bahasa Cina iaitu tanda elipsis (..... / 。 。 。 。 。 ）。 Penganalisisan kekerapan penggunaan tanda tanya, tanda seruan dan tanda elipsis seperti di bawah:

Rajah 4.6: Analisis penggunaan tanda baca



Penggunaan tanda elipsis merupakan tanda baca yang paling banyak digunakan dalam weblog tempatan, ia telah mencapai 95%. Seterusnya diikuti dengan tanda seruan 70% dan yang paling kurang merupakan tanda tanya 30%.

4.8.2.1 Tanda Tanya


Pada asasnya tanda tanya digunakan sebelum tanda penutup kata atau digunakan pada akhir ayat yang berbentuk pertanyaan. Tanda ini hendak dibaca dengan nada

yang tinggi bagi menandakan penutur ingin mengetahui jawapan bagi soalan tersebut.

Dalam tatabahasa standard penggunaan tanda baca hanya satu sahaja iaitu “?” .

Dalam 40 data yang dikumpul, sebanyak 312 kali tanda tanya digunakan. Apa yang menarik perhatian pengkaji adalah, antara 312 kali tanda tanya yang digunakan di mana tanda tanya yang pelbagai bentuk seperti “?”, “??”, “???” atau “?????” telah wujud. Analisis kebarangkalian kewujudan tanda tanya seperti di bawah.

Rajah 4.7: Penganalisisan tanda tanya



Terdapat sebanyak 238 kali atau 77% tanda tanya sekali “?” digunakan. Penggunaan tanda tanya sekali ini memainkan peranan sebagai tanda tanya penulis terhadap sesuatu soalan. Pada masa yang sama, pengkaji juga mendapati kekerapan menggunakan tanda tanya “??” dan tanda tanya “???” mencapai 34 kali iaitu 11%, manakala penggunaan tanda tanya “??????” mencapai 3 kali iaitu 1%.

Jadual 4.32: Ayat yang menggunakan tanda tanya ?

Data	Ayat yang menggunakan tanda tanya	Jenis tanda tanya
7	为什么那么迟才回电? Mengapa begitu lewat baru menjawab telefon saya?	?
18	开会得时候就试吃我们提议出来的食物。。云吞巧 克力？云吞 kaya?	?

	Semasa bermesyuarat sila makan makanan yang saya cadangkan...nak coklat? Mi kaya?	
--	---	--

Dalam Jadual 4.32, Data 7 penulis weblog menanya kepada rakannya mengapa begitu lewat baru menjawab telefonnya. Dalam ayat ini, tanda tanya “?” yang digunakan berfungsi sebagai pertanyaan untuk mengetahui sebab lewat menjawab telefon manakala dalam data 18, penulis weblog menggunakan tanda tanya sekali untuk menanya apakah makanan yang diminta oleh rakannya semasa bermesyuarat.

Jadual 4.33: Ayat yang menggunakan tanda tanya ??

Data	Ayat yang menggunakan tanda tanya	Jenis Tanda Tanya
6	戏票便宜过爆米花~~为何写了这主题呢？？ Harga tiket wayang lebih murah daripada makanan jagung bakar, mengapa anda sanggup menggunakan bahan ini sebagai tajuk besar blog anda?	??
26	七点半载你，问你吃了吗？？你说吃了一点。。。那就是还没吃饱咯？？ Pukul tujuh setengah, semasa saya pergi menjemputn anda, saya tanya anda sama ada sudah makan belum?? Anda jawab sudah makan sedikit..... Ini bermakna anda belum makan kenyang lagi??	??

Penggunaan tanda tanya sebanyak dua kali atau “??” digunakan sebanyak 35 kali digunakan. Penggunaan tanda tanya sebanyak dua kali adalah ciptaan penulis weblog. Penggunaan “??” adalah tanda baca yang tidak standard dan tidak boleh wujud dalam laras bahasa formal sama ada dalam bahasa Cina maupun bahasa Melayu.

Daripada Data 6 dan 26, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog menggunakan tanda tanya dua kali dalam ayat untuk menunjukkan penulis weblog terperanjat tentang keadaan pada masa itu, lalu menanya rakannya sekali lagi. Penulis weblog menggunakan tanda tanya dua kali bertujuan untuk menunjukkan perasaannya yang amat ingin mengetahui sesuatu pada masa itu.

Jadual 4.34: Ayat yang menggunakan tanda tanya ???

Data	Ayat yang menggunakan tanda tanya	Jenis tanda tanya
26	你也舍不得两天不见我咧？？？ Ada anda berasa sedih kerana dua hari tidak dapat berjumpa saya???	???
26	怎么自己一个人在外面等？？？学院里面没人了吗？？不能在里面等吗？？？那么夜了一个女生在外面很危险的。。。 ” Kenapa seorang diri menunggu kereta di luar ??? Adakah tiada orang lagi di dalam kolej ?? Tak boleh menunggu di dalam kolej??? Masa sudah lewat, anda seorang perempuan menunggu orang di luar kolej adalah sanyat bahaya.....	??? / ??
40	被选上副总教育主任。。。开心吗？？？ Anda dipilih sebagai penolong bahagian pelajaran..... adakah anda gembira???	???
40	我很混乱。。。应该相信谁？？？ Saya sangat runsing..... siapakah yang boleh saya percayai???	???

Dalam Data 26 dan 40, didapati bahawa penulis weblog gemar menggunakan tanda tanda sebanyak tiga kali. Ayat-ayat yang menggunakan tanda tanya tiga kali seperti di bawah.

Ayat pertama dalam Data 26, penulis weblog menggunakan tanda tanya sebanyak tiga kali untuk menunjukkan begitu tinggi harapannya untuk mengetahui jawapan daripada rakannya bahawa perasaannya selama dua hari tidak dapat berjumpa dengan penulis. Manakala ayat kedua dalam Data 26 pula menunjukkan penulis weblog amat tidak bersetuju dengan rakan wanitanya menunggu di luar kolej keseorangan kerana perbuatan ini amat bahaya.

Dalam Data 40, penulis weblog menggunakan tanda tanya tiga kali untuk menunjukkan perasaannya yang begitu gembira kerana rakannya telah dipilih sebagai penolong bahagian pelajaran. Manakala, ayat kedua pula menunjukkan penulis weblog begitu runsing dan tidak tahu siapakah yang boleh dipercayai.

Jadual 4.35: Ayat yang menggunakan tanda tanya ????

Data	Ayat yang menggunakan tanda tanya	Jenis tanda tanya
26	<p>如果你还是要塞钱给我的话，我就。。。我就。。。半路丢你下车。。。哼。。。看你怕吗。。。？？？？？哈哈。。。 Jika anda masih nak member wang tambang kepada saya, saya akan... saya akan... menurunkan anda di tengah jalan... He.....Anda takut tak.....???? Ha, Ha.....</p>	？？？？
26	<p>时间。。好快好快。。。怎么会那么快就一个月过去了？？？？？？？ Masa.....sangat sangat cepat.....begitu cepatnya satu bulan telah lalu ????????</p>	？？？？？？？？


Dalam Data 26, didapati bahawa tanda tanya yang lebih dari tiga kali telah digunakan. Ayat pertama, penulis weblog telah menggunakan tanda tanya empat kali untuk menunjukkan dia bergurau dengan rakannya ingin membiarkan rakannya di tengah jalan sekiranya rakannya masih memberi wang tambang kepadanya. Manakala, dalam ayat kedua, di mana penulis weblog telah menggunakan tanda tanya sebanyak lapan kali untuk menunjukkan dia amat risau dengan masa yang lalu begitu cepat.

4.8.2.2 Tanda Seruan

Penggunaan tanda seruan dalam sesuatu ayat adalah bertujuan untuk membantu penutur meluahkan perasaan dan memberikan penekanan dalam pertuturan. Dalam sampel-sampel kajian yang telah dikumpul, pengkaji mendapati bahawa terdapat sebanyak 652 kali tanda seruan digunakan. Sesetengah tanda seruan yang digunakan melangkau penggunaannya secara standard mengikut hukum penggunaan tanda baca seperti yang dinyatakan dalam “*Chong Ding Biao Dian Fu Hao Shou Ce*” 《重订标点符号手册》(2009), di mana belia-belia di negara kita suka menambahkan bilangan tanda seruan untuk membezakan tahap penegasan ujaran dan emosi mereka dalam weblog-weblog mereka.

Pengkaji telah menganalisis penggunaan tanda seruan mengikut bilangannya seperti yang dipaparkan menerusi Rajah 4.8 di bawah.

Rajah 4.8: Penganalisisan tanda seruan



Rajah 4.8 menunjukkan bahawa penggunaan tanda seruan dalam kajian ini kebanyakannya terdiri daripada penggunaan tanda seruan yang biasa iaitu penulisan tanda seruan sebanyak sekali seperti “!”. Penggunaan tanda seruan “!!” mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 62%. Hal ini disebabkan oleh kebanyakan penulis weblog masih mengikuti hukum penggunaan tanda baca yang standard yang biasa digunakan dalam struktur ayat.

Penggunaan dua tanda seruan iaitu “!!” mencatatkan peratusan sebanyak 22%. Daripada 652 tanda seruan yang digunakan, “!!” wujud sebanyak 146 kali. Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog gemar menggunakan tanda seruan “!!” untuk menunjukkan perasaan bimbang, takut atau terkejut di mana tahapnya lebih tinggi daripada perasaan biasa.

Jadual 4.36 Penggunaan tanda seruan !!

Data	Ayat yang menggunakan tanda seruan	Jenis tanda seruan
10	哎呀，现在已经凌晨 4 点了，还一点睡意都没有！！ Ayuh! Sudah pukul 4.00 pagi, kenapa saya masih tidak dapat tidur !!	!!
16	走到车时竟然看见多了一张纸，我的妈啊！！ Bila sampai di kereta, didapati di depan cermin ada sehelai kertas saman, alamak !!	!!
23	嘻嘻…这三张是没有动过手脚的哦....绝对纯....!! Hi Hi...tiga keeping gambar ini, saya tidak “edit”nya...ia memang “original”... !!	!!

Data 10 menunjukkan bahawa penulis weblog berasa gelisah kerana sudah pukul empat pagi dia masih tidak dapat tidur. Penggunaan dua kali tanda seruan ini menunjukkan perasaan penulis weblog amat risau dan hati tidak tenang. Dalam Data 16, penulis weblog mengeluh kerana mendapat saman. Penulis weblog berasa marah apabila menerima saman. Penggunaan tanda seruan “!!” untuk menunjukkan perasaan marahnya. Dalam Data 26 pula, penulis weblog menggunakan tanda “!!” untuk menegaskan gambar tersebut adalah gambar asli tanpa diedit semula dan boleh dipercayai.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa tanda seruan “!!!” telah wujud sebanyak 76 kali, iaitu mencapai peratusan sebanyak 12%. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan tanda baca ini mempunyai fungsi yang sama dengan penggunaan tanda seruan “!!” iaitu untuk menunjukkan perasaan yang berlainan dalam penggunaan tanda seruan, cuma tahapnya telah meningkat.

Jadual 4.37: Penggunaan tanda seruan !!!

Data	Ayat yang menggunakan tanda seruan	Jenis tanda seruan
15	我正在要申请着去第一批!!!一定要!!!我不管!!! Saya sedang membuat permohonan untuk memasuki khidmat Negara kumpulan yang pertama!!! Saya mesti mahu memohon!!!	!!!

	Saya tidak perduli lagi !!!	
31	当我面试后我可以去找 shipping company 赞助我的学费，我只要毕业后在他公司服务便行了！！！ Selepas saya menghadiri temuduga, saya boleh memohon bantuan biasiswa daripada “Shipping company” untuk membantu saya untuk belajar, bila saya tamat pelajaran saya, saya dapat berkhidmat di syarikat tersebut !!!	!!!

Data 15 menunjukkan perasaan penulis weblog yang begitu tegas untuk memohon menukar tarikh masuk ke Program Khidmat Negara. Oleh sebab penulis weblog khuatir lewat masuk ke program ini akan menangguhkan kemasukan ke institusi pengajian tinggi selepas keputusan SPM diumumkan. Oleh itu, penggunaan tanda seruan “!!!” bertujuan untuk menunjukkan begitu tegasnya kemahuan penulis weblog. Dalam Data 31 pula, tanda seruan “!!!” menunjukkan bahawa penulis weblog begitu yakin bahawa dia dapat merancang masa depannya setelah menghadiri temuduga.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 28 kali atau 4% penulis weblog menggunakan simbol yang melebihi tiga tanda seruan. Dalam Data 9, didapati penulis weblog menggunakan sembilan tanda seruan untuk menunjukkan perasaannya yang amat benci pada rakannya.

Jadual 4.38: Penggunaan tanda seruan melebihi !!!

Data	Ayat yang menggunakan tanda seruan	Jenis tanda seruan
38	真！的很讨厌你！！！！！！！！！ Ikhlas! Saya memang benci padamu !!!!!!!!	！！！！！！！！！ ！
25	因為我發現我身邊的人都有 gay 的傾向... 所以我很危險... 救命啊~~~~~!!!! Oleh kerana saya mendapati orang-orang di sekeliling saya mempunyai kecenderungan “gay”, dengan itu saya sangat bahaya... Tolong saya!!!!	!!!!!!

Penulis weblog dalam data 38 telah menggunakan 9 tanda seruan “!!!!!!!” untuk menunjukkan tahap bencinya terhadap orang yang tidak jujur terhadapnya sudah

sampai kemuncak. Begitu juga dengan Data 25, penulis weblog seolah-olah menjerit meminta tolong daripada rakan-rakannya untuk menjauhi dari kawan-kawan yang berkecenderungan homoseksual.

Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapati bahawa gabungan tanda tanya dan juga tanda seruan seperti “?!” juga wujud dalam weblog. Simbol ini didahului dengan tanda tanya dan diikuti dengan tanda seruan. Tanda “?!” wujud sebanyak 39 kali. Antara 40 data yang dikumpul, seramai 12 orang penulis weblog telah menggunakan simbol baru ini. Pengkaji mendapati bahawa penulis weblog gemar menggunakan simbol “?!” untuk menunjukkan perasaan ingin tahu sesuatu tetapi dia tertanya-tanya dengan jawapan yang diterima olehnya, seolah-olah tidak percaya dengan kenyataan ini.

Jadual 4.39: Penggunaan gabungan tanda tanya dan tanda seruan I

Data	Ayat yang menggunakan tanda seruan	Jenis tanda
4	“huh?你不想考那为什么还要报名阿？！ “Huh ? Kalau kamu tidak berminat untuk mengambil ujian, kenapa anda masih mahu daftar ??”	? !
11	2008.....我都在做什么呢？！ Sepanjang tahun 2008.....Apa yang saya sedang buat?!	? !
16	这么辛苦是为了什么？！等死吗? 真想快点结束这一切 Sepanjang masa ini anda bersusah payah adalah untuk apa?! Tunggu mati? Sebenarnya saya ingin ia cepat ditamatkan.	? !
29	现在粉红色... 有时还可以配合" 剧情" 所需~ 放些橙色,青色,紫色等等... 是不是很色彩咧?! Sekarang popular dengan warna merah jambu.....Kadang kala ia boleh diubah warna mengikut keadaan..... Bubuh warna jingga, hijau atau ungu dan sebagainya..... Bukankah ia lebih berwarna-warni ?!	? !

Jadual 4.40: Penggunaan gabungan tanda tanya dan tanda seruan II

Data	Ayat yang menggunakan tanda seruan	Jenis tanda
25	今天很多校友回去，樓上兩排走廊滿滿都是人...不過,老實說，現在的同樂會真的不知道在演甚麼，可能是人太多我看不到~或者學校限制太多了吧??!! Hari ini ramai bekas pelajar balik ke sekolah, tingkat atas penuh dengan orang...sebenarnya karnival sekarang, saya tidak faham apakah yang mereka cuba lakonkan, mungkin penonton terlalu ramai sehingga saya tidak Nampak, ataupun pihak sekolah terlalu banyak peraturan??!!	??!!
29	现在没了... 是不是更黑了?!? 字体本来是白色的, 对吗?! Sekarang tiada lagi..... adakah dia lebih hitam?!? Warna huruf sebenarnya adalah berwarna putih? Betulkah?	?!?

Dalam Data 25, penulis weblog menggunakan tanda baca “??!!” untuk membawa makna penulis sendiri tertanya-tanya dengan bagaimana terjadinya program karnival yang kurang menarik dan penulis sendiri pun tidak dapat membantu. Dalam Data 29, “?!?” sekali lagi menunjukkan bahawa penulis tertanya-tanya tentang kejadian warna huruf dan dia sendiri pun tidak pasti kecantikannya.

4.8.2.3 Tanda Elipsis

Tanda elipsis merupakan sejenis tanda baca. Kebiasaannya, tanda elipsis ini digunakan untuk menggantikan satu rangkaian kata atau ayat yang terdapat dalam teks asli. Penggunaan tanda elipsis bukan sahaja dapat menjimatkan penggunaan perkataan (*Omission of word*省略) dalam sesuatu ayat tetapi juga digunakan untuk menggantikan suatu ucapan yang tergendala, suatu fikiran yang belum ada kesudahan, atau ayat yang belum habis. Kadang-kala, tanda elipsis juga digunakan untuk mewakili kata yang terputus-putus dalam sesuatu ucapan (Luo, 1989: 310).

Dalam bahasa Cina standard, terdapat sejenis tanda baca yang berbentuk tanda titik sebanyak 6 kali (.....) di mana ia membawa maksud “ellipsis”. Fungsi tanda baca elipsis dalam bahasa Cina adalah untuk menggantikan suatu ucapan atau rangkaian kata yang belum tamat.

Dalam weblog yang berbahasa Cina, terdapat tanda bacaan yang menyerupai tanda elipsis dalam penggunaan bahasa Cina, tetapi fungsi tanda elipsis ini adalah berbeza dengan penggunaan tanda elipsis dalam bahasa Cina standard. Dalam weblog bahasa Cina, terdapat urutan tanda titik “...” dan “.....” berlainan. Data kajian dalam Jadual 4.41 menunjukkan bahawa kedua-dua urutan tanda titik tersebut. Perbezaan tanda elipsis tiga titik dan enam titik adalah kerana penggunaan yang berbeza dalam tanda elipsis antara bahasa Melayu dan bahasa Cina.

Jadual 4.41: Penggunaan tanda elipsis

Data	Ayat yang menggunakan tanda elipsis
2	"那一天,周董(周杰伦)的新歌-稻香首播... 能说的是...超好听!!!! 那首歌的背景有个意思...就是叫我们要知足... “珍惜一切,就算没有拥有” 那歌词是酱写的... 他的那..." Hari itu, lagu baru Jay Chao – Dao Xiang.... Saya boleh katakan.... Sungguh menarik!!!! Latar belakang lagu tersebut..... adalah menasihatkan kami mesti bersikap sederhana...."Hargailah segala, termasuklah benda-benda yang anda tidak memiliki" lirik kata lagu tersebut.... Dia ingin....
9	哇塞... 老公不要命了... 做三份工作哦！！！ 真是疯了... 当他回到家跟我说他去面试新工作时， 我呆掉了..... 哇..... Wasai.... Suami saya tidak mahu sayang nyawanya... buat tiga jenis pekerjaan!!! Gilalah...bila sampai rumah, dia maklumkan saya bahawa dia telah pergi hadir temuduga untuk pekerjaan baru, saya terkejut..... hai.....

Dalam kajian “sembang-sembang siber” yang dilakukan oleh Wan Imran (2003), beliau mendapati bahawa penggunaan urutan tanda titik “...” dalam pertuturan IRC

mempunyai dua fungsi, iaitu sebagai unsur hentian untuk menandakan penutur telah berhenti sebentar dan sebagai pengganti noktah pada akhir ujaran.

Jadual 4.41 jelas menunjukkan bahawa penulis weblog gemar menggunakan urutan titik pada bahagian akhir ayat. Tetapi urutan titik bukan sahaja sebagai pengganti noktah, urutan titik tersebut juga kelihatan melambangkan nada suara penulis weblog yang menyatakan sesuatu dalam ayat. Data 9 menunjukkan penulis weblog menggunakan urutan titik untuk meluahkan perasaannya, seperti “哇塞...”(wasai.....), “老公不要命了...”(suami tidak mahu hidup lagi.....),”真是疯了... “(betul-betul gilalah.....),”我呆掉了.....”(saya terpegunlah.....),”哎.....”(ai.....), urutan titik ini menandakan penulis weblog berada dalam keadaan yang amat risau, gelisah tentang tekanan yang dihadapi oleh suaminya sehingga boleh menjelaskan kesihatannya .

Data	Ayat yang menggunakan tanda elipsis
3	<p><u>落地生根</u></p> <p>我的落地生根去哪了。 😕</p> <p>结果会是怎样的？？？ 😕</p> <p>好累！！ 😕 每天都过着心惊胆跳的日子！！ 😕</p> <p>但我会坚持到底的！！！</p> <p>越来越有挑战性了。</p> <p>Mana perginya daun saya.....</p> <p>Apakah hasilnya???</p> <p>Sungguh penat!! Setiap hari terpaksa begitu takut dan bimbang!!</p> <p>Akan tetapi, saya akan teruskan perjuangan saya!!!</p> <p>Semakin mencabar cabaran saya.....</p>
4	<p>我发现...</p> <p>“哈哈，你那么想看见这个人，肯定就是了。。。哈哈。。。你在做什么样的工作？什么店？！噢噢噢。。。希望你快点开工看见你想看见的人哦！加油！！！有机会把你们的合照放上来噢。。。呵呵。。。 =) ”</p> <p>Saya mendapati... ha ha! Anda begitu berminat untuk melihat orang ini, pasti ada sesuatu.... Ha ha.... Anda sedang bertugas di mana?! Oh Oh...harap anda boleh mula bekerja dan melihat orang itu! Hurray!!! Kalau ada peluang, letaklah photo anda</p>

Bentuk urutan titik yang berbentuk “ ” seperti yang terdapat dalam Jadual 4.42, Data 3 ini hanya dapat dilihat dalam weblog yang menggunakan bahasa Cina. Ini adalah disebabkan oleh urutan titik “ ” sebenarnya adalah tanda noktah dalam bahasa Cina. Tanda baca “ ” ini hanya dapat dihasilkan apabila penulis weblog menggunakan bahan perisian yang menggunakan bahasa Cina, contohnya “*Chinese Star*” atau “*microsoft pinyin*” untuk menaip perkataan bahasa Cina.

Data kajian weblog menunjukkan bahawa urutan tanda titik “ ” juga mempunyai fungsi yang sama dengan urutan tanda titik hadir di pertengahan sesuatu ujaran. Walau bagaimanapun, daripada data kajian yang dipungut, pengkaji mendapati bahawa urutan titik ini juga berfungsi untuk memanjangkan nada suaranya. Seperti Jadual 4.42, Data 4 menunjukkan beberapa urutan titik di pertengahan ujaran penulis weblog. Di antaranya “肯定就是了。 . . . ”(tentu pastilah。), “哈哈。 . . . ”(haha。 . . .), “噢噢噢。 . . . ”(o.....), “有机会把你们的合照放上来噢。 . . . ”(kalau ada peluang aku akan meletakkan gambar kamu berdua.....), “呵呵呵。 . . . ”(hohoho.....).

Penulis weblog menggunakan tanda elipsis seperti “哈哈。 . . . ” (haha。 . . .) adalah bertujuan untuk memanjangkan suara ketawanya supaya pembaca dapat memahami perasaannya yang begitu gembira menerusi penulisannya. Tanda elipsis ini dapat melambangkan nada suara ketawa yang kuat di mana pembaca weblog seolah-olah dapat dengar suara ketawanya. Penggunaan tanda elipsis juga dapat membantu penulis weblog mewujudkan situasi lebih hampir sama dengan komunikasi bersemuka.

4.8.2.3.1 Tanda Elipsis Luar Biasa

Daripada data-data yang telah dikumpul, pengkaji mendapati bahawa selain daripada tanda-tanda elipsis yang berbentuk titik, terdapat tanda elipsis yang wujud dalam pelbagai bentuk.

Jadual 4.43: Ayat menggunakan tanda elipsis yang lain

Data	Ayat menggunakan tanda elipsis	Jenis tanda elipsis
1	书展大到>>>>>。 。 Sungguh besar pameran buku tersebut>>>>>。 。	>>>>>
31	飞机机长=商船船长 co pilot=second officer sky>>>>>>>sea	>>>>>>
23	我可是受 重任 啊~~~∽~∽~ Saya telah diberi tanggungjawab yang berat~∽	~~~∽~∽~
30	12月来了就代表今年即将结束~ 12月结束，还会有花红~ 期待已久啊~~~~~ Bulan Disember akan datang, ini bermakna tamatlah tahun ini, saya ada bonus, sudah dinanti-nantikan~~~~~	~~~~~
25	回到宿舍，就一直吵他们去吃饭~~餓死了~~~ Setelah balik ke asrama, dia asyik bising nak pergi makan nasi~~sungguh lapar~~~	~~~

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog yang kreatif juga menggunakan pelbagai tanda elipsis. Di mana dalam Data 1, penulis weblog telah menggunakan “>>>>>” untuk menunjukkan begitu besarnya pameran buku tersebut. Yang lebih menarik pengkaji adalah dalam Data 23, di mana penulis weblog telah menggunakan tanda elipsis “~~~∽~∽~” yang semakin besar untuk menunjukkan tanggungjawab yang semakin berat dan besar.

4.8.3 Penggunaan tulisan yang berlainan saiz dan warna

Dalam komunikasi IRC, perasaan penutur juga turut disampaikan dengan menggunakan huruf besar. Penggunaan huruf besar bertujuan untuk melambangkan pekikan atau ingin menarik perhatian orang serta menegaskan satu keadaan. Penggunaan huruf besar sebagai lambang pekikan ini adalah di antara simbol yang diterima pakai oleh para pengguna internet, seperti “*OUR*”, “*I MUST be with guzz sis ...*”, “*WOW :)*” (Wan Imran, 2003:19).

Dalam weblog yang dituliskan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, perasaan penulis weblog juga turut disampaikan dengan menggunakan huruf besar seperti yang berlaku dalam komunikasi IRC. Walau bagaimanapun, dalam weblog yang berbahasa Cina, penulis weblog tidak dapat menggunakan huruf besar kerana dalam tatabahasa bahasa Cina, tiada penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Ini adalah disebabkan bahasa Cina pada dasarnya adalah sejenis bahasa penulisan ideografik (Xiong, 2005:86).

Oleh itu, penulis-penulis weblog yang menulis weblog dalam bahasa Cina cuba menukar saiz tulisan perkataan bahasa Cina tertentu supaya ia menjadi lebih besar daripada saiz perkataan yang lain dalam ayat yang sama. Tujuan penulis weblog berbuat demikian adalah untuk menegaskan keadaan tertentu ataupun menarik perhatian orang.

Dalam Jadual 4.45, Data 14 jelas menunjukkan bahawa penulis-penulis weblog membesar saiz perkataan seperti nama orang daripada perkataan yang lain dalam

weblognya untuk menegaskan ucapan terima kasih kepada “Ye Ting”, “Ling Wei” dan “Kok Chuan”.

Jadual 4.45: Penggunaan tulisan saiz besar

Data	Ayat bertulisan saiz besar
14	<p>1 展示我们的设计之前，事先说明这些设计只是纯属 For 私人用途。</p> <p>Sebelum mempamerkan reka bentuk kami, terlebih dahulu saya ingin menyatakan semua ini adalah untuk kegunaan individu.</p> <p>2 设计的不是我， 我是他们的摄影师。</p> <p>Bukan saya yang reka bentuk, saya Cuma jurugambar mereka.</p> <p>3 当然也要感谢 Ye Ting 在 assignment 1 时的付出。</p> <p>Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ye Ting yang membantu saya menyiapkan <i>assignment</i> saya.</p> <p>最后，我两位设计师：Ling Wei 和 Kok Chuan 的设计。</p> <p>Dua orang ahli reka bentuk saya ialah Ling Wei dan Kok Chuan.</p>

Selain itu, pengkaji mendapati penulis weblog mewarnakan perkataan atau menghitamkan perkataan sebagai suatu cara untuk menarik perhatian rakan-rakannya. Dalam Data 14, penulis weblog merupakan seorang pelajar dalam bidang iklan, dia cuba membesarfon serta menghitamkan nama-nama rakan-rakan. Tujuannya adalah untuk memaklumkan kepada pembaca blognya orang yang hendak diucapkan terima kasih.

Jadual 4.46: Penggunaan tulisan yang berwarna I

Data	Contoh ayat
13	<p>1 <i>Subang</i> 找房真的不容易。因为哪儿很塞车，我就得找间很靠近公司的房间。但是，我是在无法找到间具有 <i>wifi</i> 的房间。所以，也许，以后，我。没。得。玩。部。落。</p> <p>1.Bukan mudahnya mencari bilik di Subang. Ini kerana kawasan itu selalu kesesakan, saya terpaksa mencari sebuah bilik yang dekat dengan tempat bekerja</p>

	<p>saya. Tetapi, saya gagal mencari bilik yang mempunyai kemudahan WIFI. Oleh itu, mulai saat ini saya tidak boleh menulis blog.</p> <p>2 对了，提到睡觉，我不得不承认，我很犯贱！</p> <p>2. Betul, bila sebut tidur, saya terpaksa mengaku, saya memang lemah semangat saya!</p>
17	<p>1 所以, shopping 了过后, 现在唯一能做的事那就是--</p> <p>省钱啊!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!</p> <p>1.Oleh itu, selepas shopping, saya rasa perkara yang perlu saya beri perhatian ialah—jimat duitlah !!!!!!!!!!!!!!!</p>

Data 13 dalam Jadual 4.46, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog mewarnakan perkataan bahasa Cina dengan warna oren dan merah untuk menekankan maksud tertentu. Penulis weblog ingin menyampaikan perasaan kecewa dan sedihnya apabila dia tidak dapat menggunakan weblog kerana rumah yang disewanya tidak mempunyai perkhidmatan “wifi”. Demi memudahkan orang ramai memahami perasaannya, dia telah mewarnakan “以后，我。没。得。玩。部。落。 (Selepas ini , saya tidak boleh menulis blog lagi) .”

Dalam Data 17 yang tertera dalam Jadual 4.47, pengkaji mendapati bahawa penulis weblog telah menggunakan kemudahan yang dibekalkan dalam “Microsoft word” untuk membesar dan mewarnakan perkataan bahasa Cina “省钱，啊 !!!!!!! (menjimat duit, ah !!!!!!!) ” untuk menunjukkan dia perlu berjimat-cermat selepas membeli-belah. Dalam contoh ini, perkataan “jimat duit” telah ditekankan.

4.9 Kesimpulan

Dalam proses menganalisiskan data-data yang dikumpulkan, pengkaji begitu ghairah dengan kreatif dan inovatif penulis weblog tempatan. Perkembangan bahasa

internet ini juga membawa pengaruh yang besar terhadap perkembangan bahasa Cina, terutamanya dalam kalangan belia di negara kita. Taraf pendidikan rakyat Malaysia kini semakin meningkat dan perubahan begitu cepat dalam dunia siber ini menjadikan golongan belia yang kreatif mempunyai ruangan yang bebas untuk menghasilkan satu gaya berbahasa yang menarik dalam penulisan weblog mereka.

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa percampuran kod banyak wujud dalam mesej weblog belia di Malaysia. Ini memang merupakan suatu kebiasaan yang berlaku di masyarakat multilingual di mana golongan belia di Malaysia sentiasa berinteraksi dengan menggunakan lebih daripada sejenis bahasa.

Data-data juga menunjukkan bahawa terdapatnya penggunaan singkatan dan akronim, bahasa kasar serta pengulangan perkataan yang sama dalam weblog yang dihasilkan oleh pemuda-pemudi kita. Sifat-sifat bahasa Cina dalam weblog belia memaparkan suatu fenomena linguistik yang sangat unik sekiranya dibandingkan dengan bahasa Cina standard.

Selain itu, daripada weblog yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa selain daripada tulisan Cina, ramai penulis weblog banyak menggunakan unsur-unsur tulisan yang bergrafik seperti emotikon, tulisan besar dan berwarna, tanda baca yang berlainan bentuk dan sebagainya dalam catatan diari mereka untuk melambangkan nada suara, gerak isyarat dan pelbagai unsur bunyi bagi komunikasi tanpa lisan demi menunjukkan perasaan mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa bentuk bahasa weblog sendiri adalah faktor penyebab kehadiran unsur grafologikal. Ciri-ciri bahasa Cina internet dalam weblog belia ini adalah satu dapatan menarik dalam kajian ini.

BAB 5

MAKLUM BALAS RESPONDEN

5.1 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama, pengkaji menganalisis hasil soal selidik yang diberi kepada 100 orang responden untuk mengetahui pandangan mereka tentang ciri-ciri leksis yang wujud dalam weblog bahasa Cina hasilan belia di Malaysia.

Dalam bahagian kedua pula, pengkaji telah menganalisis maklum balas daripada 10 orang belia tempatan yang terlibat secara langsung dalam penggunaan weblog bahasa Cina tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan bahasa Cina dalam weblog dalam kalangan remaja sekarang. Dalam bab ini, pengkaji menganalisis maklum balas responden-responden tersebut dan membincangkannya dengan menggunakan kaedah kualitatif.

5.2 Sumber Mempelajari Bahasa Internet

Dunia internet merupakan pentas yang besar lagi luas, ia telah memberi peluang kepada sesiapa pun untuk meluahkan perasaan mereka menerusi tulisan mengikut kehendak seseorang tanpa batasan (Zhang, 2010: 45) Ini bermakna “pentas besar” ini telah memberi ruangan kepada peminat-peminat internet terutamanya golongan belia untuk memberikan pendapat mereka dengan cara murah dan mudah.

Hasil daripada temu ramah dengan kesemua belia yang ditemu ramah didapati kesemua bersetuju sumber yang paling utama bagi mereka mempelajari bahasa internet adalah menerusi internet mereka.

Dalam kajian bahasa internet bahasa Cina, “*Zhongguo Wangluo Yuyan Cidian*” hasil Yu Gen Yan pada tahun 2000 merupakan kamus yang pertama dalam kajian bahasa internet bahasa Cina di pasaran. Tambahan pula, kamus ini tidak mudah dijumpai di pasaran tempatan, dengan itu sumber utama bagi penulis weblog mempelajari bahasa internet bahasa Cina adalah menerusi internet.

Penulis weblog yang terdiri daripada golongan belia mudah terpengaruh oleh rakan sebaya. Golongan belia yang ingin tahu dan gemar mengejar sesuatu yang baru menyebabkan mereka mudah terpengaruh oleh penulis weblog terutamanya dari negara China (Tang, 2010:169). Item-item leksikal baru yang dicipta oleh penulis weblog dari negara China ini memberi pengaruh yang besar terhadap golongan belia tempatan dalam penulisan weblog bahasa Cina.

Selain itu, majalah-majalah tempatan seperti “*Yes 一族*”, “*少年周刊*” dan “*E-Pop*” turut memperkenalkan bahasa Cina internet kepada pembacanya. Atas minat dan keinginan golongan belia mengikuti rentak kemajuan zaman, golongan belia ini amat tertarik oleh penciptaan item-item leksikal baru ini dalam bahasa Cina internet.

5.3 Pandangan responden soal selidik terhadap pandangan penggunaan bahasa Cina terhadap fenomena linguistik yang wujud dalam weblog di Malaysia.

Dalam proses mengkaji faktor-faktor perubahan bahasa Cina dalam weblog dalam kalangan belia sekarang, semua responden adalah terlibat secara langsung sama ada sebagai penulis weblog ataupun pembaca weblog.

5.3.1 Analisis demografi responden

Soalan	Pilihan	Peratusan%
1. Jantina	Lelaki	49
	Perempuan	51
2. Umur	14 – 17 Tahun	54
	18 – 21 Tahun	34
	22 – 25 Tahun	9
	26 – 30 Tahun	3
3. Status	Pelajar Sek Men	54
	Pelajar Kolej / Universiti	39
	Bekerja	5
	Tidak berkenaan	2
4. Sekolah Rendah	Sekolah Rendah Cina	100
	Bukan sekolah rendah Cina	0
5. Bahasa Pertuturan di rumah	Bahasa Cina	82
	Bahasa Melayu	0
	Bahasa Inggeris	18
	Dialek	0
	Lain-lain	0

Daripada dapatan soal selidik, pengkaji mendapati bahawa 54 orang (54%) responden berumur dalam lingkungan 14 - 17 tahun , 34 (34%) orang responden berumur di lingkungan 18 – 21 tahun, 9 (9%) orang responden berumur di lingkungan 22 dan 25 tahun, dan 3 (3%) orang responden berumur dalam lingkungan 26 dan 30 tahun. Antara 100 orang responden ini, 51(51%) orang perempuan manakala 49 (49%) orang adalah lelaki.

Kesemua 100 orang responden tersebut memulakan persekolahan mereka di sekolah rendah jenis kebangsaan (SJKC) di Malaysia. Ini bermakna, mereka telah mula mempelajari bahasa Cina sejak bangku sekolah lagi dan dapat menguasai bahasa Cina dengan baik. 82 (82%) orang responden menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pertuturan di rumah mereka, manakala 18 (18%) orang responden menggunakan dua jenis bahasa, iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan semasa mereka berada di rumah.

5.3.2 Analisis pengetahuan responden tentang weblog bahasa Cina

Soalan	Pilihan	Peratusan %
1. Tahap kemahiran komputer anda	Mahir	0
	Sederhana	86
	Kurang mahir	14
2. Kekerapan melayari internet	Beberapa kali sehari	66
	Sekali sehari	22
	3 – 5 kali seminggu	10
	Sekali seminggu	2
	Tidak pernah	0
3. Apakah perhubungan anda dengan weblog?	Penulis	38
	Pembaca	54
	Tiada kaitan	0
4. Apakah bidang weblog yang anda baca atau menulis?	Persendirian	82
	Perniagaan	1
	Perlancongan	8
	Perkhidmatan	7
	Lain-lain	2
5. Jika weblog anda persendirian, apa jenis weblog anda?	Facebook	48
	MSN Messenger	21
	Yahoo Messenger	23
	Lain-lain	8
6. Kekerapan anda menulis atau melayari weblog?	Beberapa kali sehari	76
	Sekali sehari	13
	3 – 5 kali seminggu	5
	Sekali seminggu	6
	Tidak pernah	0
7. Apakah bahasa yang anda sering gunakan dalam penulisan weblog anda?	Bahasa Cina	78
	Bahasa Melayu	2
	Bahasa Inggeri	20
	Lain-lain	0
8. Adakah anda menggunakan percampuran bahasa dalam penulisan weblog anda?	Ya	78
	Tidak	22
9. Pernahkah anda menggunakan emotikon atau simbol dalam penulisan weblog anda?	Ya	82
	Tidak	12
10. Kekerapan anda menggunakan emotikon atau simbol dalam penulisan weblog anda.	Setiap kali	21
	Sekali sekala	79
	Tidak pernah	0
11. Pernah anda menggunakan bahasa internet bahasa Cina seperti akronim, angka-angka, leksikal baru?	Ya	62
	Tidak	38
12. Kekerapan anda menggunakan bahasa internet bahasa Cina dalam weblog	Setiap kali	81
	Sekali sekala	19
	Tidak Pernah	0

anda?		
13. Dari mana anda belajar bahasa internet?	Laman Web	58
	Kawan	33
	Buku / majalah	7
	Lain-lain	2

Dalam aspek pengetahuan mengenai penggunaan komputer, pengkaji mendapati bahawa 86 (86%) orang responden yang memaklumkan bahawa mereka sederhana mahir tentang penggunaan komputer manakala 14 (14%) orang responden mengatakan bahawa mereka kurang mahir tentang penggunaan komputer. Dalam analisis kekerapan melayari internet, pengkaji mendapati 66 orang (66%) responden melayari internet beberapa kali dalam sehari, 22 (22%) orang responden melayari internet sekali sehari dan 10 (10%) orang responden hanya tiga hingga lima kali dalam seminggu melayari internet manakala dua (2%) orang responden hanya melayari internet sekali dalam seminggu.

Dalam kajian penglibatan dalam weblog dalam kalangan responden-responden, terdapat 38 (38%) orang responden mempunyai weblog tersendiri, 54 (54%) orang hanya berperanan sebagai pembaca weblog.

Pengkaji mendapati bahawa seramai 82% responden pernah menggunakan emotikon atau simbol dalam penulisan weblog mereka. 21% responden menggunakan setiap kali, manakala 79% menggunakan sekali sekala dalam penulisan weblog mereka. Seramai 62% responden pernah menggunakan bahasa internet bahasa Cina seperti akronim, angka-angka atau leksikal baru dalam penulisan weblog mereka. Dalam kalangan penulis weblog yang menggunakan bahasa internet, 81% responden hanya menggunakan bahasa internet sekali-sekala, manakala 19% responden menggunakan setiap kali.

Pengkaji mendapati bahawa 58% dari responden mempelajari bahasa internet menerusi kawan-kawan mereka. Hanya 33% responden mengatakan bahawa mereka mempelajarinya melalui laman web dan 7% pula dari buku atau majalah.

5.3.3 Analisis pandangan responden terhadap penggunaan bahasa Cina dalam weblog

Dari maklum balas responden, seramai 72% responden bersetuju dengan penggunaan bahasa internet dalam weblog bahasa Cina, manakala 28 % tidak bersetuju dengan penggunaannya. Tentang kajian faktor-faktor golongan belia menggunakan bahasa internet dalam weblog mereka, seramai 48% mengatakan ia senang dan mudah ditulis, 28% responden pula mengatakan bahawa ia menjimatkan masa dan wang, 18% responden bersetuju bahawa faktor moden dan kreatif menjadi tarikan golongan belia menggunakan bahasa internet, manakala 8% pula berpendapat bahawa penggunaan bahasa Cina internet dapat menarik perhatian orang lain.

Seramai 72% responden berpendapat bahawa penggunaan emotikon, simbol dan tanda baca dalam weblog bahasa Cina lebih kreatif dan menarik , 12% responden pula berpendapat ia mudah digunakan, manakala 9% responden pula berpendapat bahawa ia tidak perlu dan 7% pula berpendapat ia tidak membawa apa-apa makna dalam weblog bahasa Cina.

Dalam kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Cina dalam weblog dalam kalangan belia sekarang, seramai 68% responden menyatakan bahawa pengaruh daripada kawan merupakan faktor terutama, 24% responden pula dipengaruhi oleh latar belakang dan 18% responden menyatakan bahawa pengaruh

bahasa ibunda memainkan peranan penting untuk mempengaruhi golongan belia menggunakan bahasa internet bahasa Cina.

Seramai 76% responden berpendapat bahawa penggunaan bahasa internet bahasa Cina akan mempengaruhi penggunaan bahasa Cina standard dalam kalangan belia di negara kita dan 24% pula tidak bersetuju dengan pendapat di atas. 48% responden berpendapat ahli-ahli linguistik perlu menjalankan penyelidikan terhadap bidang ini, 26% responden pula berpendapat bahawa bahasa internet perlu diperkembangkan dan 18% pula berpendapat ia haruslah diharamkan serta merta. 8% responden pula berpendapat ia tidak perlu diberi perhatian.

5.4 Analisis maklum balas daripada responden temu ramah

Untuk mengkaji faktor-faktor penggunaan ciri-ciri linguistik dalam weblog bahasa Cina dalam kalangan belia di Malaysia, pengkaji telah menggunakan kaedah temu ramah dengan 10 orang responden. Kesemua 10 responden yang dipilih merupakan penulis weblog bahasa Cina dalam golongan belia yang terdiri daripada umur 15 hingga 25 tahun. Responden-responden ini telah memberikan sambutan yang baik dan perjalanan temu bual dijalankan dengan lancar. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan faktor-faktor penggunaan bahasa internet dalam weblog bahasa Cina di Malaysia yang diberi oleh responden.

5.4.1 Faktor-faktor wujud bahasa Internet dalam weblog bahasa Cina dalam kalangan belia di Malaysia

Dalam internet, interaksi antara pengguna-pengguna weblog adalah dalam dunia maya sahaja, di mana penulis weblog tidak berhubung secara bersemuka, mereka hanya dapat berinteraksi menerusi tulisan secara atas talian sahaja. Keadaan ini seolah-olah

memberi peluang kepada penulis weblog untuk mengutarakan pendapat mereka tanpa menghiraukan batasan-batasan yang wujud dalam budaya dan amalan hidup kita. Mereka tidak perlu bimbang akan kesalahan tatabahasa ataupun tanda baca serta hukum-hukum bahasa.

Semua penulis weblog yang ditemui ramah bersetuju apabila interaksi secara tidak bersemuka, mereka tidak perlu bimbang berasa malu terutamanya menggunakan bahasa kasar, emotikon ataupun dialek yang mungkin boleh menyinggungkan perasaan pihak lain.

Maklum balas responden menyatakan bahawa dalam dunia internet, penulis weblog bebas untuk menyimpan rahsia peribadinya sendiri. Oleh yang demikian, kebanyakan responden menggunakan nama palsu untuk membina weblog mereka. Dengan itu, tiada sesiapa pun yang akan mengenali identiti penulis weblog yang sebenar. Kelebihan menyimpan rahsia peribadi ini telah memberi ruang yang luas kepada penulis weblog menghasilkan gaya bahasa internet yang unik dan kreatif.

Dalam dunia internet, setiap orang mempunyai status yang sama dalam penyampaian idea-idea mereka tanpa mengambil kira kedudukan seseorang dalam masyarakat. Justeru ramai responden mengatakan bahawa mereka menulis weblog dalam sistem tulisan sendiri kerana tidak khuatir bahasa tersebut menyeleweng daripada hukum tatabahasa bahasa standard atau tidak diterima oleh guru di sekolah.

Satu faktor yang dipersetujui oleh kesemua penulis weblog yang telah ditemui ramah adalah menggunakan kemudahan “*keyboard*”. Pada abad ke-21 ini, manusia sekarang sibuk dengan tugas masing-masing, oleh itu, mereka lebih gemar sesuatu

tugas dapat disempurnakan dalam masa yang singkat. Dengan itu, kemudahan “*keyboard*” membantu manusia untuk menghasilkan bahasa dengan menekan “butang”. Cara ini lebih mudah dan pantas.

Dalam dunia internet, pengkaji mendapati bahawa banyak simbol, emotikon dan tanda-tanda baca yang tidak standard merupakan suatu hasil daripada kemudahan papan kunci. Apabila seseorang penulis weblog tidak dapat mencari perkataan yang sesuai untuk meluahkan perasaannya, di situlah terciptanya perkataan-perkataan yang dapat menggambarkan perasaannya dengan menggunakan simbol-simbol yang mudah diperolehi dengan hanya menekan papan kunci sahaja.

Dalam dunia siber kini, responden-responden mengaku bahawa mereka sanggup menerima kesilapan penggunaan bahasa dalam weblog seperti salah ejaan, tanda baca yang berulang, akronim dan sebagainya asalkan pembaca weblog dapat memahami makna yang hendak disampaikan oleh mereka. Oleh itu, sering kita menjumpai perkataan-perkataan yang salah dieja ataupun bahasa yang tersimpang dari segi hukum tatabahasa dalam weblog mereka.

5.4.2 Faktor-faktor percampuran kod dan pengalihan kod wujud

Sebagai seorang guru bahasa sekolah menengah yang lebih daripada 20 tahun, pengkaji mendapati bahawa golongan belia tempatan kebanyakannya dapat menguasai tiga bahasa yang baik iaitu bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Mereka telah mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa ibunda mereka. Selepas memasuki ke sekolah, mereka perlu mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dengan itu, penguasaan tiga bahasa dengan baik menyebabkan mereka sering menggunakan percampuran kod dalam bahasa percakapan mereka dan juga bahasa internet mereka.

Latar belakang ini turut memberi kelebihan mereka untuk mencampurkan bahasa semasa mereka menghadapi masalah untuk menulis sesuatu perkataan dalam bahasa Cina ataupun mereka berasa perkataan dalam percampuran kod itu lebih sesuai untuk menyampaikan perasaan mereka dengan tepat.

Kesemua responden berpendapat bahawa percampuran kod dan pengalihan kod dalam weblog akan menjimatkan tenaga dan masa terutamanya apabila menulis nama-nama tempat, orang ataupun bangunan. Mereka lebih gemar menggunakan nama tersebut dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris. Umpamanya, *Kuala Lumpur* (吉隆坡), *Subang Jaya* (梳邦再也) , *Sunway Piramid* (三威金字塔) dan *Tommy* (多米) , nama-nama ini lebih mudah ditaip sekiranya dibandingkan dengan menggunakan bahasa Cina. Di samping itu, nama-nama tempat ataupun orang disebut dalam bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris lebih tepat. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh bahasa Cina hanya menggunakan bahasa penjemahaan nama tempat sahaja.

Percampuran kod dalam weblog dapat merapatkan jurang antara seorang penulis weblog dengan penulis weblog yang lain. Bagi golongan belia, mereka sering menggunakan perkataan seperti “*cab*, *party*, *shopping*, *assigment*” dalam pertuturan mereka. Dengan itu, lima orang responden mendapati bahawa penggunaan perkataan bahasa Inggeris tersebut dapat membuktikan bahawa penulis weblog dengan pembaca merupakan golongan yang mempunyai usia yang sama dan dapat bergaul dengan lebih rapat.

Menurut enam orang responden, penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu lebih mudah menunjukkan makna sebenar sesuatu perkataan dengan tepat. Misalnya, nama-nama tempat seperti Hulu Langat (乌鲁冷岳) , MBO Cinema (MBO 戏院) , Subang Jaya (梳邦再也) . Nama-nama peralatan berkaitan dengan teknologi sering dipaparkan dengan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu oleh penulis weblog belia dalam weblog mereka, seperti “*broadband*” (宽频) , “*Laptop*” (手提电脑) dan “*download*” (下载) . Penggunaan nama-nama ini dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu lebih mudah menunjukkan erti sebenar dan mudah difahami oleh pembaca-pembaca weblog.

Menurut enam orang responden, faktor ekonomi juga menyebabkan percampuran kod berlaku, di mana penulis weblog suka menggunakan perkataan yang lebih mudah. Sebagai contoh, penulis weblog bahasa Cina suka menyerapkan kosa kata bahasa Inggeris bagi menggantikan kosa kata dalam bahasa Cina yang terdiri dari banyak perkataan berbanding dengan kosa kata dalam bahasa Inggeris yang lebih mudah disebut dan ditulis. Misalnya, nama-nama ICT seperti “*facebook*”, “*SMS*”, dan “*upload*” sering digunakan oleh golongan belia di Malaysia.

Masalah sukar ditemui kata yang tepat untuk mengungkapkan apa-apa yang tersirat dalam fikiran selalu wujud. Oleh itu, untuk menyampaikan pengertian atau maksud yang padanannya tidak terdapat dalam bahasa Cina atau tidak diwakili oleh item leksikal yang sedia ada, pengguna weblog suka menggunakan kata, frasa atau ungkapan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

5.4.3 Faktor-faktor emotikon digunakan

Bahasa internet juga digelarkan sebagai “bahasa papan kunci” (*keyboard language*). Dalam bahasa pertuturan, seseorang penutur dapat menyuarakan perasaan mereka menerusi nada suara yang kuat dan lemah ataupun cepat dan perlahan, sebaliknya dalam bahasa internet, penulis weblog cuma boleh menyuarakan perasaan mereka menerusi papan kunci. Dengan itu, pelbagai simbol wujud mengikuti cita rasa seseorang pengguna internet dalam bahasa interent (Zhang, 2010: 167) .

Menurut enam orang responden, emotikon grafik atau emotion teks yang gemar digunakan oleh penulis weblog adalah berkaitan dengan perasaan gembira seperti gembira, senyuman, ketawa (-D, ^ - ^, =.=, ^ ^). Penulis weblog menggunakan emotikon untuk menunjukkan perasaan mereka dengan jelas supaya pembaca-pembacanya dapat memahami perasaan mereka. Dengan itu, penggunaan emotikon dapat mengatasi masalah bahasa internet yang tidak dapat membawa perasaan penutur seperti dalam bahasa pertuturan.

Penulis weblog suka menggunakan emotikon dalam weblog mereka kerana ia sangat mudah. Emotikon-emotikon grafik telah dipaparkan di sudut tepi dalam paparan weblog, dengan itu, penulis weblog cuma perlu menekan emotikon grafik yang ingin dipaparkan dengan mudah. Begitu juga dalam penggunaan emotikon teks, semua simbol-simbol yang hendak digunakan juga terdapat dalam papan kunci. Dengan itu, penggunaan emotikon dapat dipaparkan dengan mudah dan cepat.

Menurut responden lagi, penggunaan emotikon grafik ataupun teks juga dapat membuktikan seseorang penulis weblog dapat mengikut rentak kemajuan internet. Oleh itu, pelbagai bentuk emotikon yang baru dibawa masuk oleh penulis weblog

menerusi halaman *website* yang lain terutamanya dari luar negara. Justeru, penggunaan emotikon juga melambangkan seseorang penulis weblog tersebut tidak ketinggalan untuk mengikuti rentak kemajuan teknologi dalam perkembangan internet.

5.4.4 Faktor-faktor singkatan dan akronim digunakan

Dalam data-data yang terkumpul, didapati bahawa kebanyakan singkatan dan akronim yang dikumpulkan adalah perkataan-perkataan mengenai pendekatan teknologi informasi, nama-nama tempat dan nama-nama khas yang sering digunakan oleh orang-orang tempatan.

Kesemua responden bersetuju bahawa penggunaan singkatan dan akronim telah menjadi kebiasaan sering berlaku pada nama-nama khas seperti KFC (*Kentucky Fried Chicken*), PMR (Penilaian Menengah Rendah), PD (*Port Dickson*), MPSJ (Majlis Perbandaran Subang Jaya) dan lain-lain lagi. Penggunaan singkatan atau akronim ini kerap ditemui dalam weblog tempatan adalah kerana kebiasaan pengguna-pengguna bahasa tempatan menggunakan singkatan atau akronim setiap hari tanpa disedari.

Begitu juga dengan akronim mengenai nama-nama teknologi informasi (ICT) seperti SMS, MSN, LCD, PS2, LED telah menjadi suatu yang biasa, malah pengguna sendiri tidak memahami nama penuh bagi akronim tersebut sekiranya akronim tersebut tidak digunakan. Responden-responden bersetuju bahawa penggunaan akronim ini lebih mudah dan menjimatkan masa. Di samping itu, penggunaan akronim tersebut lebih mudah difahami oleh pembaca kerana akronim-akronim tersebut telah menjadi suatu kebiasaan bagi penduduk-penduduk Malaysia.

Menurut tiga orang responden, nama-nama akronim seperti SMS, MSN dan PS2 merupakan kata-kata disebut oleh orang muda masa kini. Penggunaan akronim nama-nama ini dapat merapatkan perhubungan penulis weblog dengan pembaca-pembaca weblog.

5.4.5 Faktor-faktor tanda baca berlainan digunakan

Dalam interaksi menerusi internet, penggunaan tanda baca lebih kerap wujud jika dibandingkan dengan bahasa pertuturan mahupun dalam tulisan. Interaksi internet tidak seperti bahasa pertuturan boleh menunjukkan perasaan dan semangatnya menerusi nada suara, pergerakan tangan mahupun pergerakan badan. Keadaan ini tidak dapat digunakan dalam interaksi menerusi internet. Oleh itu, penggunaan tanda baca telah menjadi suatu cara yang digunakan oleh penulis weblog untuk menyampaikan perasaannya menerusi tanda-tanda baca.

Menurut 80% responden, penulis weblog gemar menggunakan tanda baca yang berlainan seperti “??”, “???” , “!!!!!!” bertujuan untuk menunjukkan perasaannya. Contohnya, penggunaan tanda tanya berbentuk “???” iaitu tanda tanya sebanyak tiga kali bertujuan untuk menunjukkan betapa tinggi keinginan penulis weblog untuk mengetahui jawapan daripada rakannya. Begitu juga penggunaan tanda seruan yang panjang “!!!!!!” membawa makna penulis weblog menunjukkan perasaan hairan terhadap sesuatu perkara yang berlaku.

Menurut responden lagi, penggunaan tanda tanya dan tanya seruan yang panjang “?????????????” dan “!!!!!!!!!!” berlaku kerana penulis weblog ingin menunjukkan keinginan mengetahui jawapan dan juga perasaan hairan lebih daripada kebiasaan berbanding dengan penggunaan tanda “? ” dan “! ” . Bilangan tanda tanya atau

tanda seruan tidak ada suatu ketetapan, ia digunakan hanya mengikut suka hati seseorang penulis weblog. Keadaan ini berlaku kerana bilangan tanda baca tersebut hanya tergantung kepada kekerapan penulis weblog menekan butang pada papan kunci.

5.4.6 Faktor-faktor elipsis digunakan

Dalam penulisan weblog, kemudahan papan kunci telah digunakan sebaik-baiknya oleh seseorang penulis weblog. Menurut 60% responden, apabila seseorang penulis weblog menghadapi masalah kekurangan isi kandungan untuk meneruskan penulisan weblognya, kebiasaan mereka akan menggunakan tanda elipsis dengan hanya menekankan kunci “tanda noktah” seberapa kali yang mereka suka. Dengan itu, penggunaan elipsis dalam penulisan weblog dalam internet sering dijumpai.

Menurut 80% responden, perbezaan tanda elipsis “.....” dengan “.....” cuma beza dari segi penggunaan sistem bahasa. Dalam penggunaan bahasa Cina dengan sistem Pinyin, tanda noktah yang digunakan adalah “.....” manakala dalam penulisan bahasa Melayu atau Inggeris, penggunaan noktah adalah berbentuk “.....”.

Responden-responden telah memberi berpendapat bahawa penggunaan elipsis adalah dalam dua situasi. Pertama, apabila seseorang penulis weblog tiada idea ataupun tidak berminat untuk meneruskan penulisan weblognya. Situasi kedua pula merupakan penulis weblog tersebut mempunyai terlalu banyak idea atau pendapat yang hendak disampaikan, akan tetapi beliau tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk meneruskan penulisan weblognya. Penggunaan elipsis adalah cara yang paling baik untuk mengakhiri penulisan weblognya.

5.4.7 Faktor-faktor pengulangan digunakan

Penggunaan ulangan menjadi sesuatu yang mudah dalam bahasa Internet. Ini disebabkan seseorang penulis weblog cuma perlu menekankan kunci yang sama pada papan kunci beberapa kali, kaedah ulangan akan berlaku. Contoh pengulangan ini seperti yang terdapat dalam Data 26, di mana penulis weblog mengulangi perkataan “啊(ah)” kata seruan ini sebanyak 539 kali.

Menurut 80% responden, kaedah pengulangan digunakan oleh penulis weblog bertujuan untuk menarik perhatian para pembaca. Dalam Data 11, penulis weblog bukan sahaja mengulangi ayat “我要 8A(Saya mahu 8A)”, malah pelbagai warna telah digunakan bertujuan untuk menarik perhatian para pembaca.

Selain itu, 50% responden pula berpendapat bahawa kaedah pengulangan ini juga sejenis cara untuk meluahkan perasaannya. Pada zaman moden ini, tekanan daripada pekerjaan, pelajaran mahupun keluarga menyebabkan manusia sekarang dikelilingi oleh tekanan. Hasil daripada Data 7, menunjukkan bahawa penulis weblog menggunakan kata seruan “啊(ah)” sebanyak 539 kali bukan sahaja ingin menarik perhatian pembaca, malahan mengeluarkan perasaannya yang begitu memerlukan bantuan daripada rakan-rakannya.

20% responden berpendapat bahawa pengulangan digunakan bertujuan untuk menumpukan isi-isi penting supaya para pembaca faham isi kandungan penulisan penulis weblog dan juga bertujuan untuk meninggikan nada suara supaya pembaca-pembaca dapat memberi perhatian terhadap penulisannya.

5.4.8 Faktor-faktor tulisan Cina yang berlainan saiz dan warna digunakan

Responden-responden bersetuju bahawa dalam penulisan bahasa Cina tidak mempunyai huruf besar seperti bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris yang menggunakan huruf rumi. Dengan itu, penggunaan tulisan saiz yang besar merupakan salah satu cara yang baik untuk menggantikan kelemahan tersebut.

100% responden bersetuju bahawa penggunaan tulisan saiz yang besar dan berwarna memainkan peranan untuk menyampaikan perasaan mereka yang gembira atau marah supaya dapat menarik perhatian pembaca weblog mereka. Selain itu, perkataan yang berwarna-warni juga merupakan suatu kesenian kegemaran generasi muda zaman ini. Penggunaan perkataan-perkataan yang berwarna-warni ini juga menjadi satu cara yang digunakan oleh generasi muda ini untuk menunjukkan kreativiti mereka.

Responden-responden mempunyai pendapat yang sama dengan penggunaan saiz tulisan yang besar biasa berlaku pada kata nama, kata kerja atau kata adjektif yang seseorang penulis weblog ingin memberi penekanan. Kebiasaan seseorang penulis weblog tidak membesar saiz huruf keseluruhan ayat bahkan hanya beberapa perkataan yang beliau diingini supaya ia dapat menarik perhatian pembaca weblog tentang mesej yang ingin disampaikan.

5.5 Kesimpulan

Setelah mengkaji maklum balas daripada responden-responden, pengkaji mendapati bahawa pengaruh daripada rakan-rakan menjadikan faktor yang utama dalam

penggunaan bahasa Cina internet di Malaysia. Generasi muda sekarang berharap dapat pengiktirafan daripada rakan-rakan dan menunjukkan kewibawaan diri dalam dunia internet. Keadaan ini menyebabkan penulis weblog banyak menggunakan bahasa Cina internet supaya weblog yang diciptanya mendapat sambutan yang hangat dari penulis weblog yang lain.

Selain itu, daripada maklum balas responden, pengkaji jelas memperlihatkan faktor penjimatan masa dan kemudahan papan kunci juga merupakan faktor-faktor penting dalam kewujudan bahasa Cina internet yang bersifat grafik. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan tanda baca yang luar biasa, pelbagai jenis bentuk emotikon dan tulisan yang berlainan saiz dan warna yang wujud dalam weblog belia telah menjadi satu tarikan yang amat istimewa.

Tambahan pula, faktor kerahsiaan dan kebebasan dalam dunia maya telah memberi kelonggaran yang besar kepada penulis weblog menulis apa yang mereka suka tanpa dikawal oleh mana-mana pihak. Kebebasan dalam dunia siber ini memberi peluang yang cukup besar untuk golongan belia di Malaysia menyampaikan idea mereka dan memaparkan gaya bahasa yang amat kreatif jika dibandingkan dengan zaman dulu.

Secara kesimpulannya, berdasarkan maklum balas yang diberi oleh golongan belia yang melibatkan diri dalam penulisan weblog, satu hakikat yang perlu diterima adalah bahawa bahasa yang digunakan dalam dunia siber perlulah berubah. Golongan belia bersetuju bahawa komunikasi dalam dunia maya adalah berlainan dengan dunia realiti. Oleh itu, bahasa yang digunakan dalam penulisan weblog mesti bersesuaian

dengan kemudahan dan bahan perisian komputer supaya tulisan weblog dapat memanifestasikan bahantara kekunci-monitor demi melicinkan komunikasi weblog.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pendahuluan

Taraf pendidikan rakyat Malaysia yang semakin meningkat telah menjadi satu faktor yang menyebabkan generasi muda lebih kreatif mencipta bahasa Cina internet dalam dunia maya ini. Rakyat yang berpendidikan tinggi secara tidak langsung mempunyai kemahiran penulisan yang lebih baik, faktor ini telah memberi keistimewaan untuk mereka untuk menghasilkan bahasa internet. Keadaan ini telah memberikan satu kelebihan malah boleh dikatakan satu kebebasan untuk perkembangan bahasa internet (Awang Sariyan, 2000).

Bilangan remaja yang melibatkan diri dalam dunia maya internet semakin meningkat, ini telah mewujudkan suatu revolusi yang besar dalam dunia bahasa terutamanya bahasa Cina. Perkembangan bahasa Cina internet semakin pesat di negara China juga merupakan satu faktor yang menyebabkan generasi muda terikut-ikut budaya dalam penggunaan bahasa Cina internet (Liu, 2002:7).

6.2 Kesimpulan bagi dapatan kajian

Perkembangan penggunaan internet yang semakin cepat telah menyebabkan bahasa internet semakin mendapat perhatian daripada para pengkaji linguistik, terutamanya penghasilan item-item leksikal yang baru oleh belia yang suka menerokai sesuatu yang baru (Zhang, 2010 :10).

Dalam disertasi ini, pengkaji telah menganalisiskan data secara kuantitatif dan kualitatif berdasarkan enam aspek seperti di bawah:-

1. Percampuran kod
2. Pengalihan kod
3. Akronim
4. Bahasa kasar
5. Pengulangan
6. Grafologikal
 - 6.1 Emotikon
 - 6.2 Tanda baca
 - 6.3 Saiz tulisan dan warna

a) Percampuran kod

Pengkaji mendapati bahawa antara percampuran kod bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa asing yang digunakan. Bahasa yang paling jelas dijumpai merupakan bahasa Inggeris. Sebanyak 35 data daripada 40 data yang dikumpul terdapatnya percampuran bahasa Inggeris. Antara data-data yang dikumpul, kata nama (73.4%) bahasa Inggeris merupakan perkataan yang paling banyak dicampurkan oleh penulis weblog belia di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa golongan belia suka menggunakan nama orang, nama tempat dan jenama produk dalam bahasa Inggeris. Misalya, kata-kata nama seperti “uncle”, “aunty”, “shopping central”, “toilet”, “TV”, “Air Con” dan “Sony” sering disebut-sebut oleh golongan belia mahupun penduduk di negara kita.

Selain daripada percampuran bahasa Inggeris, pengkaji mendapati bahawa 48% daripada data yang terkumpul mempunyai fenomena percampuran bahasa Melayu. Antara kata-kata bahasa Melayu yang dicampurkan, 96% dikategorikan dalam kata nama. Ini membuktikan bahawa penulis-penulis weblog masih biasa menggunakan

nama tempat seperti “Serdang”, “Hulu Langat” dan nama-nama tempat biasa yang dikunjungi seperti “pasar malam” dan makanan tempatan seperti “laksa”, “karipap” dalam weblog bahasa Cina.

b) Pengalihan kod

Sekiranya dibandingkan dengan percampuran kod, pengkaji mendapati bahawa antara 40 data yang dikumpulkan hanya Data 11 menunjukkan pengalihan bahasa Inggeris dan Data 37 menunjukkan pengalihan bahasa Melayu. Penggunaan pengalihan kod kurang sekiranya dibandingkan dengan penggunaan percampuran kod dalam weblog bahasa Cina adalah kerana latar belakang akademik dan kemahiran berbahasa Inggeris atau berbahasa Melayu agak lemah dalam kalangan belia di Malaysia terutamanya mereka yang berasal dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina (SJK (C)).

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati sintaksis pengalihan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris lebih kepada ayat-ayat yang sering didengar dan ditutur oleh masyarakat tempatan seperti “Cikgu cakap apa?”, “tak tau lah...mana saya tau!” dan “*No more boring days*”. Penggunaan ungkapan-ungkapan pengalihan kod ini telah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat multibahasa seperti di Malaysia.

c) Akronim

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa penulis-penulis weblog generasi muda ini tidak suka menggunakan item leksikal bahasa Cina yang bermorfem panjang dan lebih kompleks. Dalam data-data yang terkumpul, pengkaji dapat mengumpul sebanyak 116 akronim daripada 40 data yang terkumpul.

Antara 116 akronim tersebut, sebanyak 82 (70.6%) merupakan akronim bahasa Inggeris, manakala 21(18.2%) akronim bahasa Melayu dan 13(11.2%) akronim bahasa Cina. Daripada statistik di atas menunjukkan, walaupun weblog dituliskan dalam bahasa Cina, tetapi daripada data-data yang dikumpulkan, didapati bahawa hampir 90% singkatan atau akronim yang digunakan adalah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

Pengkaji juga juga mendapati bahawa penulis weblog muda kita gemar menggunakan singkatan yang berkaitan dengan ICT. Sebanyak 32 atau 35.2% menggunakan singkatan yang berkaitan dengan ICT digunakan. Antara singkatan yang paling kerap digunakan adalah “*SMS*”, “*broadband*” dan “*laptop*”.

d) Penggunaan bahasa kasar

Bahasa-bahasa kasar yang dikumpul dalam data-data kajian, pengkaji mendapati penulis weblog muda gemar menggunakan bahasa verbal yang kasar seperti “*ta ma de* (他妈的)”, dan gelaran mencaci orang seperti “*sa po* (傻婆 perempuan bodoh)”, “*sa lao* (傻佬 lelaki bodoh)” dalam paparan diari peribadi mereka.

Penggunaan bahasa kasar ini bertujuan untuk meluahkan perasaan mereka yang benci dan marah. Dengan itu, pengkaji berharap generasi muda kini perlu menjaga tingkah laku dan sikap mereka untuk memelihara masyarakat Timur yang mementingkan budi bahasa dan pekerti.

e) Pengulangan

Daripada data-data yang terkumpul, sebanyak 47.5% data yang menggunakan pengulangan bahasa atau perkataan. Pengkaji dapat memahami bahawa penulis

weblog muda ini menggunakan pengulangan perkataan ini bertujuan untuk menarik perhatian orang ramai untuk memahami perasaan mereka.

Daripada data yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa dalam pengulangan weblog bahasa Cina terdapat pengulangan perkataan dan juga pengulangan ayat. Dalam Data 26, pengkaji terperanjat kerana penulis weblog telah mengulangi kata seruan “啊 (ah)” sebanyak 539 kali semata-mata hendak menarik perhatian rakan-rakannya. Manakala Data 11 pula, pengkaji telah mendapati pengulangan ayat “我要 8A” dan “我想...” bertujuan untuk menegaskan keinginan penulis bercita-cita tinggi untuk mendapat 8A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

f) Grafologikal

i. Emotikon

Penggunaan emotikon dan pelbagai simbol menjadikan bahasa internet begitu kreatif dan menarik. Sebanyak 36 data daripada 40 data yang memaparkan penggunaan emotikon dalam penulisan weblog golongan belia di negara kita. Antara emotikon yang digunakan, penggunaan emotikon teks (87.2%) adalah lebih daripada penggunaan emotikon grafik atau simbol (12.8%).

Dalam 245 emotikon teks yang telah dikumpul, sebanyak 65 (26.5%) emotikon “^ ^” yang membawa maksud “senyum” digunakan. Ia juga merupakan emotikon teks yang paling banyak digunakan dalam weblog belia di Malaysia. Manakala dalam analisis emotikon grafik pula, “ಠ_ಠ” yang membawa maksud “termenung” wujud sebanyak lapan kali daripada 36 simbol yang dijumpai. Selain itu, penulis weblog juga gemar menciptakan simbol-simbol yang tersendiri yang membawa maksud tertentu, misalnya, “Zzzzz.”, “@#\$%&*(*&%\$@”.

ii. Tanda baca

Penggunaan tanda baca dalam penulisan weblog dalam kalangan belia di negara kita juga membawa maksud yang tertentu, terutamanya menggunakan bilangan tanda tanya yang banyak untuk menandakan nada suara yang kuat dan perasaannya.

Pengkaji mendapati bahawa 95% daripada data yang dikumpulkan menggunakan tanda elipsis, 70 % data menggunakan tanda seruan dan hanya 30% data yang menggunakan tanda tanya. Penggunaan elipsis yang sungguh ketara merupakan suatu ciri istimewa baru bagi bahasa internet. Yang lebih menarik perhatian pengkaji adalah, sesetengah penulis weblog yang berkreatif juga menggunakan simbol elipsis yang pelbagai jenis seperti “>>>>>” , “~ ~ ~ ~ ~ ~” .

iii. Tulisan Cina yang berlainan saiz dan warna

Daripada 40 data yang terkumpul, sebanyak 32 data atau 80%, penulis weblog menggunakan bahasa dengan saiz tulisan dan warna yang pelbagai. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan saiz tulisan dan warna yang berlainan merupakan suatu pembaharuan dalam penulisan di paparan weblog. Biasanya untuk menarik perhatian pembaca weblog atau menegas makna istimewa ayat-ayat tertentu, penulis weblog akan membesarkan saiz dan mewarnakan perkataan-perkataan tersebut dengan warna lain supaya ia kelihatan jelas dan berlainan daripada ayat-ayat lain yang biasanya berwarna hitam.

6.3 Kesimpulan pendapat belia tentang bahasa internet dalam weblog bahasa Cina di Malaysia

Demi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Cina dalam weblog internet dalam kalangan belia di Malaysia, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual untuk memperoleh maklum balas daripada kedua-dua kaedah ini.

Sebanyak 100 soal selidik telah diberi kepada pelajar-pelajar menengah atas di sekolah menengah, pelajar-pelajar kolej dan universiti serta belia-belia yang baru keluar bekerja. Selain itu, pengkaji telah bertemu bual dengan 10 orang belia yang terlibat secara langsung dalam penulisan weblog untuk mendapatkan maklum balas mengenai faktor-faktor yang menyebabkan perubahan bahasa Cina dalam penulisan weblog tempatan.

Rumusan, pengkaji menyifatkan dunia masa ini mengalami perubahan dengan kadar yang begitu cepat, maka penulis weblog tidak berminat lagi untuk menggunakan ayat-ayat atau perkataan-perkataan yang bermorfem panjang atau kompleks. Atas faktor-faktor ini, wujudnya bahasa Cina internet yang unik yang menggunakan emotikon, simbol dan akronim. Penggunaan papan kunci juga merupakan suatu kelebihan bahasa internet, di mana simbol-simbol dapat diselitkan masuk ke dalam penulisan weblog dengan mudah. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor masa dan kepantasan merupakan faktor kewujudan bahasa internet yang mempunyai pelbagai ciri keistimewaan.

Selain itu, percampuran kod, penggunaan akronim, emotikon dan pengulangan dan sebagainya merupakan satu ciri baru bagi bahasa internet. Penulis weblog

menciptakan gaya bahasa tersendiri dalam weblog peribadinya tanpa risau akan kesalahan tatabahasa. Ini adalah disebabkan kebanyakan pembaca weblog merupakan golongan belia yang menggunakan budaya bahasa yang sama. Dengan itu, penulis weblog tidak perlu risau tentang kesalahan-kesalahan dari segi tatabahasa, sebaliknya dapat berinteraksi dan memujuk pembaca weblog agar mengikut budaya bahasa yang unik dalam dunia maya mereka.

Bahasa internet tidak sama dengan bahasa verbal yang dapat mengeluhkan perasaan penulis menerusi percakapan, dengan itu, pelbagai unsur baru diselitkan dalam bahasa internet termasuklah saiz fon, warna, emotikon, tanda-tanda baca yang berulang-ulang serta bahasa ulangan. Penggunaan item-item leksikal baharu ini menjadi satu ciri-ciri baharu yang berbeza dengan bahasa standard yang kami gunakan.

6.4 Cadangan untuk penyelidikan lanjutan

Kajian bahasa internet merupakan suatu bidang yang sangat luas memandangkan perkembangan ruang siber yang begitu pesat pada dekad ini. Bermula dari kajian bahasa dalam “*email*” ke “bahasa dalam *chatting room*”, bahasa CMC telah mengalami perubahan yang besar.

Berikutan negara China yang semakin maju dan berkembang dalam arena politik dan juga ekonomi, kajian tentang bahasa Cina dalam ruang siber boleh dikembangkan lagi. Sekiranya penyelidik-penyalidik masa depan ingin meneruskan kajian tentang bahasa Cina dalam ruangan siber, pengkaji mencadangkan penyelidikan masa depan agar dapat mengkaji bahasa Cina internet dalam “*facebook*” ataupun “*twitter*”, memandangkan kedua-dua alat perhubungan ini telah pun menggantikan weblog menjadi pilihan utama golongan muda di seluruh dunia.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa kajian tentang perkembangan bahasa internet perlu diberi perhatian. Oleh itu, penyelidik-penyelidik boleh menjalankan kajian tentang sejauh manakah pengaruh ciri-ciri bahasa internet yang unik ini kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina standard di sekolah.

Kajian terhadap bahasa Cina dalam weblog golongan belia di negara kita telah memberikan banyak manfaat kepada pengkaji. Selain dapat mengkaji perkembangan penggunaan bahasa dan kegemaran penggunaan bahasa bagi golongan belia di negara kita, pengkaji amat tertarik tentang perkembangan bahasa internet yang semakin penting dalam dunia siber ini. Tidak hairan, suatu hari nanti ia mungkin akan menggantikan bahasa standard yang digunakan hari ini.

BIBLIOGRAFI

Kamus-kamus

- _____(1997) *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____(1998) *Xiandai Hanyu Da Cidian*. Kuala Lumpur: Penerbit Syarikat Shuju Sdn. Bhd.
- _____(2003) *Xinhua Xin Ciyu Cidian*. Beijing: Shangwu Yinshuguan.
- _____(2007) *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Li, Xingjian (2004) *Xiandai Hanyu Guifan Cidian*. Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- Yu, Genyuan (2001) *Zhongguo Wangluo Yuyan Cidian*. Beijing: Zhongguo Jingji Chubanshe.

Buku dan Jurnal Akademik

- Appel, R & Muysken, P (1987) *Language Context and Bilingualism*. USA: Edward Arnold.
- Asmah Hj.Omar (1991) *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, Azman Pawi (2008) *Memperkasakan Bahasa Melalui Blog*. Dlm Dewan Bahasa Mac 2008 (ms 16-18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azimah Sazalie dan Harshita Aini Haroon (2000) *Kewujudan Wacana Baru Chatline Bahasa Melayu: Kajian Awal dari Beberapa Perspektif Linguistik*, kertas kerja Persidangan Linguistik ASEAN I, Jabatan Linguistik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-16 November 2000.
- Bartell, Deborah (1995) *Discourse Features of Computer-Mediated Communication: 'Spoken-Like' and 'Written- Like'*. Anglicana Turkuensia, (pp 231-239)
- Blood, R. (2002) The Weblog Handbook. *Practical Advice on Creating and Maintaining Your Blog*. Cambridge MA: Perseus Publishing.
- Bokamba, E.G (1988) *Code-Mixing, Language Variation and Linguistic Theory*. Lingua, 76(1): 21-62.
- Bruthiaux, Paul (1994) *Sociolinguistic Perspectives on Register*. New York: Oxford University Press.
- Calvert, David A (2005) "Gender Identity, And Language Use In Teenage Blogs" dalam Children's Digital Media Center, Georgetown University.

- Chen, Qi (Ed) (2003). *Shiyong Wangluo Yongyu Shouce*. Shanghai: Shanghai Cishu Publishers.
- Chen, Qunxiu (2003). “*Wangluo Yuyan yu Zhongguo Xiandaihua*” dalam Yuwen Xiandaihua Luncong. Beijing: Yuwen Publishers.
- Collot, M. and Belmore N. (1996) *Electronic Language: A New Variety of English*. In S.C.Herring (Ed), *computer-mediated communication-linguistic, social and cross-cultural perspectives* (pp.13-28). Amsterdam: John Benjamins
- Crystal, D. (2001) *Language and the Internet*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2006). *Language and the Internet* (second edition). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Crystal, David (1992) *Introducing Linguistics*. England: Penguin English.
- Ferguson, Charles A.,(1982) “Simplified Registers and Linguistic Theory”. *Exceptional Language and Linguistics*. Lorraine K. Obler dan Lise Menn (eds.) 49-66. New York: Academic Press.
- Gumperz, J.J. dan Hernandez-Chavez, E. (1975) *Cognitive Aspects of Bilingual Communication*. New York: Macmillan.
- Gumperz, John J.(1982) *Discourse Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Halliday, M. A. K. (1971) Linguistic function and literary style: an inquiry into the language of William Golding's The Inheritors. In Chatman, S. (ed.), *Literary style: A symposium*. New York: Oxford University Press.
- Halliday, M.A.K. & Hassan, Ruqaiya (1976) Cohesion In English. English Language Series 9. London: Longman Publisher.
- Hale, C. (1996) *Wired Style: Principles of English Usage in the Digital Age*. San Francisco: HardWired.
- Indirawati Zaihid (2008) *Bahasa Blog – Kacau atau Unik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (pp 14-15)
- Jyh, Wee Sew (2008) *Bahasa Blog Menyatukan Netizen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (pp 6 -9)
- Liu, Haiyan (2002) *Wangluoyuyan*. Beijing: China Broadcasting Publishers.
- Lu, Mingchen dan Li, Weida (2008) *Wangluoyuyan Yanjiu*. Jilin: University of Jinlin.
- Lu, Yuwei (2004) *Yuyuan yu Wangluolu Shequn*. Taiwan: Universiti Zhong Zheng, Taipeh.

- Luo, Huayan (1989) *Jianming Hanyu Yufa*. Kuala Lumpur: Pustaka Yakin Pelajar.
- Marasigan, E (1983) *Code-switching and Code-mixing in Multilingual societies*. Singapore: Singapore University Press
- Marlow, C. (2004) *Audience, Structure and Authority in the Weblog Community*. Presented at the International Communication Association Conference, May, 2004, New Orleans, LA.
- Mohamad Sofee Razak (2008) *Inovasi Blog dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa (pp 24-25)
- Noriah, Mohamed (2006) *Penggunaan Bahasa Dalam Ruang Siber: Mode Lisan Dalam Bentuk Bertulis*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Poplack, Shana. (1988) "Contrasting patterns of Code-switching in Two Communities". *Code-Switching: Anthropological and Sociological Perspectives*. Monica Heller (ed), 215-244. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Romaine, S. (1994) *Language in Society: An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Oxford University
- Ryan, M. (ed) (1999) *Cyberspace Textuality, Computer Technology and Literary Theory*. Bloomington and Indianapolis: Indiana University Press.
- Salkind, Neil J. (1997) *Exploring Research*. New Jersey: Prentice Hall.
- Scott Hail.R (2006) *The Blog Ahead, How Citizen Generated Medias Tilting The Communications Balance*. New York: Morgan James
- Smith, Aaron (2008) *New Numbers For Blogging and Blog Readership* dlm halaman: Subramanyam, K., Greenfield, P. M., Kraut, R., & Gross, E. (2002). The impact of computer use on children's and adolescents' development. In S. L.Calvert, A. B.Jordan & R. R.Cocking (Eds.), Children in the digital age: Influences of electronic media on development (pp. 3–33). Westport , CT : Praeger.
- Sulaiman Ngah Razali (1996) *Analisis Data*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tang, Meiyin (2010) *Wangluo Yuyan Xintan*. Zheng Zhou: People of Henan Publishers
- Teo Kok Seong (2003). *Ragam Bahasa dalam Komunikasi Elektronik* dlm Pelita Bahasa Jun 2003. Kuala Lumpur.
- Valdés-Fallis, Gaudalupe (1978) *Language in Education: Theory & Practice, Code Switching and the Classroom Teacher*. USA : Center for Applied Linguistics
- Wang, Hong (2004) *Yingyu Wanghua Yuti Tezheng fenxi* . Hebei: University of Hebeishifan

Walther, J.B., Tidwell, L.C. (1994) *Nonverbal cues in computer-mediated communication, and the effect of chronemics on relational communication*. Paper presented at the Annual Meeting of the Speech Communication Association, New Orleans, LA.

Werry C.C. (1996) *Linguistic and Interactional Features of Internet Relay Chat*. In S.C.Herring (Ed), *Computer-mediated Communication-linguistic, Social and Cross-cultural Perspectives* (pp.29-46). Amsterdam: John Benjamins

Wilbur, S.P.(2000) “*An Archeology of Cyberspaces, Virtuality, Community, Identity*” di dalam Bell. D and Kennedy B.M.(eds). *The Cybercultures Reader*. London: Routledge.

Xin, Fang Dong dan Wang, Junxiu. (2003) *Bo Ke – e shi dai de dao huozhe*. Beijing: China Fang Zheng Publishers.

Xiong, Hong Li (2005). “*Congsige Shijiekan Wangluo Jiaojiyu*” dlm Yuyanxue Xinsichao. Beijing: China Science Social Publishers

Yates,S.J (1996) *Oral and Written Linguistic Aspects of Computer Conferencing: A Corpus Study*. In S.C.Herring (Ed), *Computer-mediated Communication-linguistic, Social and Cross-cultural Perspectives* (pp.29-46). Amsterdam: John Benjamins

Zhang, Yun Hui (2010) *Wangluo Yuyan Yufa yu Yuyong Yanjiu*. Liaoning: Xuelin Publisher.

Zhao, Lei (2011) *Gender Similarities and Differences in Language Use and Online Identity among Teenage Penulis weblogs*. Beijing: Central China Normal University.

Zhou, Qi (2004) “*Bo Ke Xin Xi Shidai de Maizhelun*” dlm Ji Suan Ji he Wangluo. Hunan: Universiti of Hunan.

Zhuo, Yanfen. (2005) *Wangluo YuyuanXianxiang de Shehui Yujing Fenxi*. Guangzhao: Universiti Waiyu Waimao Guangzhou.

Tesis, Disertasi dan Latihan Ilmiah

Chan, Saw Cheng (2006) *Features Of Instant Messaging Communication In English Among Young Malaysians*. Dissertation Faculty of Language and Linguistics University of Malaya

Lee, Wai Fong (2007) *Tinjauan Penggunaan Leksis, Angka-angka dan Emotikon dalam Forum Internet Pelajar Bahasa Cina*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.

Li Yanmei (2007) *A Stylistic Analysis of Personal Weblogs Relating to Daily Topics*. Thesis, Capital Normal University Beijing, China.

Li Weina (2009) *Stylistic Features of Chinese Internet Relay Chat (IRC)*, Thesis, Southwest Jiaotong University, Chengdu, China

Nilsson, S. (2003) *The Function of language to facilitate and maintain social networks in research weblogs*, Dissertation, Umea Universitet, Engelska lingvistik.

Nowson, S. (2006) *The Language of Weblogs: A study of genre and individual differences*. Unpublished Doctoral Thesis. University of Edinburgh.
Available:<http://www.era.lib.ed.ac.uk/bitstream/1842/1113/1/thesis.pdf>

Laman Web Internet:

Statistik Pengguna Internet Sedunia. (2006) [on line]
Available: <http://www.rahsiainternet.com/statistik/> 6-8-06

Statistik Pengguna Internet Sedunia (2009) dlm halaman web:
<http://rahsiainternet.com/statistik/>

Acronyms, Emoticons & Smilies page. (2002).
Available: <http://www.muller-godschalk.com/emoticon.html>

Awang Sariyan (2006) Memartabatkan Bahasa Melayu dlm laman web:
http://www.utusan.com.my/utusan/content.asp?y=2006&dt=0305&pub=Utusan_Malaysia

Awang Sariyan (2004) Bahasa Rojak dlm laman web:
<http://matskai.blogspot.com/2007/07/bahasa-rojak.html>

Barger, J. (1999). *Weblog resources FAQ*. Retrieved September, 1999 from
<http://www.robotwisdom.com/weblogs/>

Blog - Wikipedia, the free encyclopedia [on line] Available: en.wikipedia.org/wiki/Blog

Blogging in Malaysia ranks among highest in the world. (3 April 2008). The Star
<http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2008/4/3/nation/20827588&sec=nation>

Blood, R. (2000) *Weblogs: A history and perspective*. Rebecca's pocket. Retrieved December 7, 2000 from http://www.rebeccablood.net/essays/weblog_history.html

CNNIC (2004) "14th Statistical Survey Report on the Internet Development in China"
Available: <http://www.cnnic.cn/en/index/0O/02/index.htm>

CRI (2006). *Bahasa Mandarin Hadapi Cabaran Bahasa Internet*.
Available: <http://my.chinabroadcast.cn/181/2006/04/14/25@47597.htm>

Dasar Belia Negara, 1985.

Available:<http://209.85.175.104/search?q=cache:zWY6gR5-L5EJ:youngmalaysians.wordpress.com/category/youth/+dasar+pembangunan+belia&hl=zh-TW&ct=clnk&cd=1>

Diyanah, Anuar (2005) *Blog...luahan hati alam maya* dlm Ruangan Ikon Berita Harian, <http://penulisbestseller.wordpress.com/2005/10/19/blogluahan-hati-alam-maya/>

Erlina, Puja SR.A (2009) Modul Pembuatan Blog dan Pengelolaannya. Indonesia: Universiti Negeri Malang.

Available : <http://www.scribd.com/doc/38930389/Modul-Blog-Erlina-Pujiasri>

Herring, S.C (2004). Bridging the gap: “*A Genre Analysis of Weblogs*” dlm halaman Available: <http://www.csus.edu/indiv/s/stonerm/genreanalysisofweblogs.pdf>

Hizal Tazzif Hisham (2008) *Analisis: Kesan ICT tidak boleh dipandang ringan* dlm hlm:<http://74.125.153.132/search?q=cache:oJzDoAwMJ8AJ:sosiolinguistik.blogspot.com/2007/07/bahan-bacaan-4-komunikasi-bukan-lisan.html+apakah+itu+paralinguistik&cd=1&hl=ms&ct=clnk>

Huffaker, D., & Calvert S.L. (2005) *Gender, Identity and Language Use in Teenage Blogs*. Journal of Computer-Mediated Communication, 10(2).

Available:<http://jcmc.indiana.edu/vol10/iss2/huffaker.html>

<http://blognajib.blogspot.com/>

<http://www.sina.com.cn>. (2006)

<http://www.singlishdictionary.com>

<http://www.internetworldstats.com/stats.htm>

<http://www.people.com.cn, www.sina.com.cn>

<http://www.muller-godschalk.com/emoticon.html>

<http://ipkc.xmu.edu.cn/chinese/yyxgl/skja.files/5.doc.htm>

<http://www.blogcatalog.com/blog/tun-dr-mahathir-mohamad>

<http://www.enterwang.com/shownews.asp?NewsID=8032>

<http://www.tutor.com.my/tutor/stpm/semantik/semantik.htm>

<http://students.ed.uiuc.edu/byunglee/class/lis391/emoticons.htm>

<http://www.oxconsulting.com/website-or-a-blog-which-is-best-for>

http://www.qzwb.com/gb/content/2002-06/20/content_523389.htm

<http://www.matskai.blogspot.com/.../bahasa-percampuran-kod, 21 Julai 2007>

- <http://csdl.computer.org/com/proceedings/hicss/2004/2056/04/20564010b.pdf>
- <http://www.blogsendiri.com/blog/umum/statistik-pengguna-internet-dunia.html>
- <http://dbp.gov.my/mob2000/penerbitan/prosiding/WT98.pdf> [2006. Februari 18]
- <http://www.sinchew.com.my/node/62459?tid=1> (Sin chew Jit Poh, 18 April 2008)
- <http://blog.awalmart.net/index.php/2009/07/statistik-pengguna-internet-di-malaysia/>
- <http://bebas.vlsm.org/v09/onno-ind-1/application/ppt-memanfaatkan-internet-secara-maksimal-1997.PPT>
- <http://www.pewinternet.org/Commentary/2008/July/New-numbers-for-blogging-and-blog-readership.aspx>
- http://www.bharian.com.my/klikkhas/pilihanraya/Berita/Rencana/20080320124703/Article/in_dexrencana_htm
- http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0704&pub=utusan_malaysia&sec=r_encana&pg=ot_01.htm&arc=hive&arc=hive
- Institusi Kajian Sains Sosial negeri China (2005) *Qingshaonian Shiyong Hulianwang Qingguang Baogao*.
 Available :www.edu.cn/ji_jiao_news_279/20060323/t20060323_55276.shtml
- Jason M. Ward (2004) [on line] Available:
www.esp-world.info/.../push%20button%20publishing%20ward%20...
- Grohol John M. (2002) *The Psychology of Blogs*
 Available:<http://www.psychcentral.com/blogs/blog2002.htm>.
- John, December (1997) *I Ming, Text Messaging and Adolescent Social Network.*
 Available: <http://www.citeulike.org/user/ro-annpasc/article/8832324>
- Jorn Barger (1999) Available: <http://www.robotwisdom.com/weblogs/>
- Liao, Ye dan Yang, Fan (2008) *Zhong Wen Bo Ke Zhong De Han Ying Yu Ma Huan Yong Diao Cha*[on line]
<http://www.cnki.com.cn/Article/CJFDTOTAL-KJXX201014344.htm>
- Li, Yan dan Hu, Jiasheng (2010) hi.baidu.com/.../d01e7e0840065093d0581b56.ht.
- Liow Tiong Lai (2008) *Pemuda MCA harus membina weblog untuk mendekati golongan belia negara dlm Sinchew daily 2008-04-18*
 Available: <http://www.sinchew.com.my/node/62459?tid=1>
- Liu, Yong (2005) “*最*”most popular net word in China. Shanghai Daily.[on line]
 Available: www.dailytimes.com.pk/default.asp?page=story_24-9-2005

- Luo, Haolin (2005), *Wangluo shidaide mai ze lun* dlm Beijing Wenhua Yanjiuwang
 Available : <http://www.cul-studies.com>
- Lu, Yuwei (2006) *Shuowen Jiezi: Chutang Wanglu Yuyan Xianxiang ji qi ShehuiYiyi.*
 Available: <http://www.ios.sinica.edu.tw/pages/seminar/infotec2/info2-20.htm>
- Lu, Yanhui (2004.) *Xiangli Meizi Xueshu Luntan.* Available: [http:// www.xlmz.net](http://www.xlmz.net)
- Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz (2000). *Evolusi Bahasa Melayu Internet.* Available: <http://www.bahasawan.org/isian/bm-net.htm>
- Nor Shah bin Mohamed. (2001). *Penggunaan Bahasa Melayu dalam Dunia Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT).*
 Available: <http://www.jpa.gov.my/buletinjpa/Jsbil2/>
- Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamad (2005) *Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kalangan Pelajar.*
http://sts.um.edu.my/seminar/PersidanganS&T_KertasKerja/Robiah%20Sidin.pdf
- Purba, Onno (1997) *Memanfaatkan Internet Secara Maksima.* Available: <http://bebas.vlsm.org/v09/onno-ind-1/application/ppt-memanfaatkan-internet-secara-maksimal-1997.PPT>
- Sarjit Singh Gill (2002). *Menakluki Dunia Melalui Internet.* Kuala Lumpur: Pelita Bahasa Available: dbp.gov.my/dbp98/majalah/pelita22/jun/pb6sar2.htm
- Suthanthiradevi a/p J.N.J.Money (2006) *Percampuran Kod Dalam Bahasa Melayu* dlm web: http://mptkl.tripod.com/rnd/devil_02a.htm
- Ward, J. M. (2004). Blog Assisted Lan Learning (BALL): Push button publishing for the pupils, TEFL Web Journal, Vol 3, Nol, 2004. 1
- Wan Imran Mohamed Woojdy (2003). “*Sembang-sembang Siber*” dalam Strategi Perbualan Di Internet Relay Chat.
 Available: <http://dbp.gov.my/mab2000/Penerbitan/Prosiding/wi98.pdf>
- Wijnia, E. (2005). Understanding Weblogs: a communicative perspective.
 Available:
http://elmine.wijnia.com/weblog/archives/wijnia_understandingweblogs.pdf
- Wikipedia. (2004) Metaphor. [on line]
 Available: http://www.fact-index.com/m/me/metaphor_1.html
- Wikipedia. (2006) *Internet Slang.* Available: http://en.wikipedia.org/wiki/Internet_slang
- Wikipedia. (2006). *Bulletin Board System.*
 Available: http://en.wikipedia.org/wiki/Internet_slang
- Ye, Zhixing (2002). *Minnan Hunsu de Shuzu Wenhua.* Available: www.qzwb.com/gb/content/2002-06/20/content_523389.htm

Zainal Sanusi (2011), *Evolusi dan Sejarah Kemunculan Blog*.

<http://www.iluvislam.com/teknologi/193-web/2063-evolusi-dan-sejarah-kemunculan-blog.html>

Zhuo, yanfang (2008), *Wangluo Yuyan xianxiang de shehui yu jing fenxi*.
<http://qkzz.net/article/1456f856-a503-4923-abd4-c23909bf2979.htm>